

PENYATA RASMI

PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA MESYUARAT KETIGA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KEDUABELAS

Hari : *20 November 2008 (Khamis)*

Tempat : *(Dewan Undangan Negeri,
Lebuh Light, Pulau Pinang)*

Jam : *9.30 Pagi.*

HADIR

Speaker (Y.B. Tuan Abdul Halim bin Hussain)
Ahli Kawasan Air Putih (Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng) – Ketua Menteri
Ahli Kawasan Penanti (Y.B. Tuan Mohammad Fairus bin Khairuddin) –
Timbalan Ketua Menteri I.
Ahli Kawasan Perai (Y.B. Prof. Dr. P. Ramasamy a/l Palanisamy) –
Timbalan Ketua Menteri II.
Setiausaha Kerajaan Negeri (Y.B. Dato' Jamaludin bin Hasan)
Penasihat Undang-undang Negeri (Y.B. Puan Faiza bt. Zulkifli)
Pegawai Kewangan Negeri (Y.B. Dato' Supiah bt. Md. Yusof)
Ahli Kawasan Machang Bubuk (Y.B. Tuan Tan Hock Leong) – Timbalan
Speaker
“ Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow)
“ Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim)
“ Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng)
“ Batu Lancang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang)
“ Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh)
“ Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang)
“ Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai)
“ Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi)
“ Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai)
“ Sungai Bakap (Y.B. Tuan Maktar bin Haji Shapee)
“ Bagan Dalam (Y.B. Tuan Tanasekharan a/l Autherapady)
“ Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik)

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin)
“ Tanjong Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu)
“ Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh)
“ Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng)
” Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee)
“ Bukit Tengah (Y.B. Tuan Ong Chin Wen)
“ Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin)
“ Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan)
“ Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee)
“ Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat)
“ Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam)
“ Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim)
“ Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya)
“ Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid)
“ Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad)
“ Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed)
“ Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin)
“ Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah)
“ Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya)
“ Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad)
“ Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria)
“ Bertam (Y.B. Puan Hajah Zabariah bt. Wahab)

TURUT HADIR

Encik Ezmil Arif bin Mohd. Khairan - Setiausaha Dewan Undangan Negeri.

TIDAK HADIR

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Tuan Mohd. Hamdan bin Abd Rahman)

Dewan bersidang semula pada jam 9.30 pagi.

Setiausaha:

Doa.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat selamat pagi Dewan bersidang semula, dipersilakan Ahli Yang Berhormat Padang Kota.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Y.B. Tuan Speaker, ...(dengan izin). Saya ingin sebelum persidangan bermula membangkitkan satu peraturan. Peraturan 13, berkenaan dengan pihak akhbar yang berbunyi seperti berikut:

Dengan tertakluk kepada syarat-syarat Peraturan Majlis Mesyuarat 12, Speaker boleh memberi kebenaran kepada wakil-wakil akhbar atau menghadiri persidangan-persidangan Dewan akan tetapi disyaratkan bahawa jika sekiranya pihak akhbar itu menyiarkan laporan yang pada fikiran Speaker yang tidak berpatutan mengenai persidangan itu maka kebenaran itu bolehlah dibatalkan. Saya merujuk di sini satu keratan akhbar Utusan pada 14 November 2008 dengan tajuk dominasi orang Melayu di sektor awam dipertikai. Ini adalah satu rencana yang tidak betul, yang tidak menyatakan yang sebenarnya apa yang berlaku semasa persidangan. Di sini akhbar ini membuat pertuduhan bahawa Timbalan Ketua Menteri kita membuat pernyataan-pernyataan mempersoalkan dominasi orang Melayu di sektor awam, itu tidak betul, kerana hakikatnya adalah Timbalan Ketua Menteri kita daripada Perai telah menyatakan bahawa pelantikan dibuat berdasarkan kepada merit. Dan saya kluatir lanjutan daripada siaran akhbar ini, laporan-laporan daripada polis telah dibuat. Saya rasa kita harus membuat satu fatwa pada hari ini bahawa pihak Utusan tidak sepatutnya dibenarkan untuk membuat liputan kerana mereka terbawa-bawa sangat untuk mempolitikkan isu ini.

Y.B. Tuan Speaker, ...(dengan izin), saya minta supaya pihak Utusan dibenarkan untuk terus membuat liputan mengenai persidangan ini kerana semua isu dipolitikkan dan apa yang berlaku dalam Dewan tidak disiarkan secara betul. Mohon satu *ruling* dibuat dan segera Y.B. Tuan Speaker ...(dengan izin).

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Tentang isu ini Yang Berhormat Perai memang ada sebutkan tentang bilangan, bilangan orang Melayu dalam sektor awam dan kita kena kira kebebasan akhbar, dengan ini saya membuat keputusan bahawa beliau masih boleh dibenarkan untuk menghadiri dalam Dewan ini.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/ Rajaji):

Y.B. Tuan Speaker, ...(dengan izin). Y.B. Tuan Speaker, saya setuju apa yang Y.B. Tuan Speaker katakan, berbalik kepada Peraturan 13, ia telah menyatakan dengan jelas sekiranya pihak akhbar itu menyiarkan pada fikiran Speaker tidak berpatutan, di sini tajuknya dengan jelas menunjukkan perkara yang tidak benar. Kita tidak mempertikaikan dominasi orang Melayu dalam sektor awam, kita cuma tanya, soalan yang ditanya adalah ditanya oleh saya, peratusan jawapan yang diberi oleh Y.B. Perai adalah bahawa dasar kerajaan baru adalah memberi kepentingan kepada merit, tiada kenyataan berkenaan perkauman dibuat oleh Ahli daripada Perai. Jadi saya rasa sepatutnya satu amaran sekurang-kurangnya dikeluarkan kepada Utusan kerana mempolitikkan isu ini dan memberi liputan yang tidak benar dan akibatnya laporan-laporan polis dibuat, terima kasih.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Yang Berhormat Seri Delima, tadi saya sudah buat keputusan dan saya setuju yang pemberita akhbar Utusan Malaysia ini dia sepatutnya berjaga-jaga dengan perkataan yang digunakan. Yang Berhormat Padang Kota, sila sambung penggulungan.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker, selamat pagi kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya mohon izin untuk meneruskan memberi jawapan-jawapan kepada perkara-perkara yang dibangkitkan atas portfolio Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalu Lintas dan Alam Sekitar. Mengenai kedudukan kewangan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPSP) dan juga bangunan MPSP yang dibangkitkan oleh beberapa Ahli Dewan. Sukacita saya memberi maklumat berhubung dengan perkara ini iaitu Ibu Pejabat MPSP adalah pembinaannya mendapat kelulusan yang bermesyuarat pada 28 Februari 2001 dan disahkan pada 7 Mac 2001 yang meluluskan cadangan MPSP untuk berpindah ke tapak baru di Mukim 6 dan 7 bandar PERDA Bukit Mertajam.

Yang keduanya membenarkan MPSP memberi tanah seluas 10 ekar untuk menempatkan bangunan Ibu Pejabat dan padang dan membenarkan rundingan terus dengan pihak asalnya Development Sdn. Bhd. untuk mereka bentuk dan membina bangunan tersebut mengikut spesifikasi MPSP. Berapa dasar dalam perbelanjaan MPSP telah berubah mulai 1999 dan seterusnya. Bermula pada tahun 1999 hingga 2005 Kerajaan Negeri telah mengarahkan supaya MPSP menyediakan peruntukan KADUN sebanyak RM50.4 juta. Selain daripada perbelanjaan KADUN ini mulai tahun 2001 hingga 2006 Kerajaan Negeri juga mengarahkan MPSP membuat bayaran seperti berikut:

1.	Majlis Sukan Negara	-	RM2.5 juta
2.	Tabung TYT	-	RM0.35 juta
3.	Stadium Batu Kawan	-	RM3.4 juta
4.	Dewan Milenium	-	RM1.4 juta
5.	Invest Penang	-	RM2 juta
6.	SUKMA	-	RM2.6 juta
7.	Projek Kerajaan Negeri	-	RM2 juta
8.	PPRT	-	RM5.3 juta

Ini menjadikan jumlah yang dibayar atas Kerajaan Negeri adalah sebanyak RM70 juta. Saya rasa ini adalah salah satu sebab mengapa kumpulan wang yang begitu banyak merosot kerana bayaran-bayaran seperti ini atas arahan Kerajaan Negeri. Mulai dari tahun 2001 hingga 2003 Kerajaan Negeri juga meminta MPSP supaya membayar balik pengambilan balik tanah untuk tujuan pasar awam, tempat letak kereta, padang bola, padang permainan, pembinaan kompleks sukan serta tapak kompleks makanan gerai sebanyak RM33.3 juta. Selain daripada itu mulai dari tahun 2002 perbelanjaan untuk perkhidmatan pembersihan sampah yang sebelumnya tidak perlu dibayar kerana tapak pelupusan sampah di Ampang Jajar diselenggara oleh MPSP sendiri. MPSP membayar *tipping fees* yang menyelenggarakan tapak pelupusan di Pulau Burung mulai tahun 2002. Tambahan kepada tapak pelupusan tersebut MPSP juga perlu membayar *tipping fees* untuk *transfer station* di Ampang Jajar mulai 2004.

Sehingga kini MPSP membelanjakan sebanyak RM68.8 juta untuk tujuan tersebut. Bagi menambah keceriaan Seberang Perai mulai tahun 2001 MPSP telah membelanjakan sebanyak RM23.3 juta untuk membeli pokok-pokok *annual*. MPSP juga telah menambah perbelanjaan untuk meningkatkan kekerapan kutipan sampah dan kerja-kerja pembersihan yang melibatkan peruntukan RM211 juta mulai tahun 2001 hingga kini.

Saya rasa ini telah memberi gambaran sedikit sebanyak kedudukan kewangan yang dihadapi MPSP sekarang dan Kerajaan Negeri pada masa itu. Mungkin melihat kumpulan wang yang dikumpulkan oleh MPSP begitu banyak, jadi atas arahan Kerajaan Negeri pelbagai perbelanjaan perlu ditanggung oleh MPSP atas arahan Kerajaan Negeri....(gangguan). Sungguh pun pada mulanya mungkin tidak perlu ditanggung oleh PBT berkenaan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Terima kasih Ahli Kawasan Padang Kota. Oleh kerana banyak arahan yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri untuk MPSP melakukannya dan sekarang ini, keadaan MPSP keadaan kewangannya tidaklah begitu kuat, adakah boleh dipertimbangkan juga supaya Kerajaan Negeri yang ada sekarang juga melakukan sesuatu untuk membantu kembali MPSP, kerana perbelanjaan yang dilakukan MPSP walaupun RM52 juta untuk KADUN dan sebagainya ia adalah sebagai satu perantara sahaja kerja-kerja itu adalah untuk MPSP juga. Terima Kasih.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Saya rasa perbalahan baru-baru ini, bekas EXCO Kerajaan Tempatan dengan Y.A.B. Ketua Menteri jelaslah dengan pemberian angka-angka demikian menunjukkan pada masa tempoh ini Kerajaan Negeri banyak mengharapkan MPSP menanggung perbelanjaan untuk melaksanakan projek-projek yang saya nyatakan. Ini mungkin pada asalnya haruslah dipikul oleh Kerajaan Negeri sendiri, jadi kerana berlaku arahan daripada Kerajaan Negeri kedudukan kewangan MPSP merosot dengan begitu mendadak dan pada tahun ini juga MPSP menghadapi kedudukan kewangan yang amat berat dan pernah memohon Kerajaan Negeri untuk membantu dalam sekitar mungkin RM17 juta untuk tahun ini dan perkara ini masih dipertimbangkan.

Saya rasa peruntukan ini, memberi satu iktibar kepada kita supaya kita perlu menjaga amanah kewangan ini dan saya nampak dari angka-angka yang diberikan oleh MPSP 2 tahun kebelakangan ini, defisit pun telah dikurangkan kerana langkah-langkah yang sudah pun diambil untuk membetulkan keadaan yang merunsingkan itu. Jadi kita berharap tidak ada pilihan lain selain daripada menjaga kedudukan kewangan dengan sebaik-baiknya untuk *build up* sekali lagi kumpulan-kumpulan wang melalui perbelanjaan yang berhemah, mengurangkan ketirisan, kebocoran dan memastikan segala projek yang ditawarkan dengan harga yang berpatutan dengan penyampaian yang sebaik-baiknya.

Pembayar-pembayar cukai tapak dapat menikmati perkhidmatan daripada PBT atas pembayaran cukai mereka. Kutipan cukai secara purata bagi MPSP yang disoalkan oleh Yang Berhormat Sungai Dua, kutipan cukai pintu adalah 400 pada puratanya bagi satu premis, tapi kos untuk belanja satu premis untuk tujuan kebersihan adalah RM600.00 setahun. Jadi bermakna perbelanjaan untuk pembersihan lebih kurang RM55 juta setahun, adalah melebihi puratanya cukai yang dikutip daripada pembayar cukai dan inilah isu mengapa pada peringkat ini tak mungkin kita pecah-pecahkan Seberang Perai kepada lebih banyak Majlis Perbandaran sebab pada kini pun *cross subsidy* pun berlaku. Ada kawasan yang memang tidak begitu menyumbang begitu banyak kepada cukai pintu tetapi perkhidmatan masih perlu diberikan....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Saya berpandukan kepada jawapan yang diberi oleh Ahli Padang Kota bahawa kutipan hasil cukai pintu bagi Daerah Seberang Perai Utara sebanyak RM20 juta, lebih sikit itulah, tetapi perbelanjaan untuk pengurusan sampah, penyelenggaraan parit, longkang, cuma RM770,000, Ini yang saya kata kenapa begitu sikit, 8% sahaja sedangkan daerah Seberang Perai Utara menyumbangkan RM20 juta tetapi yang servis balik cuma RM700,000 ribu. Ini yang saya pertikaikan.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Rasa mungkin angka ini tidak memasuki pengurusan sampah pada keseluruhannya. Ini mungkin adalah kes-kes spesifik di SPU tetapi pada keseluruhannya seperti saya nyatakan di sini sememangnya apa yang dikutip pada puratanya tidak cukup untuk menanggung perbelanjaan untuk tujuan kebersihan. Ada soalan tentang bagaimana memungut tunggakan cukai tafsiran MPPP dan MPSP. Lazimnya pelbagai tindakan yang diambil oleh PBT untuk memungut tunggakan cukai melalui tindakan penguatkuasaan, tindakan *caveat*, tindakan *garnishment off rental* membuat lawatan untuk mendapat gambaran yang sebenar, membenarkan bayaran ansuran, komunikasi antara pemilik dengan PBT dan sebagainya.

Ahli kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Penjelasan. Adakah jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat tak betul, kerana dalam jawapan ini kata, perbelanjaan kerja-kerja pembersihan untuk kontrak pembersihan am dan kontrak perkhidmatan pelupusan sampah di kawasan Seberang Perai Utara RM779,930.00.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Terima kasih, Y.B. Tuan Speaker. Saya akan menyemak dan memberi jawapan secara bertulis dan membetulkan kalau ada kesilapan dan mensahihkan kalau ada angka-angka itu betul kelak. Y.B. Tuan Speaker, soalan timbul juga berkenaan untuk tujuan tanah perkuburan tidak mencukupi oleh Yang Berhormat Permatang Berangan. Keperluan tanah bagi tujuan perkuburan memang tidak mencukupi oleh kerana pihak Kerajaan perlu peruntukan kewangan yang banyak untuk membuat pengambilan tanah untuk tujuan tersebut, perlu dikenal pasti tapak-tapak untuk tujuan tersebut secara terperinci yang melibatkan banyak pihak seperti kubur Islam, Cina, India, Kristian dan lain-lain kaum. Kita perlu membuat perancang dan kajian yang terperinci dengan semua pihak iaitu PBT, Majlis Agama, PDC juga khususnya di kawasan Batu Kawan. Memang ada peruntukan untuk dikhaskan tapak-tapak perkuburan di kawasan pembangunan baru seperti Batu Kawan. Saya teruskan dengan isu...(Penjelasan)

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Kalau kita melihat kepada rancangan yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri yang terdahulu, termasuklah pihak-pihak berkuasa tempatan, yang memang daripada dulu dan sekarang masih yang sama, dan juga satu lagi agensi yang terlibat iaitu UPEN. Satu kajian berkenaan dengan keperluan tanah perkuburan masa depan bagi Negeri Pulau Pinang telah pun dilaksanakan beberapa tahun yang dulu. Jadi saya ingin dapatkan penjelasan ataupun adakah sebarang *finding* ataupun penemuan-penemuan baru, keputusan-keputusan baru dan data-data baru yang diperoleh sekarang ini bagi tujuan untuk mewujudkan tapak-tapak baru ini. Terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Terima kasih atas maklum balas Yang Berhormat Permatang Berangan. Saya akan susuli dengan UPEN untuk mendapat maklumat berhubung dengan kajian yang pernah dibuat beberapa tahun dahulu. Memang masalah tanah untuk perkuburan adalah mendesak dan kita berharaplah ini pun merupakan satu hak asasi juga bagi yang hidup yang juga akan memerlukan tapak-tapak pada satu hari kelak dan kita perlulah memastikan hak asasi ini dapat dipenuhi. Berhubung dengan CCTV yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datok Keramat, sukacita dinyatakan bahawa Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan akan memasang lagi 31 buah kamera CCTV di bahagian pulau dan telah bertauliah pada 25 Februari tahun ini.

Di samping itu satu unit kamera bergerak telah disediakan dan dikendalikan oleh pihak polis. Seiring dengan ini, pusat pemantauan operasi telah disediakan di KOMTAR Ibu Pejabat Polis Kontinjen Jalan Penang dan Ibu Pejabat Daerah di Jalan Petani. Kos yang terlibat untuk mengadakan sistem ini adalah RM5.8 juta. Di samping itu jabatan Kerajaan Tempatan dan KPKT telah mengambil tender untuk memasang 24 buah kamera tambahan di bahagian pulau dan 24 lagi di Seberang Perai. Adalah dijangka bahawa kerja-kerja pemasangan kamera-kamera ini akan dimulakan pada tahun hadapan dan disiapkan dalam tempoh yang terdekat ini. Selain daripada itu Kerajaan Negeri dengan kerjasama pihak polis juga telah mengenal pasti lokasi-lokasi *hotspot* untuk pemasangan CCTV untuk seluruh Negeri Pulau Pinang, ini adalah tambahan dari apa yang saya sebutkan tadi sebab memang menjadi satu cabaran kepada Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Ketua Menteri yang baru ingin menangani isu-isu berhubung dengan berlakunya jenayah bukan sahaja nampak selamat tetapi kita semua dapat rasa satu yang selamat di Negeri Pulau Pinang ini.

Y.B. Tuan Speaker, berhubung dengan dengan penubuhan *joint management body* dan MC mengikut statistik yang diperolehi, pertubuhan MC setakat 31 Oktober tahun ini, di MPPP 313, di MPSP 329, sementara penubuhan JMB iaitu Badan Pengurusan Bersama di MPPP 106, dan di Seberang Perai 45, saya rasa, angka ini cuma satu bahagian sahaja, di mana ada banyak lagi hartanah bertingkat masih perlu menubuhkan MC mahupun JMB dan saya berharap PBT walaupun diberi tanggungjawab yang baru ini dapat melaksanakan tugas ini dengan baik.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Dalam persidangan yang lalu, ada juga yang mengatakan bahawa pihak Kerajaan Tempatan sedang berusaha untuk mendapatkan peruntukan tambahan supaya kakitangan tambahan boleh diletak di dalam tanggungjawab COB ini dan juga mengendalikan JMB ini dan sebagainya. Bagaimanakah kedudukan sehingga sekarang.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Saya dapati ada pegawai baru yang isi jawatan di bahagian ini. Namun saya berasa masih tidak mencukupi dan saya berharap Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan di pusat dapatlah mengambil maklum perkara ini bagi di keseluruhan negara pun terasa perlu satu pendekatan lebih gigih untuk melihat isu ini.

Di samping isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat beberapa kali iaitu, penyelenggaraan bangunan-bangunan bertingkat yang lama. Saya rasa ini membabitkan satu perbelanjaan yang amat besar yang pada masa ini saya rasa di luar kemampuan Kerajaan Negeri dan di sini saya rasa Kerajaan Pusat dapat memainkan satu peranan yang amat penting di mana ada banyak *property* yang bertingkat ini, tidak ada *sinking fund* yang mencukupi ataupun menguruskan *sinking fund* dengan baiknya untuk menjalankan kerja-kerja selepas 10, 15 hingga 20 tahun didiami oleh pemilik-pemilik. Walaupun ini adalah hal ehwal peribadi tetapi kita lihatlah sama ada peluang kita dapat peruntukan dari pusat untuk membantu dari segi ini.

Yang Berhormat Tanjong Bunga menimbulkan garis panduan berhubung dengan bangunan tanah tinggi dan syarat-syarat yang dikenakan untuk projek tanah tinggi adalah undang-undang kecil kerja tanah dan laporan *geo-technique* yang perlu disediakan dan disemak oleh *geo-technique* kedua dan perlu diluluskan oleh Jawatankuasa Tanah Berisiko di peringkat Kerajaan Negeri sebelum kebenaran merancang diberi oleh PBT. Y.B. Tanjong Bunga juga mencadangkan supaya perusahaan kuari dikaji semula bersesuaian dengan pelancongan di kawasan Pulau. Perusahaan kuari di bawah bidang kuasa Pejabat Tanah dan Galian, kuari adalah melalui Pejabat itu dan perlulah dirujuk kepada Jabatan Alam Sekitar yang memastikan pemohon itu mengemukakan laporan kesan penilaian Alam Sekitar atau EIA yang dipertimbangkan di peringkat Negeri. Perusahaan kuari tidak dapat dalam *used class order* atau aktiviti guna tanah dalam pelan dasar merancang kawalan pembangunan MPPP dan juga Draf Perancangan Tempatan Pulau Pinang kerana aktiviti ini tidak sesuai di mana dikatakan oleh Y.B. dalam kawasan pulau pelancongan ini.

Berhubung dengan Tanjong Tokong dikeluarkan dari senarai Kampung Tradisi, Y.B. Air Itam sudah pun menjelaskan di rancangan tempatan ianya, masih ada satu rancangan pembangunan yang ingin dimajukan oleh UDA.

Y.B. Seri Delima membangkitkan ingin penjelasan mengapa unit undang-undang lewat menyelesaikan kutipan kompaun. Beliau mencadangkan mungkin patutnya ada pemantauan untuk tengok cara-cara bayaran dibuat. Sukacita saya memaklumkan kepada Y.B. dalam Dewan yang mulia ini, memberitahu tentang kesalahan atau PTK dikeluarkan oleh beberapa jabatan MPPP misalnya pelesenan, kesihatan, perkhidmatan perbandaran dan bahagian penguat kuasa. Bilangan PTK yang dikeluarkan setiap tahun adalah amat besar.

Sekiranya tawaran kompaun tidak terima, ada proses-prosesnya. Sekiranya tawaran kompaun tidak diterima oleh pesalah, bahagian kutipan hasil akan mengeluarkan peringatan kepada pesalah mengenai tawaran kompaun yang belum diselesaikan dan mengingatkan bahawa tindakan perundangan akan diambil sekiranya ianya tidak dijelaskan. Jika masih tidak diselesaikan selepas peringatan itu bahagian kutipan hasil akan mengumpul semua rekod, memasukkan data dalam sistem komputer untuk urusan penyediaan dokumen-dokumen mahkamah. Antara lain dokumen aduan kepada mahkamah dan pastikan pegawai yang mengeluarkan PTK itu menandatangani. Perkara ini diuruskan oleh 2 orang kakitangan sahaja disebabkan oleh beban kerja beribu-ribu PTK mengambil masa untuk diproses. Itu sebab mengapa kesalahan yang dilakukan pada tahun 2003, 2004 dan mungkin 2005 cuma tindakan mahkamah diambil pada tahun ini. Saya berharap PBT ini dapat memberi perhatian kepada perkara ini kerana sebarang kelambatan juga membabitkan hasil kepada PBT dan juga dari segi keadilan kepada pesalah ataupun penerima saman itu tempoh panjang tidak sepatutnya berlaku.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Penjelasan. Terima kasih kepada jawapan dan penjelasan yang diberikan oleh Y.B. Ahli Padang Kota. Tetapi saya ingin menyuarakan di sini bahawa dalam sesi-sesi dialog yang kita adakan dengan pihak MPPP saya mendapati bahawa Pegawai Undang-undang sentiasa tidak hadir dan dalam persidangan Dewan Undangan Negeri pada kali yang pertama dan juga kali ini, sejak kita bermula saya mendapati beliau tidak hadir dan sentiasa menghantar wakil dan saya rasa kemungkinan saya beliau perlu hadir sendiri untuk mendapat *feed back* ...(dengan izin), dan juga pendapat-pendapat seperti yang telah disuarakan supaya beliau sendiri dapat perhatian kepada masalah-masalah yang dibangkitkan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Y.B. Tuan Timbalan Speaker, kehadiran ketua-ketua jabatan di Dewan semasa bersidang adalah mengikut jadual dan bergilir-gilir. Kenyataan Yang Berhormat dicatat diambil maklum dan diharap semua ketua jabatan ada peluang untuk menghadiri sesi Dewan ini khususnya semasa perbincangan berlangsung untuk mendapat *feed back* yang amat berguna kepada mereka.

Beberapa Yang Berhormat menimbulkan isu berhubung dengan premis pusat hiburan dan ingin tahu apakah pandangan PBT berhubung dengan premis hiburan ini dan apakah tindakan yang diambil dan ada cadangan untuk tutup pusat-pusat hiburan dan rumah urut. Sukacita saya ingin memberi maklum balas kepada Dewan ini bahawa sememangnya PBT mengkompaun pusat-pusat hiburan yang beroperasi tanpa lesen. Sekiranya masih beroperasi MPPP akan mengambil tindakan rampasan kemudian dirujuk untuk tindakan mahkamah. Sehingga kini MPPP telah melesenkan 198 buah pusat hiburan dan 35 rumah urut, sekiranya Kerajaan Negeri memberi arahan untuk menutup semua pusat hiburan dan rumah urut. Ianya mungkin akan mengakibatkan kerugian dalam ekonomi dan pelancongan di Pulau Pinang kerana kebanyakan pengunjung ke tempat ini adalah pelancong tempatan dan luar Negara. Tindakan ini juga akan mengakibatkan pekerja-pekerja di tempat ini kehilangan pekerjaan dan pengusaha-pengusaha juga akan kerugian. Walau bagaimanapun sekiranya Kerajaan Negeri ingin mengambil tindakan drastik supaya dibekukan semua permohonan baru dan hanya mengawal pusat-pusat hiburan dan rumah urut sedia ada sahaja. Pihak PBT pun sentiasa bekerjasama dengan pihak Polis untuk memantau keadaan ini dan saya rasa baru-baru ini pihak Polis pun ada menyuarakan ketidakpuasan hati mereka mengapa pusat-pusat hiburan yang diserbu banyak kali masih beroperasi. Perkara ini pun diambil maklum oleh pihak PBT.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bte. Hamid):

Ada beberapa perkara apa yang berkaitan dengan pusat-pusat ini, pertamanya pusat hiburan selain daripada rumah-rumah urut, pusat hiburan tetapi juga pusat-pusat lain yang menyamar sebagai perniagaan yang ...(dengan izin), *digitimate* seperti *snooker centre*, *gymnasium*, *fitness centre*, *cyber café*, ini semua mendapat lesen sebagai perniagaan ...(dengan izin), *digitimate* tetapi menjalankan aktiviti-aktiviti yang tidak dibenarkan seperti *snooker centre* yang menjual minuman keras atau pun lain-lain seperti *beer* kepada orang ramai dan juga kepada yang bawah umur. Saya hendak minta PBT mengambil tindakan mengawasi aktiviti perniagaan-perniagaan ini. Bukan sahaja memastikan mereka ada lesen tetapi juga aktiviti yang mereka jalankan supaya tidak menyebabkan masalah gejala sosial. Terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Terima kasih kepada Y.B. Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar sememangnya kita semua menyedari bahawa ini adalah satu masalah yang haruslah ditangani dan saya rasa pemantauan sering berlaku

dengan berterusan sama ada oleh PBT atau pun pihak Polis, tetapi sungguh pun sekiranya kerja-kerja pemantauan open operasi berhenti ataupun tidak dilakukan dengan sekerap-kerapnya memang muncul gejala-gejala tidak sihat di pusat-pusat tersebut dan saya rasa ini adalah cabaran yang berterusan dan selain daripada mengambil satu pendirian yang amat tegas bahawa pusat hiburan tidak dibenarkan terutama sekali ataupun mengenakan syarat-syarat yang lebih ketat. Seketat-ketat pun diletakkan syarat masih ada kelonggaran atau pun pihak yang ingin melanggar syarat-syarat yang ketat itu. Jadi kita perlulah saya rasa memberi perhatian, sememangnya diberi perhatian YDP, MPP pun dapat surat daripada Ketua Polis Negeri berkenaan isu ini dan mengarahkan tindakan sewajarnya diambil tindakan.

Berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Y.B. Pinang Tunggal sama ada premis pusat hiburan dan karaoke yang mempunyai lesen perniagaan boleh menjual minuman keras dan arak. Pusat hiburan dan karaoke boleh jual *beer* tanpa lesen, *liquor* atau arak tetapi memerlukan sekiranya ia *liquor* atau arak dan minuman keras. Sebelum Lembaga Eksais Negeri meluluskan lesen arak ini permohonan akan dirujuk kepada pihak Polis dan PBT dan Kastam untuk mendapat sokongan. Sekiranya pihak tersebut menyokong Lembaga akan meluluskan permohonan. Permohonan seterusnya perlu memaklumkan kepada umum cadangan untuk menjual *liquor* atau arak ini dan mengiklankan dalam surat khabar dan ada kalanya ada bantahan diterima dan lesen tidak dikeluarkan. Itu tidak menghormati masyarakat tempatan yang mungkin ada pandangan lain terhadap tempat-tempat yang menjual arak ini. Jadi sekiranya terdapat aduan pihak Polis, Kastam akan menarik balik sokongan itu dan lesen itu akan dibatalkan ataupun tidak dikeluarkan.

Y.B. Pengkalan Kota ada menimbulkan isu pembersihan keselamatan kebakaran dan sistem pembedungan clan jety di Jety Pengkalan Weld. Sukacita saya memaklumkan kepada Dewan bahawa pembersihan laut kawasan Pengkalan Weld dan Pengkalan Kota dilakukan oleh Persatuan Peladang. Kerja-kerja pembersihan bermula daripada Pengkalan Weld hingga Jabatan Laut di Batu Uban. Jadual pembersihan adalah tiap-tiap hari, termasuk cuti umum dan menggunakan 4 buah bot dan sebuah katamaran, manakala kerja-kerja pembersihan di kawasan *City Marine* pula dilakukan oleh kontraktor khas yang dilantik oleh Penang Port Sdn. Bhd. Kerajaan Negeri akan memastikan kerja-kerja pembersihan laut dilakukan mengikut jadual dan *clan jety* termasuk dalam zon tapak Warisan Dunia yang diiktiraf oleh UNESCO.

Dalam draf rancangan tempatan Negeri Pulau Pinang ianya telah kenal pasti dan jeta sebagai *living heritage* dan infrastruktur jeta seperti bekalan air, sistem pembedungan dan sistem pembuangan sampah akan dipertingkatkan dari masa ke semasa. Kerajaan Negeri telah membekalkan lampu-lampu jalan untuk Kren Jeta dan di jalan di hadapan Kren Jeta berkenaan. Iaitu ianya juga jalan-jalan di situ pun dilapisi muka dengan eloknya dan isu tentang pencegah kebakaran belum ada peruntukkan untuk memasangkannya lagi. Berhubung dengan pembedungan buat masa sekarang pihak juru berunding telah dilantik untuk menjalankan kajian ke atas sistem pembedungan sedia ada yang diguna pakai oleh di perkampungan di Kren Jeta juga bilangan rumah yang terdapat di kawasan tersebut. Buat masa terdekat kerja-kerja pemasangan paip pembedungan, *conventional* di Kren Jeta tidak dapat diguna pakai memandangkan ianya adalah penempatan di atas laut. Sistem yang boleh digunakan adalah *Vacuum Sewer* yang terdapat di pasaran tetapi adalah amat mahal dan memerlukan *commitment* tuan punya premis untuk memastikan ia diselenggarakan dengan baik. Walau bagaimanapun kerja-kerja perancangan sedang dijalankan bagi tujuan kaji selidik untuk menyediakan sistem pembedungan yang sempurna sekiranya projek ini didapati sesuai ia akan dimajukan kepada kerajaan persekutuan bagi tujuan perusahaan, pembiayaan dan implementasi.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar Bin Ibrahim):

Mintak laluan Y.B. Tuan Speaker. Tadi Y.B. Padang Kota ada menyentuh tentang *Heritage* jadi saya teringat juga saya ada baca *paper The Star* pagi tadi tajuk utamanya Tapak Warisan Dunia ini sedang dalam keadaan yang membimbangkan di Pulau Pinang. Ada *guideline* ataupun peraturan-peraturan yang telah ditetapkan bahawa sekian bangunan-bangunan tidak melebihi beberapa tingkat dan sebagainya tetapi kerajaan negeri sudah meluluskan empat bangunan. Kalau diteruskan membangunkan bangunan ini pengiktirafan itu akan ditarik balik oleh UNESCO bererti George Town akan kehilangan Tapak *Heritage* iaitu Tapak Warisan. Tetapi kalau dibatalkan kelulusan itu, akan kerugian beratus-ratus juta yang terpaksa dibayar terutama sekali MPPP yang jaga tentang kawasan *Heritage*. Soalan saya apa sekarang akan terjadi, buat bangun hilang status itu, ditarik balik kelulusan itu *you* kena kerugian ratusan juta. Tak payah jawab la kerajaan dulu-dulu, itu tiga bangunan tetapi satu kerajaan sekarang nak lulus? Yang kedua berapakah kos perbelanjaan untuk tambah nama jalan-jalan kepada berbagai bahasa, kos dia yang akan melibatkan pelbagai perbelanjaan tambahan, berapa kosnya?

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Terima kasih Y.B. Penaga atas soal berhubung dengan satu amaran yang diberikan oleh Penasihat Warisan, Encik Riched Angel Hard, berhubung dengan kemungkinan pengiktirafan itu ditarik balik oleh UNESCO sekiranya kelulusan ataupun bangunan-bangunan yang bertingkat dikenakan untuk dibangunkan di kawasan warisan. Sememangnya Kerajaan Negeri menerima peringatan ini pada pakar UNESCO ini tentang cabaran yang kita hadapi yang sudah pun digariskan oleh Y.B. sendiri. Kelulusan sudah pun diberikan sebelum mendapat pengiktirafan itu keempat-empatnya selepas pengiktirafan tak ada lah kalau nak batalkan isu pun sudah pun digariskan oleh Y.B. sendiri jadi ini sudah pun menjadi satu cabaran yang besar kepada usaha untuk memastikan kita dapat mengekalkan pengiktirafan itu dan memastikan ianya tidak ditarik balik di MPPP memang ada garis panduan berhubung dengan ketinggian bangunan yang boleh dibenarkan setakat ini bangunan yang dibenarkan di dalam kawasan warisan adalah lima tingkat setinggi-tinggilah. Tetapi ini tidak bermakna bahawa MPPP perlu meluluskan sebarang permohonan walaupun lima tingkat lulus begitu sahaja tetapi MPPP akan melihat *spake scape* pada keseluruhannya di jalan tersebut di mana cadangannya kemukakan sama ada pembangunan itu secocok dengan *spake scape* di jalan tersebut. Memang perkara ini menjadi satu cabaran saya aku dan sebuah Jawatankuasa Teknikal akan ditubuhkan untuk mengkajinya. Saya rasa ini betul-betul satu cabaran saya perlu aku di sini dan memerlukan segala usaha dan segala tenaga untuk kita memandangnya dengan serius.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar Bin Ibrahim):

Y.B. Tuan Speaker, memang saya juga akui ini satu cabaran yang besar. Tapak Warisan dengan ratus juta ringgit. Walau bagaimanapun kita nak kekalkan Tapak Warisan dunia itu yang telah bersusah payah kita mendapatinya. Ini satu yang kita harus berpegang kepada itu, carilah jalan penyelesaian supaya pengiktirafan Tapak itu tidak hilang daripada Pulau Pinang ini.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Satu cadangan sementara kepada pencegahan sebarang permohonan dalam tempoh ini sehingga Jawatankuasa Teknikal dapat menangani isu yang ditimbulkan. Dalam tempoh peralihan ini kita akan memastikan segala *plan* permohonan dikaji dan dirujuk kepada unit warisan untuk pemantauan yang seketat-ketatnya.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Minta laluan. Bukan soal kita nak bekukan yang dah diluluskan ini yang empat biji itu bagaimana kita nak selesaikan ini.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Itu jugalah dalam pertimbangan Jawatankuasa Teknikal ini bagaimana untuk menyelesaikan adanya sudah pun mula pembinaan dua antara empat sudah mula dan lagi dua lagi sebab *plan* merancang *valet* untuk satu tahun saja. Sekiranya sampai masa untuk menyambung *plan* merancang itu, rundingan boleh dilakukan pada peringkat itu. Y.B. Paya Terubong menyentuh tentang...(gangguan)

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Mintak laluan. Tadi berapa kos untuk itu?

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Perkara ini masih dalam peringkat penyediaan. Kos tidak dapat dikenal pasti lagi tetapi kita akan memastikan Kerajaan Negeri akan memberi peruntukan khas la untuk tujuan ini.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):

Penjelasan Y.B. Saya nak tahu sebenarnya adakah papan tanda nama jalan atau papan tanda *interpetative* jalan?

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Yang dimaksudkan adalah di bawah akta *Manage Building At Spilt Name Plate* tanda jalan saja. Bukan itu petunjuk. Y.B. Paya Terubong ingin melihat PBT memainkan peranan yang proaktif dalam segi meluluskan pelan-pelan dengan secepatnya untuk menarik pelabur hartanah khususnya dalam keadaan yang amat merunsingkan. Saya rasa *One Stop Centre* yang ditubuhkan memainkan peranan ini walaupun ianya masih lagi boleh dibaikkan tahap prestasinya saya berharap kita dapat menerima cadangan-cadangan tapak OAC dibaikkan operasinya. Sebab masa tidak mengizinkan saya tidak lupa Y.B. Pulau Betong berhubung dengan pasar awam Balik Pulau, MPPP setakat ini belum menerima apa-apa rayuan secara rasmi daripada peniaga-peniaga untuk mengurangkan bayaran sewa dan tidak peruntukan diberi khusus untuk mengurangkan kadar sewa kepada golongan OKU.

Walau bagaimana pun MPPP ada memberi keutamaan kepada golongan OKU untuk mendapat gerai-gerai di pasar awam Balik Pulau dan bidang kuasa pelesenan MPPP cuma membabitkan pelesenan dan kebersihan kesihatan. Dari segi promosi mungkin kita boleh fikirkan la bagaimana tempat itu dapat dipromosikan dan perkara-perkara berhubung dengan tanda hala dan tanda arah itu sudah pun dirujuk kepada Jabatan Bangunan dan mengenai banjir yang berlaku di belakang pasar itu saya sendiri pun ada melawat tempat itu mungkin ada projek perumahan yang membina tembok yang menghalang atau pun menjejaskan saliran semula jadi di perkampungan itu dan membabitkan satu atau dua buah rumah la saya rasa, saya tak ingat.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Penjelasan. Terima kasih Y.B. Padang Kota. Y.B. Tuan Speaker. Berhubung dengan masalah banjir yang saya tertarik dengan masalah banjir ini sebab saya mendapati di kawasan saya la saya mendapati banjir sering kali terjadi bukan kerana masalah alam yang sebenarnya tetapi banyak banjir yang terjadi di taman-taman yang ada di SPS ini kebanyakan adalah disebabkan oleh infrastruktur yang kurang memuaskan tetapi saiz longkang yang kecil sangat yang tak mampu untuk kadar air hujan yang lebat limpahan air hujan yang banyak sama ada dari bukit mahupun dari pasangan air laut jadi ini. Memandangkan masalah ini sering kali terjadi saya amat berharap terutama sekali bahagian banjir, Jabatan-jabatan tertentu supaya mengambil tindakan supaya masalah ini tidak berulang lagi di masa hadapan dengan syarat-syarat khusus terhadap pemaju-pemaju perumahan yang sedia ada dan akan datang. Terima kasih.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):

Penjelasan Y.B. Tuan Speaker soalan tadi. Terima Padang Kota. Saya adalah di antara wakil rakyat yang apabila hujan kita cukup-cukup risau. Semalam saya bercakap tentang bukit ini dikorek, pagi semalam. Apa yang berlaku petang semalam jam lebih kurang enam petang, air hujan berhampiran dengan *Lion Dean* di Jalan Tun Sardon, air hujan turun begitu lebat sekali, kalau kita nak ke Relau ke Balik Pulau sebelah kanan turun dengan begitu laju sekali sehingga menyebabkan motosikal yang lalu di kawasan itu dibawa arus yang deras itu dan mengakibatkan kematian semalam dan saya mendapati ini serius dan saya minta Kerajaan Negeri lihat bagaimana hendak memantau apa jua kerja-kerja yang berlaku di atas bukit kerana itu memang memudaratkan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Penjelasan. Ini adalah topik yang sama. Saya ingin bersetuju dengan Ahli daripada Jawi kerana saya rasa sekarang masalah banjir sekarang adalah infrastruktur yang tidak kita untuk masa sekarang dan saya rasa masalahnya adalah adakah spesifikasi-spesifikasi PBT sekarang masih relevan di mana pengiraan kira-kira pengiraan atau formula-formula yang digunakan dan dipakai pada 70-an adakah ia masih relevan sekarang dan adakah usaha-usaha dijalankan untuk kaji balik tentang formula-formula yang mungkin usang. Kerana saya rasa sekarang dengan pembangunan yang begitu pesat kita kena ada dia punya *cashment area* mungkin akan sudah bertambah dan formula dia punya *what you call survey surrounded* sudah bertambah. Terima kasih.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Penjelasan, oleh kerana begitu banyak pembangunan yang telah berlaku dan pengaliran air daripada longkang-longkang kadang-kadang tidak berjalan dengan baik kerana *invert level* yang diambil dahulu dengan *invert level* setelah pembangunan-pembangunan yang ada sekarang berbeza. Kalau boleh dikaji semula untuk penyesuaian semula perparitan dan juga *invert level* terkini yang boleh diguna pakai.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Saya rasa JPS dan PBT menghadapi satu masalah di mana pembangunan berlaku secara berperingkat-peringkat di sesuatu kawasan dan piawaian yang dilakukan ke atas projek perumahan adalah berdasarkan kepada saiz projek itu mungkin JPS dan PBT akan mengenakan syarat dan piawaian, *2 years term*, *5 years term* dan *10 years term* untuk memastikan saiz longkang itu mencukupi untuk menampung air oleh itu saya rasa satu pendekatan yang harus diambil adalah untuk melihat bagi satu kawasan keseluruhannya. *Drainage masterplan* bagi tempat itu perlu diadakan dahulu sebelum pelan-pelan diluluskan walaupun oleh pemaju-pemaju yang berlainan tetapi rancangan itu sudah pun menetapkan apakah keperluan yang perlu dipatuhi oleh pemaju apabila kemajuan sampai di tempat mereka. Ini satu pendekatan yang harus diambil kira dan saya rasa sudah diambil kira oleh JPS dan PBT dan untuk memastikan sama ada piawaian mereka untuk sistem perparitan apakah itu sudah ketinggalan ataupun piawaian yang lebih tinggi perlu dikenakan tidak lagi *5 years term* mungkin *20 years term* supaya dalam reka bentuk perparitan itu cukup untuk menampung *the heaviest rain fall not only in 5 years but 20 years...* (gangguan).

Saya rasa saya diminta untuk menghabiskan dan saya bercadang untuk habiskan dan sekiranya tidak dapat menjawab perkara yang dibangkitkan saya akan susuli dengan jawapan bertulis kepada setiap persoalan yang timbul. Secara ringkas untuk menjawab Y.B. Bayan Lepas, penyediaan pelan tempatan sedang dijalankan dan MPPP pindaan sudah dilakukan pada 8 Oktober. Pihak perunding sedang meminda laporan tersebut sebelum dimaklumkan kepada Jabatan Perancang Negeri dan dijangka seranta awam akan diadakan pada penghujung tahun ini untuk mendapat komen dan maklum balas. Akhirnya berhubung dengan pengangkutan awam.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu):

Penjelasan. Terima kasih, saya di sini ingin memberi nasihat kepada Kerajaan Negeri terutamanya EXCO yang berkaitan dengan Kerajaan Tempatan, ini ada satu merujuk kepada memorandum yang diberikan oleh *Penang Wireless Campaign Group* dan *Penang Telco Tower Complain* saya dengan Alam Sekitar Pulau Pinang yang dicintai kita dan di atas kesihatan awam saya ingin memberi nasihat kepada Kerajaan Negeri untuk memberi perhatian dan mempertimbangkan cadangan dan pandangan dalam memorandum yang berkenaan. Servis *wireless* dengan percuma di seluruh negeri yang diserahkan. Dalam memorandum ini EMF disebutkan *Electromagnetic Fields*; ia ada dua jenis pada ketika ini iaitu EMF maksudnya *extremely low frequency electromagnetic field* dan RF maksudnya *radio frequency radiation*. Dan EMF dikatakan boleh membawa barah dan juga boleh merawat barah. EMF juga jika tidak dikawal baik mungkin akan menjadi satu punca pencemaran udara air *pollution* ...(dengan izin), maka hendaklah kita merayu berhati-hati apabila menggunakannya. Memang setelah merujuk kepada memorandum ini saya ingin membuat satu kesimpulan ringkas dan nasihat dan rujukan kepada Kerajaan Negeri seperti berikut.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Terima kasih. Saya juga telah menerima memorandum itu dan terima kasih kepada ke prihatin Yang Berhormat. Perkara ini akan ditimbang dan memang ini menjadi pertikaian hasil-hasil penemuan kajian banyak dilakukan banyak kesan-kesan dan radioaktif yang terdapat dalam WiFi dan *WayMax* lebih kurang pada *hand phone* yang kita pakai ini. Jadi kita akan mengambil kira segala pandangan dan Kerajaan Negeri sentiasa peka kepada rungutan dan cadangan yang dikemukakan.

Berkenaan dengan pengangkutan awam kepada beberapa orang ahli yang telah membangkitkan berkaitan dengan kesesakan lalu lintas dan pengangkutan awam. Sukacita saya memberi tahu Dewan ini bahawa selepas satu kajian oleh Panel Penasihat Pengangkutan Awam saya pun membawa pada perhatian MMK perlunya kajian pelan induk pengangkutan di Negeri Pulau Pinang ini. Sebelum itu memang ada banyak kajian-kajian dilakukan tetapi tidak dilaksanakan langsung. Jadi saya sedang menyediakan satu kertas MMK dan menunggu ulasan daripada jabatan-jabatan yang berkenaan yang sudah pun di peringkat Mesyuarat Jawatankuasa MMK menerima dan menyambut baik rancangan kita untuk mengadakan satu kajian pelan induk pengangkutan dan pengangkutan awam di Negeri Pulau Pinang. Akhirnya Y.B. Pulau Betong ingin tahu apakah status Taman Negeri Pulau Jerejak. MMK telah lulus untuk diwartakan Taman Negeri pada 2007. Proses yang perlu untuk diklasifikasikan sebagai Taman Negeri adalah:

- i) kawasan seluas 295 hektar telah dikenal pasti setelah dikeluarkan Tanah Miliki dan lain-lain tanah rizab.
- ii) Peruntukan dipohon dari Ibu Pejabat Perhutanan untuk di ukur sepadan di lapangan.
- iii) Pelan warta disediakan dan akan disemak oleh Jabatan Ukur dan Pejabat Tanah dan Galian.
- iv) Selepas semakan selesai, pelan yang diterima akan diserahkan kepada PTG untuk proses pewartaan kawasan itu sebagai Hutan Simpanan Kekal.
- v) Setelah pewartaan Hutan Simpanan Kekal barulah boleh diwartakan klasifikasi sebagai Taman Negeri Pulau Jerejak.
- vi) Seterusnya Rancangan Pengurusan Taman Negeri Pulau Jerejak perlu disediakan.

Pelan ukur telah disemak dan kini Jabatan Perhutanan akan menyerahkan kepada Pengarah Tanah dan Galian untuk proses pewartaan. Jadi dengan ini saya ucapkan terima kasih kepada Y.B. Tuan Speaker dan Ahli-ahli sabar mendengar ulasan daripada saya. Sekian.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Terima kasih Padang Kota. Dipersilakan Y.B. Perai.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Y.B. Tuan Speaker, selamat sejahtera dan seterusnya izinkan saya untuk membahaskan ucapan penggulungan saya tentang bajet 2009 Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri di Dewan yang mulia ini pada hari Jumaat yang lalu. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada anggota-anggota Kerajaan Negeri dan Persekutuan dan sokongan mereka kepada Kerajaan Negeri yang baru dalam beberapa bulan selepas tsunami politik pada 8 Mac yang lalu. Saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada pihak pembangkang Dewan Undangan Negeri walaupun tidak mengemukakan kritikan-kritikan yang positif dan membina. Saya juga kesal bahawa ketua pembangkang Ahli Kawasan Penaga enggan menerima RM1,000.00 yang telah diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri sebagai satu simbolisme bukan saya rasa RM1,000.00 akan mengayakan. Ahli Kawasan Penaga tetapi satu simbolisme dan saya rasa saya kesal, walau bagaimanapun kita menerima keputusan bahawa Ahli Penaga tidak menerima peruntukan itu sebab saya rasa pihak pembangkang ini komponen di dalam demokrasi kita tidak memperkecil-kecilkan pembangkang sebab seperti yang saya katakan tadi adalah penting untuk memelihara demokrasi di Malaysia.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Y.B. Tuan Speaker, pagi-pagi lagi Y.B. Perai *start* ucapannya, Yang Berhormat mengatakan kita mengamalkan sistem demokrasi. Hak sayalah saya nak terima atau tidak, itu kebebasan, demokrasilah. Saya telah jawab kenapa saya tidak mahu. Apakah perlu saya ulang lagi. Yang hutang kerajaan kepada pengusaha-pengusaha, kontraktor-kontraktor belum bayar, bayar dululah itu. Apa yang disibukkan sangat dengan RM1,000.00. Ya saya tahu itu satu jumlah yang besar bagi saya, yang hutang banyak yang kelmarin kita bahas sampai malam tadi belum dijelaskan lagi ratusan ribu. Moga-moga dengan saya tidak ambil RM1,000.00 itu sebagai tambahan untuk cepat bayar hutang.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Y.B. Ahli Penaga, memanglah kita tidak boleh paksa terima RM1,000.00. Itulah yang saya katakan tadi ianya sebagai simbolisme sahaja. Mungkin saya tidak tahu macam mana perkiraan Kerajaan Negeri saya ingat lebih baik bagi RM1.00 sebagai simbolisme bukan isu ini duit. Isunya dikatakan wang tapi itu simbolisme untuk memperkukuhkan ketua pembangkang untuk menunjukkan bahawa inilah satu posisi yang sah yang perlu kita terima dan perlu dihormati. Itu sahaja.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Y.B. Tuan Speaker, saya pun tidak mengerti simbolisme lah, demokrasilah pagi-pagi ini, kena terimalah, lebih bertanggung-jawablah. Apakah tanpa RM1,000.00 itu saya tidak bertanggungjawab menjalankan tugas saya sebagai ketua pembangkang. Kelmarin sejak dari mula lagi di samping saya membahaskan tentang apa yang dibentangkan oleh Ahli-ahli EXCO saya juga beri cadangan-cadangan sampai ke pagi tadi pun saya kata jagalah tapak warisan itu walaupun kita akan menghadapi kerugian sampai beratus juta ringgit. Tetapi utamakan tapak warisan UNESCO yang telah diberi pengiktirafan. Sepatutnya Y.B. Ahli Perai menghormati keputusan saya. Saya tidak mahu terima. Terima kasih saya katakan hari itu, untuk menghormati pemberian itu. Hormatilah hak kebebasan individu diri saya, mengapakah nak dipaksakan juga RM1,000.00 lah, RM1.00. Tidak boleh macam itu.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, tentang hal ini Rang Undang-undang ini telah diluluskan. Ketua Pembangkang sama ada dia nak terima atau tidak kita tidak boleh paksa. Oleh itu saya ingat isu ini telah di bahas dan diluluskan. Saya harap isu ini tidak perlu dibangkitkan lagi.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Y.B. Tuan Speaker, ini kita bukan nak paksa Y.B. Penaga. Maksud saya ialah jangan politik-politikkan semua inilah. Bukan kita nak paksa, tidak ada. Macam mana kita mahu paksa, tetapi ini satu institusi yang penting di Parlimen juga, di sini juga, itu saja penerangan saya.

Y.B. Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Penjelasan sikit lagi, boleh? Apa yang nak dipolitikkan. Saya ucapkan terima kasih berkali-kali dah, saya menghargai tetapi saya rasa saya tidak mahu terima. Itu Rang Undang-undang, enakmen yang telah dibentangkan itu telah diluluskan menjadi undang-undang. Esok siapa-siapa yang duduk di sini sebagai Ketua Pembangkang mungkin Yang Berhormat Perai pun siapa tahu, kalau hendak terima, terimalah. Memang Rang Undang-undang itu sudah ada, hormatilah kebebasan hak individu, itu sahaja.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):

Penjelasan Yang Berhormat Perai. Saya bagi pihak 10 rakan-rakan pembangkang, ingin menyatakan bahawasanya Ketua Pembangkang kami dari Penaga nilainya tidak boleh dinilai dengan di simpulkan RM1,000.00 Posisinya tidak ternilai bagi kami dan kami menghormati keputusan beliau untuk tidak menerima RM1,000.00 itu, terima kasih.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Saya pun ini pembangkang ini sangat rapat. Terima kasih banyak. Saya meluluskan ucapan saya. Ucapan Bajet 2009 memang menjadi tumpuan semua pihak di Pulau Pinang memandangkan perancangan bajet 2009 ini akan menjadi tumpuan kepada semua pihak di Negeri Pulau Pinang memandangkan perancangan bajet ini akan menjadi ukuran kepada keupayaan Kerajaan Pakatan Rakyat perkukuhkan ekonomi negeri dalam menerajui kemelesetan ekonomi dunia yang dijangka akan dihadapi tidak lama lagi. Hari ini dengan bangga saya mengatakan bahawa ucapan bajet 2009 Y.A.B. memang menunjukkan antara lain bahawa Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri amat serius dan bertanggung jawab untuk memberi pengurusan yang terbaik kepada pentadbiran negeri terutama dalam hal kewangan, suatu pengurusan yang lebih efisien dan lebih berkomitmen berbanding dengan rejim yang lama, tidak mahu sebut nama apa-apa, rejim yang lama.

Perkara penting yang boleh dimaksudkan daripada bajet 2009 ialah Kerajaan Pakatan secara khususnya berazam tinggi untuk mentransformasikan sektor ekonomi, politik dan sosial di Negeri Pulau Pinang ke arah keutuhan dan kemantapan dengan menekankan modul pembangunan terkini Kerajaan Negeri iaitu 3P iaitu *Pro-growth*, *Pro-jobs* dan *Pro-poor*. Selama ini sektor ekonomi negeri amat bergantung kepada sektor pembuatan dan sektor perkhidmatan walau pun sektor-sektor ini merupakan penyumbang terbesar kepada ekonomi negeri, sudah tiba masanya Kerajaan Negeri melaksanakan akan peralihan dan memberikan fokus kepada aspek-aspek seperti teknologi tinggi, industri ICT, e-ekonomi, industri yang bernilai tambah serta industri perkhidmatan demi meningkatkan daya saing ekonomi dan juga pelaburan asing. Untuk mencapai tujuan tersebut Kerajaan Negeri perlulah dan telah pun menumpukan perhatian penuh terhadap bidang-bidang seperti bidang pembangunan potensi sumber manusia negeri sebab Pulau Pinang tidak ada sumber-sumber asli seperti negeri-negeri lain. Kemajuan sistem pendidikan dan pembangunan dan penguasaan bidang sains dan teknologi di negeri ini.

Dalam ucapan penggulungan ini saya akan menyentuh perkara-perkara, soalan-soalan dan komen-komen yang telah dibangkitkan dalam Dewan ini berkaitan dengan bidang-bidang yang berada di bawah portfolio saya secara langsung dan tidak langsung. Ini termasuklah persoalan-persoalan yang dikemukakan oleh Y.B. Telok Bahang mengenai masalah pekerja mahir, Y.B. Pulau Tikus isu penjawat atau *recruitment*...(dengan izin), Yang Berhormat Tanjong Bunga etika kerja, Yang Berhormat Permatang Berangan pengangguran, Yang Berhormat KOMTAR, APEC Universiti, Yang Berhormat Sungai Dua isu peruntukan sekolah, Yang Berhormat Datok Keramat bagaimana untuk menghalau pekerja asing dan konsep *brain drain* ...(dengan izin), dan Y.B. Penaga tentang mengatasi krisis pekerja-pekerja asing dan juga bagaimana Kerajaan akan menghadapi krisis di sektor industri.

Kemelesetan ekonomi dunia, dalam sesi persidangan Dewan kali ini persoalan bagaimanakah Kerajaan Negeri akan menangani masalah kemelesetan ekonomi yang dijangka akan berlaku tidak lama lagi akan menjadi persoalan yang paling popular. Walau pun tiada sebarang pihak pun belum pasti bilakah sebenarnya kemelesetan dunia akan memuncak, Kerajaan Pakatan telah pun mengambil langkah-langkah dan inisiatif yang bernas sebagai persediaan menghadapi masalah ini. Semasa kemelesetan ekonomi satu perkara yang paling dibimbangkan adalah masalah penutupan kilang dan pemberhentian pekerja beramai-ramai. Yang Berhormat Ketua Menteri amat prihatin terhadap isu ini dan hal inilah yang telah mendorong Y.A.B. untuk memohon peruntukan sebanyak RM500 juta daripada Kerajaan Persekutuan untuk tabung pembangunan latihan industri Negeri Pulau Pinang untuk melatih semula pekerja-pekerja yang telah kehilangan kerja agar mereka dapat memperkasakan kemahiran mereka serta menjadi lebih *employable* ... (dengan izin). Kerajaan Negeri juga akan.....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Y.B. Tuan Speaker, penjelasan.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Saya habiskan dulu, Kerajaan Negeri juga akan menyumbangkan sebanyak RM10 juta bagi tabung ini, Telok Bahang.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Y.B. Tuan Speaker, ada dua tiga perkara yang saya hendak sebut iaitu *statement* yang telah di buat awal tadi oleh Perai tentang Rancangan Kerajaan Negeri untuk membangunkan negeri ini ke arah era yang baru. Sebenarnya apa yang disebut tadi telah dibuat dulu oleh Kerajaan, telah dimulakan dulu. Mungkin Perai ini baru dia tidak tahu, mungkin tidak ikut perkembangan masa itu. Benda yang telah dibuat oleh Kerajaan, memanglah ekonomi Pulau Pinang hari ini daripada industri pembuatan tinggal 39%, perkhidmatan 57% memang ke arah negeri maju. Memang angka statistik negeri maju begitulah jadi telah dibuat dulu jadi diteruskan, baguslah diteruskan oleh kerajaan sekarang, teruskan. Tadi Yang Berhormat juga sebut tentang RM500 juta yang bakal dipohon oleh Kerajaan Negeri itu untuk latihan,itu. Bagaimana pula kalau tidak dapat RM500 juta itu? Apa Kerajaan hendak buat, kita perlu latihan banyak untuk anak-anak Pulau Pinang. Kalau tidak dapat apa hendak buat?

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Kadangkala saya pun tidak faham logik Telok Bahang. Apa yang kita buat, saya telah buat dahulu. Saya boleh kata bahawa apa yang dibuat oleh Barisan telah dilakukan oleh *British*, apa yang dibuat oleh *British* telah dibuat oleh Raja-Raja Melayu dan ini bukanlah logik saya rasa. Memang ada banyak dari segi permukaan, nampaknya sama tetapi apabila kita mendalami mungkin nampak banyak perbezaan. Satu zaman ke zaman lain banyak perbezaan. Dari segi permukaan mungkin ada semua ini sama, tidak boleh sama. Kerajaan Barisan Nasional, Kerajaan Pakatan bukan sama. Cara kita buat ini berlainan, dasar berlainan. Pada Ahli Telok Bahang ini logik ini tidak boleh terimalah.

Y.B. Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Penjelasan.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Belum habis lagi, Y.B. Penaga mesti akan mendapat *chance*.

Y.B. Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Not on that point lah

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Not on the point of RM500 juta. Macam mana kalau tidak dapat RM500 juta. Bukan kita terjun dalam laut, saya harap pihak pembangkang akan main satu peranan besar supaya meyakinkan Kerajaan Persekutuan wang peruntukan ini diperlukan oleh Kerajaan Negeri. Jadi bantulah kita juga, jangan cuma katakan semua ini Kerajaan Negeri salah tak dapat apa mahu bikin, bantu kita sikit, bincang sama Menteri-menteri sana. Walau bagaimanapun untuk menjawab Y.B. Telok Bahang ini, bagus juga soalan itu, kita juga telah mengambil beberapa langkah untuk membuat latihan semula macam PSDC salah satu organisasi yang terlibat dalam itu dan mungkin juga kolej-kolej swasta, mungkin masa sekarang saya buat banyak perbincangan dengan kolej-kolej swasta bagaimana kita akan menggalakkan pekerja-pekerja 'sorry' pelajar-pelajar asing. Kita ada 500 sahaja, ini saya pun menghairankan. Penang kita menjadi sebagai *educational hub*, macam mana 500 separuh daripada 500 pelajar asing di kolej KDU. Satu kolej separuh, so bagaimana kita menggalakkan dan apakah cara-cara kita membuat supaya kita menggalakkan sektor pendidikan khususnya bagaimana kita mewujudkan satu sistem latihan semula yang sempurna yang akan mengikuti kehendak-kehendak industri-industri besar. Sebelum Seberang Jaya, Ahli Kawasan Penaga.

Y.B. Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Y.B. Tuan Speaker, saya juga tidak nampak logiknya mengatakan pembangunan yang telah dibuat oleh Kerajaan dulu itu zaman nya., Kalau rujuk sebelum itu pula British, sebelum itu pula Inggeris. Zaman itu tidak ada pun kilang-kilang elektronik. Kerajaan Barisan Nasional yang memulakan tahun 1970-an dulu dengan membuka *free trade zone* yang boleh berapa ratus buah kilang yang masuk ke Pulau Pinang. Mula daripada situ, begitu juga pendidikan kolej-kolej yang telah diluluskan oleh Kerajaan dulu. Hari ini Kerajaan Pakatan Rakyat belum buat apa lagi cakap, cakap, cakap nak buat itu nak buat ini, seperti yang saya bahas hari itu, benda yang dia buat pun dok gagal. Benda yang kecil-kecil, seperti yang saya kata *Dragon Boat* hutang tak bayar, buat pesta lingkup, buat *King of all floor* tak jadi.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Saniswara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Peaturan, peraturan ...(dengan izin). Y.B. Tuan Speaker.

Y.B. Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Eh, duduk, duduk.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Saniswara Nethaji Rayer a/ Rajaji):

Saya bangkitkan peraturan, sila duduk. Y.B. Tuan Speaker saya ingin menarik perhatian peraturan 46 (13). Tadi Y.B. Penaga telah menggunakan perkataan lingkup. Saya rasa perkataan itu menyakitkan hati. Kalau betul-betul lingkup saya rasa kita bolehlah, kita akan menyiasat. Saya akan minta Y.B. daripada Datok Keramat menyiasat siapakah dalang di sebalik kegagalan *King of Tennis* ini. Kemungkinan saya percaya angkara daripada Kerajaan Barisan Nasional kerana kalau pemain-pemain itu datang ke Kuala Lumpur tetapi tidak datang ke Pulau Pinang saya pun hairan tetapi dasarnya saya ingin Yang Berhormat Tuan Speaker supaya menasihatkan Y.B. daripada Penaga supaya menggunakan perkataan-perkataan yang lebih elok digunakan, diperbincangkan, terima kasih.

Y.B. Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Saya tidak habis lagi, *thank you*, saya pun hairanlah Seri Delima ini, dalam semua wakil rakyat yang paling banyak sekali peraturan ini dialah, dia *lawyer* di luar, di sini bukan *lawyer*, peraturan lagi.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Saniswara Nethaji Rayer a/ Rajaji):

Tak perlu ...(dengan izin), Y.B. Tuan Speaker, tidak perlu jadi *lawyer* untuk gunakan peraturan. Ini kalau Ahli Yang Berhormat pun seperti yang telah dikatakan.... (gangguan).

Y.B. Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Yang Berhormat, siapa yang bagi kebenaran dia bangun bercakap, cuba tengok ni.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Saniswara Nethaji Rayer a/ Rajaji):

(Dengan izin), Y.B. Tuan Speaker, dengan izin saya telah membangkitkan peraturan, jadi perlu memberi nasihat, beliau harus dengar, saya telah membangkitkan peraturan, duduk dulu, dengar kepada nasihat daripada Penaga.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Kedua-dua Yang Berhormat, sila duduk, kedua-dua. Di sini saya ingin memberi nasihat kepada semua Ahli Yang Berhormat, apabila menggunakan perkataan, kena menjaga-jaga semua termasuk Yang Berhormat Penagalah. Apa hendak ini jangan pakai perkataan yang menyakitkan hati orang, atau pun memberi peluang kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk menggunakan peraturan ...(tepukan).

Y.B. Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Saya sambung lagi.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker :

Sila teruskan.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

We open the liberal, jangan salah gunakan.

Y.B. Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Terima kasih, saya pun kalau saya bahas, saya bagi semua sampai orang tidak mahu tanya. Perkataan lingkup *you* tahu tak apa maksud lingkup, adakah perkataan itu satu perkataan yang kasar kah? maki kah?

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Saniswara Nethaji Rayer a/ Rajaji):

Peraturan, tadi Y.B. Tuan Speaker telah dengan izin Y.B. Tuan Speaker, Y.B. Tuan Speaker telah menggunakan fatwa dan mengatakan bahawa perkataan itu tidak harus digunakan, kalau Y.B. daripada Penaga tidak dengar saya pun mungkin kurang fahamlah perkataan itu diulang-ulang seolah-olah dia tidak menghormati fatwa yang dikeluarkan oleh Y.B. Tuan Speaker.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Minta laluan, saya rasa fatwa ini hanya dikeluarkan oleh Mufti bukan oleh Speaker.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Saniswara Nethaji Rayer a/ Rajaji):

Tidak, peraturan mengatakan fatwa yang dikeluarkan. perkataan itu ada dalam, mungkin Y.B. daripada Permatang Berangan tidak membaca peraturan kut. Baca dulu peraturan sebelum berbahas. Perkataan fatwa itu dinyatakan dalam peraturan ini, dalam Bahasa Malaysia, tak baca kah?

Y.B. Tuan Timbalan Speaker :

Yang Berhormat Seri Delima okey, saya minta Yang Berhormat Penaga teruskan.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Ya. Terima kasih. Saya sekali lagi saya ingatlah, sekali lagi masuk dalam dewan saya nak kira berapa kali peraturan yang digunakan oleh Seri Delima. Jangan bangkit lagi. Dia cukup syok, peraturan, peraturan. Kalau dalam perbahasan, kalau di minta laluan, kalau orang tu tak beri, pakailah peraturan. Ini cukup seronok peraturan, peraturan. Di luar nu, orang tengok nu, Yang Berhormat peraturan depa cakap, bukan saya kata. Okey, balik kepada yang ni. Adalah tidak boleh dinafikan bahawa apa yang di buat oleh kerajaan dulu yang telah mentransformasikan daripada ekonomi pertanian kepada perindustrian dan pembuatan. Sekarang ini, kerajaan sekarang baru bercakap tentang nak buat, nak buat, tapi dah bunyinya riuh, satu apa pun tak buat. Macam tadi yang saya kata tadi, dia guna peraturan. Okeylah, sebab malam tadi dia tak datang kami dah bahas. Malam tadi Yang Berhormat tak datang. Masa gulungan itu dah cukup panjang dah. Saya tahulah Yang Berhormat ada kes siang tu. Saya pun baca tengok apa yang terjadi pada kes tu, sabarlah. Kami dah bicara panjang lebar semalam masa penggulungan yang di buat oleh padang, bukan Padang Lalang (gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/ Rajaji):

Peraturan ...(dengan izin), Y.B. Tuan Speaker (gangguan). Sila duduk, sila duduk Y.B. daripada Penaga. Dengan izin, Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon menarik perhatian Peraturan 46 (6), mungkin saya kena mengajar Y.B. Penaga supaya dia mengikut peraturan walaupun dia ialah orang yang berpengalaman nampak-nampak gaya dia tak ikut peraturan. Biar kena-mengena. Yang saya pergi menghadiri

perbicaraan apa yang berlaku pada perbicaraan dan sebagainya tak ada apa-apa kena-mengena berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Y.B. daripada Perai. Apa kena-mengena. Kalau beliau minta penjelasan, biarlah kena-mengena dengan perkara yang dibangkitkan, yang berbunyi seperti berikut: -

Tiap-tiap ahli hendaklah menghadkan buah fikirannya itu kepada perkara yang ditimbangkan sahaja. Mungkin Y.B. daripada Penaga tak bacalah, saya kena bagi kelas tuisyen kot (gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Saya tak habis lagi, boleh sikit lagi. Satu ayat nak cakap apa? Itulah malam dia tak datang, bila orang *discuss* hari ini, dia bising, tu yang datang bertanya. Batu Lancang dah bercakap panjang dah. So, itu hakikatnya yang tak boleh, tak guna logik. Ya, semua orang tahu, ini dah menjadi pengetahuan umum dan 500 ribu kalau tak bagi tu, apa nak buat dan apakah *plan* B kalau Kerajaan Pusat tak bagi 500 juta, bukan 500 ribu, 500 juta ya, apakah *plan* B selain daripada Yang Berhormat kata tadi, kita minta pakat sama-samalah pergi minta dekat Kerajaan Persekutuan dan sebagainya. Apakah usaha Kerajaan Negeri?

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Penjelasan tadi saya minta

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II.

Boleh saya jawab selepas itu Seberang Jaya.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Ia berkaitan juga.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II.

Okey, okey, tak ini isu, ini Kerajaan Negeri ini bukanlah 100% sempurna. Dulu pun tak begitu juga, dulu pun lagi teruk. Tapi apa yang kita *acknowledge* ...(dengan izin), secara *public*, kesilapan-kesilapan, inilah *philosophy*, bukan kita katakan buat baik-baik sekali, kadang-

kadang itu bukan dalam kawalan kita. So, terbuka, apa salahnya, itu bukan CAT kah? Kita mengakui kesilapan. Kita akan melantik satu jawatankuasa untuk siasat perkara itu. Itu bukan CAT kah? Kita manusia, kita memang kita silap, tapi yang penting sekali kita mengakui itu. Dan terima kritikan-kritikan, itulah yang penting, itulah *Philosophy*. Bukan cat ni tangkap tikus sahaja di sawah-sawah. Y.B. Ahli Penaga, isu ini, isu 500 juta ini memang dapat, memang tak dapat. Kemungkinan besar tak dapat. Sebab saya rasa hubungan itu tak begitu baiklah. Semua orang faham, tak perlu saya jelaskan. Kalau tak dapat pun program ini akan dijalankan bukan seperti, bukan seperti yang lebih menyeluruh. Mungkin latihan ini akan kita mulakan dan mempertingkatkan melalui kerjasama dengan pelbagai bidang. Bukan kita, Kerajaan Pusat tak bayar kita tak boleh buat, tidak. Kita akan buat juga, tapi mungkin dalam skala yang mungkin kecil. Terima kasih.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Ahli Kawasan Perai, perkara yang sama telahpun saya cakap dalam perbahasan semasa saya membuat perbahasan iaitu permohonan 500 juta tu, tapi biarlah realistik. Pertama, di dalam rancangan dana ekonomi yang telah dikemukakan oleh Timbalan Perdana Menteri di Parlimen, yang telah dipertikaikan pula kononnya ini adalah bajet baru dan sebagainya. Telah dinyatakan begitu terang sekali, Dana Program Latihan, RM300 juta saja satu Malaysia. Kita nak minta RM500 juta, biarlah realistik. Dan saya yakin sebenarnya boleh dapat, sebahagian daripada RM300 juta, ya, biarlah realistik.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II.

Ahli Seberang Jaya, bahawa bidang sumber manusia adalah di bawah kawalan Kerajaan Persekutuan, jangan faham. Ada juga pihak-pihak tertentu rasa Kerajaan Negeri boleh buat semua. Tidak boleh. Cuma kita punya peranan sebagai *advisory*...(dengan izin). Bolehlah kita bincang sama-sama dengan syarikat-syarikat, bolehlah kita bincang dengan kesatuan-kesatuan dan pihak yang terlibat, boleh. Supaya untuk *mitigate*...(dengan izin), kesan kemelesetan ekonomi. Selain daripada itu, apa kita boleh buat. Ini di bawah Kementerian Sumber Manusia. Sebab itu, masa saya di Parlimen, saya ada berbincang dengan menteri berkenaan, bagaimana kita menghadapi ini krisis. Bolehkah kita ada dialog? Dan sebagainya. So, maka janganlah anggap bahawa Kerajaan Negeri ini ada kuasa untuk menentukan, kita, kita tidak ada kuasa eksekutif. Itu yang maksud saya.

Ini soal yang RM500 juta ini, mungkin realistik, mungkin tak realistik. Ini saya rasa kita minta daripada Kerajaan Persekutuan kalau dia bayar, dia bayar RM500 juta, kalau dia kurangkan, dia tak mahu bayar, itu terpulang kepada Kerajaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, kita mesti mahu teruskan rancangan-rancangan yang kita ada dalam mungkin saya katakan tadi, mungkin dalam skala yang mungkin kecil, yang sederhana. Program ini mesti dijalankan sebab kehendak industri-industri, pelabur-pelabur asing, dia datang, apabila dia datang ke Pulau Pinang, satu soalan dia tanya. Bukan Pulau Pinang ada sumber asli, bukan macam mana parti politik sekarang, macam mana pemerintah. Cuma dia tanya tentang sistem pendidikan. Tapi, siapa sistem pendidikan oleh Kerajaan Persekutuan. Kita boleh ada dialog dengan kolej-kolej, hubungan dengan USM ini, mungkin dengan peringkat yang begitu kecil, walaupun USM merupakan *APEX University*, itu cerita lain. Tapi, dia fokuskan macam mana sistem pendidikan, bagaimana sistem pendidikan akan menyediakan sumber, sumber manusia yang sudah terlatih, sumber manusia yang mahir. Itu persoalan mereka. Mereka tak tanya bolehkah Pulau Pinang menyediakan 300 atau 3000 Jurutera, berani kah kita? Kita kata boleh. Sebab itu yang perlu kita peringkatkan.

Y.B. Tuan Speaker:

Pengumuman. Ahli-ahli Yang Berhormat, pada hari ini kita tidak akan berhenti rehat seperti biasa pukul 11.00 hingga 11.30, jadi kita akan teruskan penggulangan.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II.

Terima kasih Yang Berhormat Speaker, saya akan teruskan. Program-program latihan semula ini akan dijalankan oleh Kerajaan Negeri melalui agensi-agensi InvestPenang dan PSDC. Di samping bertujuan untuk melatih semula pekerja, program-program ini akan juga akan berperanan memenuhi keperluan dan kehendak industri-industri baru dengan cara meningkatkan bilangan-bilangan pekerja mahir, meningkatkan bilangan pekerja berkelayakan tinggi dan meningkatkan bilangan pekerja kemahiran keusahawanan tinggi yang amat diperlukan terutama dalam sektor perkhidmatan dan meningkatkan bilangan pekerja separa mahir yang amat diperlukan di sektor pembuatan dengan kos yang berpatutan. Kerajaan Negeri juga akan menggalakkan institusi-institusi pengajian tinggi swasta supaya mengadakan kerjasama dengan syarikat-syarikat dan kilang-kilang terutama syarikat-syarikat multinasional untuk mewujudkan *industrial placement* ...(dengan izin).

Bagi pelajar-pelajar mereka, institusi-institusi swasta juga akan digalakkan untuk menarik kemasukan lebih banyak lagi pelajar-pelajar negara asing yang pada masa kini yang berada pada jumlah 500 atau lebih 500 orang. Baru-baru ini Kerajaan Negeri pula ada menubuhkan jawatankuasa perhubungan sumber manusia negeri yang keanggotaannya terdiri daripada jabatan-jabatan, Jabatan Sumber Manusia Negeri, wakil-wakil syarikat tempatan, multinasional, badan-badan NGO, dan pakar hal ehwal pekerja yang bertujuan untuk memantau institusi pekerja dan pembangunan sumber manusia di negeri serta memantau kemungkinan masalah sebelum berlakunya kemungkinan penutupan kilang-kilang. jawatankuasa ini akan cuba mengenal pasti masalah sebelumnya berlaku insiden-insiden seperti penutupan kilang dan pemberhentian kerja dan akan menasihati pihak Kerajaan Negeri dan pihak majikan untuk mengambil langkah-langkah yang sesuai. Selain jawatankuasa ini, Institut Kajian Sosioekonomi dan Alam Sekitar, akan sentiasa menjalankan penyelidikan dan membekal Kerajaan Negeri dengan data-data dan informasi yang berguna, yang dapat digunakan untuk mengambil langkah-langkah yang sesuai sebelum suatu masalah yang di jangka bertambah serius.

Kedua badan ini, Jawatankuasa Perhubungan Sumber Manusia dan SIRI akan menganjurkan seminar, bengkel dan *conference* untuk pihak majikan dan pekerja dengan tujuan memberi pendedahan kepada situasi sebenar dan komitmen negeri untuk membantu pihak majikan dan juga pihak pekerja dalam menghadapi sebarang masalah. *Code of Conduct For Industrial Harmony ...*(dengan izin), ini merujuk kepada soalan yang dibangkitkan oleh Y.B. Penaga, Kerajaan Negeri bercadang untuk mengikuti dasar *Code of Conduct For Industrial Harmony ...* (dengan izin), di mana dasar ini akan membantu untuk menghadapi masalah kemelesetan ekonomi juga, kemelesetan ekonomi juga masalah pemberhentian kerja. Dasar ini akan dicapai melalui kerjasama di antara pihak-pihak yang utama Kerajaan Negeri, pihak majikan dan golongan pekerja. Dan *harmony industry* ini adalah berdasarkan kerjasama di antara tiga pihak iaitu Kerajaan Negeri, majikan dan kesatuan. Di Malaysia, ini adalah sukarela manakala Singapura ini adalah institusi di mana mereka terpaksa bekerjasama untuk membuat dasar-dasar. Tapi di Malaysia ini sukarela. *Code of Conduct For Industrial Harmony ...* (dengan izin), menekankan pembabitan semua pihak dalam mengendalikan isu-isu yang penting termasuk isu-isu pemberhentian kerja. Dasar ini adalah merupakan satu persetujuan di antara Kerajaan Negeri, majikan dan kesatuan sekerja yang merangkumi prinsip dan panduan untuk pihak majikan dan pihak pekerja dalam pengalaman, perhubungan industri yang akan mempertingkatkan harmoni industri.

Dasar ini bukanlah merupakan undang-undang tetapi lebih kepada panduan. Pada masa kini kebanyakan pihak majikan tidak sedar akan kewujudan panduan ini. Dengan ini Kerajaan Negeri akan memastikan bahawa lebih ramai pihak majikan dan juga pihak kesatuan kerja sedar akan panduan ini dan mengamalkannya. Dengan mengamalkan dasar ini Negeri Pulau Pinang, masalah pemberhentian kerja boleh dielakkan dengan mendesak pihak majikan untuk mematuhi syarat-syarat *Code Of Conduct For Industrial Harmony* ...(dengan izin).

1. Isu pemberhentian kerja atau *retrenchment*, pihak majikan boleh didesak untuk mengadakan perundingan dengan Kerajaan Negeri dengan mengambil langkah-langkah alternatif untuk mengurangkan kos operasi seperti mengurangkan masa bekerja, menghentikan pengambilan pekerja baru, mengurangkan masa *overtime* dan sebagainya.
2. Sekiranya proses pemberhentian kerja tidak dapat dielakkan, pihak majikan perlu didesak untuk mengikuti kriteria-kriteria yang ditentukan dan juga mengambil tindakan-tindakan yang wajar seperti memberi skim persaraan yang berpatutan, memberhentikan pekerja-pekerja yang sudah menghampiri usia persaraan dan melanjutkan tempoh pemberhentian kerja untuk satu jangka masa yang panjang.
3. Mendesak pihak majikan untuk menjaga kebajikan pekerja selepas pemberhentian kerja dengan cara-cara seperti merujuk profil pekerja kepada majikan yang berpotensi dan mengambil balik pekerja-pekerja yang sama sekiranya situasi syarikat atau kilang tersebut sudah bertambah baik.

Soalan berkenaan dengan program bantuan pendidikan RM8.5 juta kepada 172 buah sekolah bantuan modal. Ahli Sungai Dua ini hilang, boleh jadi dia keluar. Y.B. Sungai Dua bangkitkan isu bahawa Kerajaan Negeri ini mengetepikan sekolah-sekolah Kebangsaan sebab sekolah-sekolah Kebangsaan ini tidak diberi bantuan-bantuan daripada RM8.5 juta. Seperti mana yang saya telah jelaskan dalam Dewan yang mulia ini, bahawa peruntukan RM8.5 juta adalah untuk sekolah-sekolah bantuan modal, bukan untuk bantuan penuh. Oleh kerana sekolah-sekolah ini menghadapi masalah kewangan, masalah infrastruktur, masalah bekalan. Kerajaan Negeri sedar bahawa sekolah-sekolah ini perlu diberi bantuan dan RM8.5 juta bukan satu modal yang begitu besar sekali. Ini saya rasa modal yang kecil, satu pemberian supaya, untuk menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri ini memang ada menjaga kepentingan sekolah-sekolah ini.

Tetapi ini dipolitikkan oleh Y.B. Sungai Dua, mengatakan kenapa sekolah kebangsaan tidak diberi, tetapi seperti mana yang kita sedia maklum sekolah-sekolah, macam ambil sekolah Tamil, saya bawakan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Azad. Pada sesi yang pertama, pada Jun / Julai Ahli Yang Berhormat Seberang Jaya membawa satu isu yang mengheboh-hebohkan bahawa Kerajaan Negeri telah menafikan tanah yang telah dijanjikan ataupun telah diberikan oleh kerajaan lama. Dan kita ambil isu ini begitu serius dan kita telah dikritik kan terutama dalam akhbar-akhbar Tamil, Kerajaan Negeri ini menafikan hak kepada sekolah Tamil Azad.

Apabila saya meneliti di MPPP tak ada bukti untuk menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri ini, cuma satu prinsip sahaja, satu surat sahaja yang menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri ini secara prinsip sebelum pilihan raya Mac 8 bersetuju untuk memberi tanah itu kepada sekolah Kebangsaan Tamil Azad yang sekarang berada dalam satu situasi yang teruk. So, kita pun terkejut sebab orang ramai marah sama kita, masyarakat India marah sama kerajaan baru. Ini Seberang Jaya yang bangkitkan isu ini dan apabila kita buat satu kajian, barulah kita fahami bahawa tidak ada suatu prosedur, proses yang dijalankan untuk mendapat tanah itu untuk sekolah Kebangsaan Tamil Azad. MIC sudah bising, MIC katakan Kerajaan Negeri sudah menafikan. Itu cara tak betul. Apabila kita dapat satu gambaran yang jelas, barulah kita mulakan satu proses di mana mesyuarat EXCO dua minggu dahulu, kita sudah memberi tanah itu kepada sekolah Azad Tamil.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Penjelasan. Inilah perkara yang baik, sekurang-kurangnya kita membawakan juga, walaupun kami ini daripada pihak pembangkang kita bawakan juga isu-isu sekolah-sekolah Tamil yang perlu diberi perhatian. Walaupun kata satu surat sahaja pada masa dulu memohon, dan hari ini diteruskan, itu satu usaha yang baik, saya puji. Perkara no. 2 ialah berkenaan dengan bantuan untuk sekolah-sekolah lain, Kerajaan Pusat juga memperuntukkan RM200 juta untuk bantuan sekolah agama, sekolah mubaligh, sekolah Cina dan sekolah Tamil. Ambil jugalah kesempatan untuk mendapat sebahagian daripadanya untuk menambahkan lagi apa yang telah diadakan RM8 juta itu.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II.

Y.B. Seberang Jaya, isu ini bukan, *you* nak bawa isu ini, Kerajaan Negeri telah dituduh menafikan hak sekolah kepada masyarakat Tamil. Kerajaan dulu sudah bagi tanah, mana itu tanah, so maka kita rasa kita yang disalahkan, walaupun kita tidak ada buat apa-apa. Itu maksud saya Ahli Seberang Jaya, apabila pihak MIC dia lambang itu ini bukti surat itu, ini bukti tanah itu telah diberi kepada Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil. Tetapi proses koordinasi tidak berlaku, tidak berlaku dan tidak siapa yang ambil inisiatif, tidak berlaku dan tidak siapa yang ambil inisiatif sebelum pilihan raya untuk beri tanah itu kepada sekolah Tamil. Itu saja saya mahu bagi tau. So janganlah salahkan kita, kalau kita tak buat salah.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Minta laluan. lalah betul lah itu. Kerajaan sebelum pilihan raya telah membuat perancang untuk buat pengambilan tanah untuk bagi sekarang apabila kerajaan Barisan Nasional dah jatuh, sekarang kerajaan Pakatan Rakyat ambil alih dan teruskan so apa yang nak di bising. Dah ambil tindakan yang sudah selesai kuasa dalam tangan kerajaan Pakatan Rakyat dah laksanakan tu, cerita balik dalam surat khabar kami telah buat, apa yang nak gaduh lagi.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II.

Ahli kawasan Penaga, itu buka isu, kita akan teruskan kalau boleh kita gunakan modal sekolah Azad ini untuk memberi tanah. Saya telah menulis kepada Menteri Pendidikan, dengan kita bersedia memberi tanah kepada sekolah-sekolah jenis kebangsaan, mana-mana sekolah tak ada tanah kalau Kerajaan Persekutuan bersedia memberi dana untuk pembangunan. So maka, kita bersedia memberi tanah, Kerajaan Pusat bersedia untuk memberi dana seperti di sekolah Azad. Kita bersedia, dalam sekolah Azad ini, apa yang telah diutarakan dalam Dewan ini, ialah bahawa kita menafikan tak betul, tak patut, akhir sekali kita buat kerja, kita *check* dalam MPPP tak ada fail langsung tentang tanah ini untuk sekolah Tamil. Kita kena marah oleh masyarakat, MIC pula marah sama kita, walaupun peranan MIC dalam 50 tahun adalah kosong untuk membantu masyarakat India. Tiba-tiba Dato' Seri Samy Vellu telefon Ketua Menteri, dia cakap Y.B. Perai cakap besar. Macam mana boleh, dia cakap besar daripada saya. Kita buat, dia cakap.

Y.B. Seberang Jaya bukanlah kita ini mahu gaduh semua, tak ada, itu fakta, itu fakta kita dituduh menafikan tanah kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Azad. Sekarang mereka sudah dapat tanah, JKR sudah meluluskan peruntukan lebih RM7,000, so maka sekolah akan dibangunkan. So modal ini kita mahu pakai supaya kita bersedia memberi tanah. Macam Sekolah Valdor, tanahnya 0.5 ekar, macam *kindergarten*, *kindergarten* yang sudah runtuh, Sekolah Rajaji, bukan, saya bagi contohlah sekolah-sekolah yang begitu teruk sekali. Saya hairan kenapa sekolah-sekolah macam ini, 28 sekolah Tamil, ada yang sebilangan kecil ini dapat bantuan penuh telah dipinggirkan semua selama 50 tahun. Tanah pun tak dapat sebelum ini, itu maksud saya. Sekarang bagi modal kepada kita, kita bersedia memberi tanah kepada sekolah-sekolah bukan saja sekolah-sekolah Tamil, mana-mana sekolah perlukan tanah, kalau Kerajaan Pusat bersedia memberi dana untuk bangunan. So sama ada sekolah ini akan pilih opsyen, ada 2 opsyen. Opsyen 1 ialah bantuan modal, bantuan penuh, itu terpulang kepada sekolah dan *trustees* sebenarnya. Kalau depa serahkan tanah itu kepada sekolah Persekutuan up to *them*. Ahli Seberang Jaya juga bagi isu, senang saja isu ni, *just* senang saja serahkan sekolah itu jadi bantuan penuh, tak begitu *simple* sajalah. Ini lebih *complicated*. Kadang-kadang Kerajaan Persekutuan enggan menerima perhubungan mereka. Saya pun tidak tahu apa sebab.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Penjelasan. Y.B. daripada Kawasan Perai. Apa yang saya bangkitkan dalam perbahasan, saya mempertikaikan kenapa sekolah-sekolah kebangsaan tidak diberikan peruntukan yang diberikan oleh Y.A.B. Ketua Menteri sebanyak RM8.5 juta. Hanya diberi kepada sekolah agama rakyat sedangkan sekolah agama rakyat memang tiap-tiap tahun, itu tanggungjawab Kerajaan Negeri untuk bagi, tiap-tiap tahun mesti ada. Kemudian sekolah-sekolah lain, tetapi kenapa sekolah kebangsaan tak diberi langsung. Bila kita cakap peruntukan, bukan saya cakap pembangunan sahaja tetapi ia harus menyeluruh kepada peruntukan untuk program dan aktiviti bagi mendirikan taraf pendidikan di sekolah-sekolah. Tetapi sekolah kebangsaan tak dimasukkan, kenapa? Itu yang saya tanya itu.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II.

Ahli kawasan Sungai Dua, saya ingat saya sudah jawab soalan itu, satu kriteria saja kita gunakan ialah sekolah-sekolah kebangsaan adalah jagaan penuh oleh Kerajaan Persekutuan, dapat segala-gala kos yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan manakala sekolah-sekolah

yang di bawah peruntukan RM8.5 juta ini kepada sekolah-sekolah yang bantuan modal. Mereka dapat dari segi pembayaran guru-guru sahaja. Itu saja kriteria. Kalau ini tak jelas, bagaimana saya hendak jelas sekali lagi.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Penjelasan. Saya ingat tak betul. Kalau kata Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil, Sekolah Menengah Cina hanya dapat gaji guru saja tak betul, kerana sekolah ini mendapat bantuan modal daripada kerajaan asing.

Selain bantuan modal, mereka juga mendapat bantuan per kapita bagi setiap kepala pelajar yang belajar di sekolah dan juga bantuan-bantuan lain bagi membaiki sekolah itu. Saya sudah *check* dengan Jabatan Pelajaran ini bantuan yang mereka terima dan mereka juga boleh memohon daripada masa ke semasa untuk apa-apa juga. Jadi mereka tidak diketepikan tetapi dalam Kerajaan Negeri kenapa Sekolah Kebangsaan diketepikan. Ini yang saya persoalkan?

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Saya tidak mahu ulang jawapan saya. Saya telah ulang beberapa kali. Tidak mengapa, kalau Ahli Sungai Dua *free* satu hari, saya bawa ke sekolah-sekolah Tamil. Pernah kah *you* pergi ke sekolah-sekolah Tamil seperti Valdor?

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Jasmin bin Mohamed):

Saya bawa Y.B. pergi kawasan di Tasik Gelugor, Sekolah Kebangsaan Tamil Malakof. Macam mana kedudukan sekolah itu sekarang. Sudah baik. Kita bantu semua elok. Bagaimana Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan May Field, *you* pergi tengok sikit punya elok, Y.B. pergi tengok.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

MIC tidak bawa Ahli Sungai Dua pergi lawat sekolah-sekolah inikah?

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Sekolah ini sudah elok, saya sudah pergi tengok pasal apa tidak elok.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Teruk sekali.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Bantuan diberi. Yang Berhormat saya boleh bawa pergi tengok Sekolah Malakof, Sekolah May Field sudah cantik. Bantuan diberi.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Ahli Sungai Dua saya ada satu laporan yang kita buat tentang 28 Sekolah Tamil ini oleh Jawatankuasa yang buat pemantauan tentang sekolah-sekolah ini. Saya akan berikan laporan kepada Ahli Sungai Dua. Baca ini dulu jangan mempertahankan sesuatu yang tidak boleh dipertahankan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Bukan. Itu laporan mungkin laporan lama. Cuba pergi tengok sekarang.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Tidak.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Begitu juga dengan kedudukan Sekolah-Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina. Jom, saya boleh bawa pergi tengok sekarang begitu punya baik. Tiap-tiap tahun kita jaga sekolah. Tidak ada masalah.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Bagaimana sekolah ini begitu teruk sekali.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Sekolah mana yang teruk. Sekarang sekolah mana yang teruk. Saya tidak tahu kalau sebelah Valdor itu saya tidak tahu tetapi kalau di kawasan saya, saya ingat tidak ada masalah.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Penjelasan. Saya rasa Y.B. dari Sungai Dua ini dia kurang waras. Pasal apa saya cakap begitu.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Peraturan. Saya minta peraturan, ini serius Y.B. Tuan Speaker ambil tindakan terhadap dia. Ini satu tuduhan yang tidak sepatutnya dilemparkan dalam Dewan ini.

Y.B. Tuan Speaker:

Y.B. Jawi saya harap menarik balik.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Y.B. Tuan Speaker, saya belum lagi.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Dia tarik balik Y.B. Tuan Speaker, saya sudah guna peraturan biar dia tarik balik, kalau tidak kita ambil tindakan.

Y.B. Tuan Speaker:

Y.B. Jawi adakah hendak tarik balik?

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Y.B. Tuan Speaker, saya tarik balik terhadap perkataan itu tapi saya teruskan penjelasan saya. Terima kasih. Kita sudah dengar apa yang telah diceritakan Y.B. dari Sungai Dua tadi. Sekolah di bawah bantuan penuh Kerajaan Persekutuan adalah sangat bagus, sangat baik sedangkan kita tahu sekolah bantuan modal kepada sebahagian kecil sekolah tidak begitu sempurna. Saya harap perkara ini Y.B. Sungai Dua atau pihak pembangkang kena sedar bahawa adalah tidak seimbang dalam hal ini. Memandangkan keadaan yang sedemikian kerajaan kita memberikan bantuan adalah satu perkara yang wajar bukan sepertimana apa yang dikatakan kita tidak mahu bagi bantuan kepada sekolah kebangsaan. Sekolah kebangsaan kalau tidak bagus memang kita boleh bagi tapi yang sekolah kebangsaan, setahu saya sekolah kebangsaan

memang kira anak kesayangan Kerajaan Pusat. Kita hendak bazirkan wang, bukan kita hendak bazirkan wang. Kita hendak berikan wang kepada orang yang senang kah? Sedangkan mereka yang susah sampai kadang-kadang bumbung pun bocor dan sebagainya. Apakah Y.B. Sungai dua tidak fikir benda macam itu? Sekian, terima kasih.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Y.B. Tuan Speaker, sebab kesuntukan masa saya mahu teruskan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Saya cuma hendak beritahu daripada Ahli Jawi.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Tidak. Tidak bagi tau.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Tidak bagikah?

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Tidak. Duduk. Tolong duduk, sebab ini masa saya, saya akan beralih kepada topik bagaimana kerajaan Negeri akan mengurangkan pekerja asing. Ini soalan daripada Penaga, Datok Keramat dan beberapa ahli yang lain.

Seperti yang saya telah nyatakan pada awal ucapan saya, Kerajaan Negeri pada masa kini menumpukan usaha untuk menjadikan Negeri Pulau Pinang sebagai pusat industri berteknologi tinggi dan industri perkhidmatan yang memerlukan pekerja-pekerja mahir. Dalam jangka panjang, hal ini akan mengurangkan keperluan terhadap pekerja-pekerja asing yang kurang mahir. Sekiranya arus kemelesetan ekonomi dunia mengancam ekonomi Negeri Pulau Pinang, hal ini akan membawa kepada pemberhentian pekerja beramai-ramai.

Satu perkara penting yang saya ingin nyatakan di sini ialah pekerja-pekerja asing terutama pekerja-pekerja asing tanpa izin yang menjadi mangsa sama kepada insiden-insiden pemberhentian kerja oleh kilang-kilang dan syarikat-syarikat. Kerajaan Negeri akan bekerjasama dengan pihak Jabatan Persekutuan dan Negeri untuk menjejaki dan membantu pekerja-pekerja asing yang hentikan kerja untuk kembali ke tanah air. Isu universiti APEC yang telah ditimbulkan oleh Y.B. Komtar.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Y.B. Tuan Speaker, saya minta izin hendak sentuh pekerja asing itu. Itu jawapan yang diberi penggal sudah. Pekerja-pekerja tanpa izin yang banyak di Negeri Pulau Pinang dan Y.B. pernah memberi jawapan bahawa kita akan hantar satu pasukan untuk *rate* tempat-tempat. Itu yang saya masukkan. Setakat ini saya tidak nampak lagi apa tindakan yang diambil. Pekerja-pekerja tanpa izin yang begitu banyak sekali di Pulau Pinang termasuk juga daripada Indonesia, Myanmar, Bangladesh itu harusnya bertindak itu dulu, laksanakan supaya mendapat permit dan sebagainya apabila keadaan ekonomi gawat barulah kita langkah kedua iaitu memberhentikan pekerja tanpa izin dulu kerana bimbang dari segi keselamatan, kesihatan dan sebagainya.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Terima kasih Ahli Penaga. Perkara ini, yang saya rasa berhati-hati bukan kita pergi kepada pekerja-pekerja tanpa izin dan kita maklum bahawa pekerja tanpa izin lebih ramai daripada yang telah diizinkan. Bagaimana kita akan menghalau pekerja-pekerja tanpa izin ini memerlukan satu dialog bukan arahan sebab saya rasa kita boleh. Implikasinya, macam kita merobohkan kedai-kedai. Misalnya di kawasan Perai, banyak orang asing tapi masalahnya apabila kita buat sesuatu tindakan tanpa kita merujuk kepada pihak-pihak yang bertanggungjawab kita mungkin menghadapi masalah yang lain. Ini kita perlu berhati-hati bukan kita mahu ambil tindakan. Di sana kita di pangsapuri di Perai, 60% mereka yang duduk dalam flat kos rendah adalah orang asing, kemungkinan tanpa izin. Ini pegawai Jabatan Polis, Jabatan Imigresen dan lain-lain ini kita perlu adakan dialog dan kita sudah bincang dengan MPSP dan sebagainya. Kalau boleh kita mahu melicinkan, mengelakkan dari sebarang masalah yang akan timbul ini bukan sensitif sebab saya rasa kita tutup lubang di sini dia akan buat lubang lain tempat. Maka apa yang penting, kita sentiasa ada dialog dan kita menasihatkan kilang-kilang jangan ambil pekerja asing sama ada dia pekerja tanpa izin atau tanpa izin. Jangan berikan kerja kepada mereka. Sekarang ini apabila kita rasa kemelesetan ekonomi ini akan melanda Negeri Pulau Pinang ada tindakan supaya mengurangkan pekerja asing. Saya rasa lebih baik daripada ambil tindakan-tindakan tegas sebab kita Kerajaan Negeri tidak boleh mengarahkan Jabatan-Jabatan Persekutuan. Kita adakan dialog sepertimana Ahli Kawasan Penaga maklum tentang perkara itu. Bukan kita tidak ambil kira tetapi sentiasa kita akan berhati-hati kerana faktor perikemanusiaan.

Mereka ada keluarga dan sebagainya. Bukan sepertimana yang pihak lain katakan halau mereka, pecahkan, robohkan rumah tidak begitu *simple* begitu. Ini akan memunculkan masalah yang lain. Ini akan merumitkan kerja polis, kerja Imigresen. Walau bagaimanapun saya menerima prinsip, saya memang setuju kita mengambil tindakan tapi apabila kita ambil tindakan ini kita tengok apa caranya *the soft approach and hard approach* kita mahu fikirkan.

Saya teruskan Y.B. Tuan Speaker. Y.B. Komtar telah bertanya tentang pembelian Universiti Sains Malaysia sebagai Universiti APEC tahun ini. Pemilihan Universiti APEC di Negara telah ditentukan oleh Kerajaan Persekutuan dan saya tidak begitu mengetahui dengan terperinci tentang kriteria-kriteria yang digunakan dalam pemilihan USM sebagai Universiti APEC. Ini mungkin juga kita ada bincangkan sedikit dalam Parlimen. Walau pun telah berkhidmat sebagai seorang pensyarah, saya tidak begitu pasti terhadap sumbangan yang telah diberikan oleh Universiti Sains Malaysia dan Pembangunan Sumber Manusia Negara di dalam senarai universiti-universiti terbaik Asia yang diterbitkan dalam Majalah Times Universiti Malaysia tidak berada di tahap yang membanggakan. Masalah yang sama dihadapi universiti-universiti awam di Malaysia.

Situasi pekerja di Pulau Pinang. Ini rujuk kepada soalan Penaga dan Telok Bahang. Situasi pekerja di negeri memang menjadi isu yang membimbangkan. Saya ingin membawa perhatian bahawa peristiwa pada bulan Jun 2008 yang menampakkan lebih daripada 1,000 pekerja Kilang Nico di Perai telah dihentikan. 350 orang daripada pekerja tersebut adalah pekerja daripada Pulau Pinang dan kes menuntut pampasan untuk pekerja-pekerja ini masih sedang berjalan di mahkamah. Walaupun begitu situasi pekerja tidak begitu serius di Negara ini. Hal ini telah dipastikan melalui pematuhan yang telah dijalankan oleh Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Perhubungan Sumber Manusia yang ditubuhkan baru-baru ini. Syarikat dan kilang-kilang lebih cenderung untuk melaksanakan proses-proses mengurangkan kos mengoperasi seperti memberi cuti, tidak memberi elaun *overtime* dan lain-lain lagi sebagai persiapan untuk menghadapi kemelesetan ekonomi.

Di sini industri-industri yang mempunyai kecenderungan untuk memberhentikan pekerja ialah sektor pembuatan yang mempunyai ramai pekerja asing. Sektor perkhidmatan pula tidak cenderung dalam hal pemberhentian kerja manakala menurut pandangan ahli-ahli industri perhotelan dan rekreasi memerlukan lebih tenaga pekerja pada masa kini. Saya telah mempunyai peluang untuk mengadakan sesi dialog bersama 16 majikan yang penting di Negeri Pulau Pinang baru dan menurut mereka situasi pekerja pada masa kini tidak begitu negatif.

Sistem latihan, ini merujuk kepada soalan Y.B. Pantai Jerejak. Y.B. Pantai Jerejak mengutamakan sistem latihan bagi pekerja-pekerja demi melahirkan tenaga pekerja yang berpotensi tinggi. Saya mengesyorkan supaya Kerajaan Negeri amat menggalakkan sistem latihan dan memperuntukkan dana yang mencukupi bagi program-program tersebut. Kerajaan Negeri juga akan memberi galakan penuh untuk membentuk kerjasama di antara badan PSDC, USM dan syarikat-syarikat multi-nasional dalam menjalankan sistem-sistem latihan bagi pekerja-pekerja.

Isu pinjaman pendidikan Pulau Pinang, saya memang sedar terdapat nilai tunggakan bayaran balik Tabung Pinjaman Pendidikan Negeri Pulau Pinang. Kerajaan Negeri akan mengkaji dan mengambil langkah-langkah yang sesuai bagi memperoleh kembali bayaran tunggakan ini dalam masa yang terdekat.

Y.B. Tuan Speaker, Kerajaan Negeri amat prihatin dan akan mengambil segala langkah yang sesuai bagi persediaan menghadapi masalah kemelesetan ekonomi dunia. Di sini pembangunan sumber manusia menjadi satu langkah penyelesaian yang muktamad dan Kerajaan Negeri akan sentiasa menjalankan penyelidikan dan melakukan segala yang perlu untuk membangunkan potensi sumber manusia di negeri ini. Pemberian peruntukan sebanyak RM8.0 juta kepada 172 buah sekolah negeri adalah amat penting memandangkan sekolah-sekolah adalah sekolah-sekolah bantuan modal.

Kerajaan Negeri memang berhasrat untuk mengurangkan pekerja asing di negeri ini dan saya pasti pada masa akan datang bilangan pekerja asing akan turun mendadak serta pelaksanaan program-program tertentu. Walaupun situasi pekerja asing tidak berada di tahap yang membimbangkan, Kerajaan Negeri akan sentiasa memastikan nasib golongan ini adalah terbela. Saya amat berharap bahawa Kerajaan Persekutuan akan meluluskan permohonan peruntukan sebanyak RM500 juta untuk Tabung Pembangunan Latihan dan Industri Negeri Pulau Pinang. Akhir sekali saya ingin menyatakan bahawa saya penuh yakin bahawa Kerajaan Pakatan Rakyat(gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Minta laluan. Saya cuma ingin kemukakan satu soalan, saya tidak mahu tanya mengenai komposisi kaum, dalam Dewan ini pun saya tengok tidak ikut komposisi. Yang saya hendak tanya adakah Yang Berhormat hendak membuktikan dakwaan ada kes mengoyak borang itu

dalam Dewan. Jadi saya kemukakan soalan dalam Dewan ini, bukti yang mengatakan bahawa pegawai-pegawai yang mengoyak borang permohonan daripada kaum tertentu bila memohon pekerjaan.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Ini bukan dalam ucapan penggulungan saya. Ini sudah lari sedikit. Isu mengoyakkan borang adalah hasil penemuan-penemuan saya 5 hingga 6 tahun dahulu, apabila saya membuat tentang isu bilangan kakitangan di perkhidmatan awam di peringkat Pusat. Inilah penemuan-penemuan yang didapati dan ini bukan satu sahaja, jangan besar-besarkan isu ini, isu ini adalah antara penemuan-penemuan saya dalam kajian yang telah saya lakukan semasa saya di UKM. Apa yang saya sebutkan berdasarkan penemuan-penemuan yang saya lakukan dan inilah antara hasil yang kita dapat kenapa orang bukan Melayu kurang dalam perkhidmatan awam di peringkat Nasional.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Soalan tidak dijawab, kalau boleh berikan nama orang itu dan jabatan mana. Ini adalah satu tuduhan yang mana Yang Berhormat buat semasa menjawab soalan lisan menjadi tanda tanya di merata-merata. Siapakah pegawainya dan jabatan mana, walaupun 5 tahun sudah kerana ini merupakan satu pengkhianatan yang besar. Jadi Yang Berhormat katakan hendak buktikan dalam Dewan ini, kalau dikatakan dalam kajian Yang Berhormat 5 tahun dahulu, itu bukan satu bukti. Buktinya ialah menamakan siapakah yang bertanggungjawab itu.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Peraturan Y.B. Tuan Speaker, ...(dengan izin).

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Just let me answer to that. Y.B. Penaga, isu ini adalah satu yang saya dapat, kalau saya ada bukti pun, ini adalah perkara rahsia, saya mesti menjaga sumber-sumber saya. Bagaimana saya hendak berikan di sini nama-nama pegawai yang memberi maklumat kepada saya, bolehkah saya memberi? Saya mesti mahu menjaga sumber-sumber saya dan ini memang *highly confidential*. Penemuan ini saya telah utarakan dalam Dewan ini. Kalau you tanya bagaimana saya mahu membuktikan dominasi UMNO, kita perlukan satu sesi Dewan yang *special* untuk tujuan itu dan membincangkan perkara-perkara macam itu.

Maka bila you tanya bukti siapakah pegawai dan siapa yang mengutarakan, bagaimana saya mahu beri. Apabila saya beri nama, *that means,....(dengan izin), I am betraying the confidence of my respondents.*

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Lagipun kes ini sudah dibuat laporan polis, kalaulah sekiranya ke mahkamah, ikutlah.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Ini telah diheboh-hebohkan oleh UMNO, tak mengapalah, itu hak mereka. Membuat laporan polis adalah hak mereka. Saya bersedia untuk mempertahankan apa yang telah saya katakan dalam Dewan ini, cuma ingin saya katakan kita bukan mahu melihat benda-benda ini, kerana ini benda sampingan, kita mahu lihat kenapa angka-angka yang telah saya berikan, ini bukan angka baru, bukan ciptaan saya dan ini menunjukkan bahawa kenapa orang Malaysia, saya tidak mahu sentuh sektor awam tetapi sektor swasta, kenapa bilangan bukan Melayu begitu kurang. Itu sahaja, ini adalah satu bukti yang begitu kukuh sekali tentang ke pinggiran bukan Melayu dalam sektor awam.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Okey, bercakap tentang kena saman, saya pun kena juga laporan polis dan saya juga menunggu, jadi jangan menuduh UMNO yang buat, saya pula boleh tuduh, hari itu yang buat laporan, DAP yang buat laporan terhadap saya, jangan tuduh begitu, UMNO dan sebagainya. Bila Yang Berhormat sebut, saya pun kena laporan polis yang dibuat oleh DAP.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Saya tidak tuduh Y.B. Penaga tetapi UMNO luar, bukan ahli-ahli di sini.

Y.B. Tuan Speaker:

Teruskan.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri:

Y.B. Tuan Speaker, isu utama ini tidak difokuskan tetapi benda-benda sampingan yang difokuskan dan diperbesar. Saya pun tidak tahu dan ini di luar kawalan saya, ini telah saya utarakan di dalam Dewan yang mulia ini dan segala risiko saya akan menghadapi demi untuk kebaikan semua rakyat Malaysia.

Akhir sekali Y.B. Tuan Speaker, saya ingin menyatakan bahawa saya penuh yakin bahawa Kerajaan Pakatan Rakyat akan dapat memperkukuhkan ekonomi Negeri Pulau Pinang dan mengatasi segala cabaran dan masalah yang mungkin dibawa oleh arus kemelesetan ekonomi dunia. Sekian, terima kasih, Y.B. Tuan Speaker, saya mohon menyokong Bajet 2009.

Y.B. Tuan Speaker:

Silakan Y.B. Penanti:

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker Bismillahi rahmanir Rahim. (Bacaan Doa). Assalamualaikum w.b.t. dan salam sejahtera, yang saya hormati Y.A.B. Ketua Menteri dan seluruh barisan EXCO, Y.B. Dato' Setiausaha Kerajaan dan seluruh kepimpinan pegawai kerajaan yang telah membantu pimpinan Pakatan Rakyat dalam melaksanakan tugas sepanjang beberapa bulan pertama setelah kita memenangi pilihan raya. Tahniah saya ucapkan kepada Y.A.B. Ketua Menteri kerana kejayaan beliau membentangkan bajet yang pertama beliau, bajet sulung beliau yang membawa abdikasi penting tentang 3 penekanan utama iaitu:-

- (i) soal merencanakan pertumbuhan ekonomi, *pro-growth*;
- (ii) mewujudkan peluang pekerjaan, *pro-jobs*; dan
- (iii) menjamin keadilan sosial-ekonomi, *pro-proofs*. Saya tidak mahu mengulas panjang kerana telah ramai Y.B. Ahli Dewan Undangan Negeri mengulas tentang hal ehwal ini. Cuma saya ingin terus kepada fakta kerana kita semakin dihambat masa.

Menyentuh soal dasar yang diutarakan oleh Y.B. Permatang Berangan berkenaan dasar dalam hal ehwal Islam. Pertamanya yang melibatkan dasar ianya bukanlah sesuatu yang boleh dilakukan dalam masa 2,3 bulan secara *heck hazard*. Penelitian harus dibuat dengan menyeluruh sebelum satu dasar dilaksanakan. Namun demikian, saya ingin menyatakan satu perubahan tidak dilakukan semata-mata hanya kerana perubahan itu. Perubahan dilakukan atas prinsip dan keperluan tuntutan aspirasi rakyat.

Saya menghargai segala yang telah dilaksanakan sebelum ini yang telah diusahakan selama ini, tidak semestinya semua yang bersifat silam itu tidak baik atau baik belaka. Kesemuanya mempunyai ...(dengan izin), *pro and cons*. Dalam hal ehwal ini, saya telah meneliti dasar dan sistem pendidikan Islam yang telah diterima dan diluluskan oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang pada 27 Julai 1999 dan Mesyuarat Majlis Bil. 6/99 yang mana sekiranya dinilai dasar ini yang berlandaskan kepada falsafah pendidikan Islam dan falsafah pendidikan negara, ianya mempunyai pengasasan yang sebenarnya cukup baik. Saya ingin menyebut dasar ini telah diasaskan dan dilaksanakan sistem pendidikan Islam yang dapat membina sahsiah masyarakat Islam yang berilmu, beriman dan bertakwa dan bersifat dinamis dan menjadikan Islam sebagai cara hidup Addin. Menegakkan keadilan mengikut syariat Islam, mengawal dan membasmi fikiran-fikiran yang menjejaskan kesucian Islam, bersahsiah mulia dengan mempunyai dan mengamalkan sifat-sifat mahmudah, mengusahakan dan memajukan pembangunan ekonomi dan sosial serta kesejahteraan umat Islam di Pulau Pinang berlandaskan hukum syarak. Meneliti dasar ini yang telah dilaksanakan sebelum ini, ianya suatu dasar yang baik.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Minta penjelasan. Kalau apa yang disebutkan oleh Y.B. Penanti, itu bukan dasar tetapi adalah visi dan misi Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang. Dasar ini kita kena faham kerana dasar adalah satu perkara yang dirancang dan diputuskan untuk mencapai sesuatu objektif yang tertentu. Yang tadi itu kalau kita lihat adalah merupakan visi dan misi Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, terima kasih.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Terima kasih Y.B. Permatang Berangan. Saya merujuk kepada dasar dan sistem Majlis Agama Islam yang saya pegang di sini. Di dalam penghuraian yang saya katakan tadi, maknanya dasar pendidikan Islam

yang dinyatakan itu telah punya satu pengasasan yang baik, yang kita hendak pastikan sekarang ini adalah pelaksanaannya itu menepati apa yang digariskan dan satu dokumen telah pun diselesaikan ataupun dilengkapkan iaitu satu Dokumen Pembangunan Islam di Pulau Pinang di mana sekarang ini sedang dalam proses penelitian oleh pakar-pakar tertentu yang kita jemput untuk kita lihat dari semua sudut yang akan kita akan umumkan tidak lama lagi mengenai soal dasar yang telah ditanyakan oleh Y.B. Permatang Berangan.

Keduanya, saya ingin menyentuh soal berkenaan dengan “Amar Makruf Nahi Mungkar”. Kita mengambil pandangan yang telah diutarakan yang mana sekiranya sesuatu perkara itu melibatkan tentang sensitiviti akidah, ...(dengan izin), *of course*, kita akan mempertahankan kesucian Agama Islam. Kita tahu kesucian Agama Islam itu tidak harus dilibatkan dengan apa sahaja bentuk pelaksanaan. Namun ingin saya bacakan di sini, menyentuh soal pertanyaan itu, jawapan yang diberikan oleh Jabatan Mufti dalam soal ini, yang mana pandangan Jabatan Mufti berkenaan hal ini, beranggapan kenyataan Y.A.B. Ketua Menteri untuk menjadikan pemerintahan Khalifah Umar Al-Aziz sebagai contoh dan panduan pemerintahan beliau adalah amat digalakkan. Khalifah Umar Al-Aziz terkenal sebagai seorang pemimpin yang adil, bijaksana dan mengutamakan kepentingan serta kebajikan rakyat di bawahannya. Dengan mengambil contoh yang baik adalah diharapkan pemimpin-pemimpin negeri ini akan sentiasa berlaku adil kepada semua pihak. Apa yang menjadi keutamaan adalah Agama Islam terpelihara, keadilan terlaksana dan rakyat diutamakan.

Begitu juga isu penggunaan kalimah “amar makruf nahi mungkar,” ia merupakan sesuatu maksud dari kalamullah yang terkandung di dalam Al-Quran yang menjelaskan ciri-ciri yang sepatutnya dimiliki oleh orang Islam yang bermaksud menyuruh melakukan kebaikan dan mencegah melakukan kemungkaran. Jabatan Mufti bersetuju telah melakukan kesilapan dalam penulisan ejaan yang terdapat di *banner* atau poster sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri baru-baru ini, tiada istilah bagi amal iaitu a m a l makruf nahi mungkar. Bagi persoalan sama ada istilah ini boleh digunakan oleh orang-orang bukan Islam atau digunakan oleh sesebuah negeri sebagai satu slogan atau pendekatan, Jabatan Mufti berpandangan bahawa pendekatan atau slogan “Amar Makruf Nahi Mungkar” yang ingin dibawa oleh Y.A.B. Ketua Menteri adalah satu pendekatan yang baik. Secara umumnya pendekatan yang ingin diambil adalah menyuruh atau menggalakkan rakyat Pulau Pinang bersama-sama melakukan kebaikan dan sama ada tolong-menolong, bantu-

membantu, bekerjasama dan dalam masa yang sama mencegah kemungkaran yang ditimbulkan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Penjelasan. Kita selalu sering dengar Yang Amat Berhormat Ketua Menteri mengguna "amar makruf, nahi mungkar". Adakah ini satu dasar Kerajaan Negeri sekarang? Kalau ianya satu dasar maka memang kita seru orang nak buat kebaikan tetapi kita juga kena mencegah kemungkaran. Apa yang perlu dicegah kemungkaran kita kena hapuskan semua karaoke-karaoke tempat perjudian semua kena hapuskan. Ini dikatakan nahi mungkar adakah ini satu dasar?

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Terima kasih Yang Berhormat dari Kawasan Sungai Dua saya kira soalan itu diutarakan yang lebih layak menjawabnya Yang Amat Berhormat Ketua Menteri selepas ini. Namun bagi saya penggunaan slogan sedemikian untuk uar-uarkan prinsip menggalakkan kebaikan dan kemungkaran sewaktu pendirian yang cukup baik dan sekiranya ditanya apakah ini merupakan dasar telah saya nyatakan tadi sekiranya ia melibatkan...(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Minta laluan, penjelasan.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Izinkan saya habiskan sekejap. Saya akan beri ruang Insya-Allah. Sekiranya ia melibatkan portfolio keagamaan secara khusus saya telah menjawab sebentar tadi, kita telah mengadakan dokumen lengkap sedang diteliti dan bagi saya tentang soal nak menggunakan "amar makruf dan nahi mungkar" sebagai dasar atau tidak itu akan kita putuskan kemudian namun di peringkat awalan slogan yang dilaksanakan itu adalah suatu yang baik bagi menyuruh ke arah kebaikan yang mencegah kemungkaran yang tidak hanya termaktub kepada orang Islam sahaja yang boleh menggunakan istilah sedemikian, kerana ianya adalah sama dengan istilah Islam Hadhari digunakan disebutkan oleh rakan-rakan dari komponen bukan Islam. Ianya tidak bermaksud mereka ingin mencemar Islam.

Jadi dalam soal ini kita mengambil kira pandangan Yang Berhormat Permatang Berangan yang menyatakan kerisauan sekiranya istilah tertentu digunakan kalau istilah itu boleh mengakibatkan

pencemaran terhadap akidah, sekiranya perkara demikian berlaku saya

akan pastikan ianya akan diambil kira sebaik-baiknya dan Kerajaan Negeri tidak akan melakukan sebarang kesilapan sedemikian kerana kita sentiasa merujuk kepada Jabatan Mufti dan seluruh alim ulama fuqaha yang ada yang melibatkan kepentingan Islam. Sekian.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker, penerangan daripada Ahli Kawasan Penanti berkenaan dengan penggunaan kalimah “Amar Makruf Nahi Mungkar” sebenarnya saya telah pun memberikan penjelasan begitu panjang lebar dan apa yang disentuh oleh Jabatan Mufti bukan satu pandangan yang telah pun ditashihkan oleh Jawatankuasa Syariah dan sebagainya. Maka dengan sebab itu pandangan itu masih dibincangkan lagi. Oleh yang demikian dalam hal ini apa yang saya timbulkan dalam perbahasan yang lalu. Isunya ialah isu ejaan selesai dan saya terima kasih kerana pihak Kerajaan Negeri menerima dan membuat pembetulan.

Tapi isu sekarang ialah isu “Amar Makruf Nahi Mungkar” ini, ini adalah satu isu yang mempunyai satu implikasi pelaksanaan yang mesti menyentuh secara menyeluruh holistik dan tidak boleh tujuan “Amar Makruf Nahi Mungkar” ini dikemukakan untuk perkara-perkara tertentu atau perkara yang ringan-ringan sahaja iaitu sepertimana kita katakan amar makruf dari segi tolong-menolong, bantu membantu, bekerjasama sepertimana dijawab oleh pihak Jabatan Mufti sebab prinsip amar makruf di sini bukan hanya sekadar tolong menolong atau kerjasama tetapi dia pergi jadi lebih jauh.

Sebab itu saya katakan kalau Kerajaan Negeri nak menggunakan atau nak menyeru masyarakat kepada kebaikan ada istilah lain yang lebih sesuai *relevant* dan boleh diterima pakai dan boleh difahami oleh semua rakyat secara umum. Contohnya kita kata marilah sama-sama bekerjasama dalam bahasa yang biasa tetapi dalam hal ini istilah ini ataupun “Amar Makruf Nahi Mungkar” ini adalah daripada Al-Quran ... (dengan izin). (Bacaan dari Petikan Ayat Al-Quran) Tuhan sebutkan dalam ayat ini “kamu adalah sebaik-baik ummah itu ialah umat Islam, orang Islam”. Ini yang dikatakan dalam Al-Quran lepas itu dari situlah dengan keistimewaan kamu ada Quran ada itu dan ini semua maka kamulah yang kena menyeru manusia kepada kebaikan dan mengikut Ibnu Abbas dalam Kitab Fadilat Amal ini boleh rujuk Fadilat Amal ini muka surat 90 ini, kita boleh melihat tujuan amar makruf ialah sampai

kepada matlamat dia manusia beriman dan mengucapkan Lailahailallah Muhammadarrasulullah dan isu ini adalah lebih bersifat isu yang mempunyai unsur ataupun nilai-nilai akidah dan keagamaan, kalau Timbalan Ketua Menteri I yang mempromosikan slogan ini saya tak rasa apa-apa silakan.

Tapi masalah sekarang apa yang saya katakan ialah promosi slogan ini tidaklah boleh dibuat oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri ataupun Ahli Kawasan Perai ataupun ADUN-ADUN lain, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri yang lain yang bukan beragama Islam. Bukan saya bermaksud bahawa ahli-ahli bukan yang beragama Islam tidak boleh menyeru kepada kebaikan itu pun tak betul tetapi tidak sesuai tidak boleh menggunakan terminologi atau pun bukan terminologi tetapi menggunakan ayat ini, itu asal dia, itu cerita dia.

Jadi Kerajaan Negeri boleh buatlah slogan promosi untuk membawa masyarakat Pulau Pinang ini satu masyarakat yang dinamik, satu kehidupan masyarakat berdaya maju, melaksanakan kebaikan dan sebagainya tetapi tidak dengan menggunakan istilah ini. Mungkin Jabatan Mufti ini tidak faham apa yang ingin saya jelaskan daripada isu yang dibangkitkan tadi. Oleh yang demikian saya juga ingin menyentuh di sini bahawa apabila amar makruf ini dicadangkan, di slogankan kita nak tengok ianya bukan hanya retorik atau mula yang guna yang ini mesti mengikut T.O.R. nya *term of reference* nya "Amar Makruf Nahi Mungkar" dalam agama Islam ada dia punya tahap dia, T.O.R dia, syarat dan macam-macam lagi.

Kalau Kerajaan Negeri bersetuju untuk melaksanakan segala T.O.R ini kepada semua tak kira orang Islam, tak kira bukan orang Islam oleh kerana ini menjadi satu slogan negeri maka implementasinya mestilah menyeluruh. Kita kata amar makruf suruh orang buat kebaikan yang pertama suruh orang buat kebaikan dari segi yakni perbuatan sahaja semua orang boleh buat. Tapi dalam *terms* ini dia sampai suruh orang beriman dengannya pada Allah S.W.T sudah pasti ia hanya menjurus kepada orang Islam, kepada orang bukan Islam sudah tidak boleh dipakai lagi, itu alasan saya. Yang kedua, kalau kita tengok bila kita katakan suruh buat nahi mungkar. Nahi mungkar ialah mencegah kemungkaran maka dalam Islam kemungkaran itu termasuklah minum arak dan perbuatan-perbuatan lain. Adakah kita boleh *implement* pencegahan minum arak kepada orang bukan Islam. Orang bukan Islam mungkin mereka mempunyai hak mereka sendiri tidak ada halangan

barangkali untuk minum arak. Jadi kita tak boleh pakai terminologi ini kepada orang bukan Islam kerana dia bukan Islam.

Saya rasa semua orang bersetuju dengan keadaan ini lalu dengan sebab itu bila kita pakai istilah (bacaan dari petikan ayat Al-Quran) ataupun “amar makruf, nahi mungkar” ini kita tak boleh gunakan secara *partial*, secara sebahagian ambil, sebahagian tinggal yang ini boleh buat, ini tak boleh buat. Kalau nak kira kelmarin yang dibentangkan

oleh Y.B. yang berportfolio pelancongan kelmarin, Y.B. daripada Batu Lintang kata nak buat Miss Pesta. Sebab itu saya tanya Miss Pesta itu macam mana dia kata pakai baju kebaya, pakai baju ceongsam pakai baju apa semua kalau nak diikutkan T.O.R yang ada dalam nahi mungkar itu pun tak betul. Tak boleh siapa berani cakap dan tolong beritahu saya ini Miss Pesta ini diluluskan oleh mengikut syariat Islam. Jabatan Mufti pun juga tolong jawab kepada saya bolehkah Miss Pesta ini dilaksanakan dan dipersetujui dalam syariat Islam? Boleh ka? Kalau tak boleh macam mana pula dengan kedudukan slogan nahi mungkar? Benda ini kena difikirkan dalam-dalam sebab itu saya ingin cadangkan bahawa penggunaan “Amar Makruf Nahi Mungkar” biarlah bertempat tidak boleh terbuka sehinggakan tidak mempelajari tentang *terms of reference* ada ... (dengan izin), yang ada dalam ayat tersebut. Lalu saya cadangkan Kerajaan Negeri boleh menggunakan apa-apa perkataan-perkataan lain yang menjuruskan kepada maksud yang sama membawa satu dinamik di dalam pentadbiran kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang tetapi ianya lebih universal ianya lebih praktikal kepada agama-agama lain juga.

Jadi saya menyatakan tujuan isu ini ialah dengan niat untuk memelihara ayat-ayat Al-Quran ataupun *terms-terms* yang ada dalam Islam supaya ianya tidak digunakan sewenang-wenang itu maksud saya. Terima kasih.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Penjelasan. Terima kasih Y.B. Tuan Speaker, saya rasa Ahli Berhormat daripada Permatang Berangan mempunyai *structure list view on Islam* kerana *terms of reference* dan pelbagai yang *rigid*. Apa yang Ketua Menteri inginkan adalah dari segi *governance* di mana kerajaan nahi mungkar dari segi anti korupsi daripada menjadikan kerajaan lebih berkesan dan transparansi. Ini adalah inti pati slogan tersebut dan falsafah Kerajaan Negeri.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Terima kasih. Saya minta laluan sikit lagi. Saya rasa pandangan daripada Ahli Pantai Jerejak kerana Ahli Pantai Jerejak pun tak faham apa yang saya maksudkan. Tentang *race* atau *resist* saya bentangkan perkara ini untuk memberikan satu hak kepada orang yang bukan Islam juga supaya orang yang bukan Islam boleh melaksanakan

apa yang mereka rasa boleh mengikut budaya atau agama mereka. Ini yang berkaitan dengan hak orang Islam dan saya sebutkan di sini “Amar Makruf Nahi Mungkar” ini daripada perkataan ataupun kalam dari Al-Quran. Saya rasa ini tak kena mengena dengan *resist*, *racial* dan sebagainya.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Penjelasan, saya kata *structure list* bukan *resist* maksudnya mengikut *structure* atau struktur-struktur agama Islam dari segi T.O.R tadi saya tidak katakan *resist*. Saya ingin katakan pada Permatang Berangan sila tarik balik. Okey, terima kasih.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Tak apa saya tarik balik kalau saya salah faham tentang *resist* tetapi *structure list* itu, itu adalah benda yang bersifat ilmiah benda benda yang bersifat akademik jadi saya minta supaya kita dalam kehidupan kita dalam *govern*, segala pentadbiran dan urusan kita, kita ada dia punya struktur dia, kita ada *border* dia, ada perkara yang kita boleh melakukan secara bersama ada perkara yang boleh kita melakukan secara berasingan dan sebagainya. Jadi dalam hal ini apabila isu ini dibabitkan tentang Al-Quran tentang tafsiran, pemahaman, tentang inti pati yang ada dalam Quran ini maka biarlah semua pihak menghormati apa yang terkandung di dalam isi Al-Quran ini. Saya tak pernah mengatakan bahawa Kerajaan Negeri tidak boleh menggunakan ataupun menyeru orang kepada kebaikan, mencegah orang kepada kemungkaran, tidak, saya tidak kata begitu. Jadi boleh buat tetapi ialah menggunakan ayat ini yang tidak boleh apa tah lagi apabila promosi itu dibuat oleh orang yang bukan beragama Islam.

Kerana saya menghormati kedudukan ahli-ahli Yang Berhormat kita yang bukan beragama Islam dan saya juga nak kita menghormati di

antara orang-orang Islam itu sendiri. Jadi *fair* itu satu benda yang cukup. Terima kasih.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker. Saya rasa dari segi agama Islam adalah unsur-unsur universal adalah unsur *universalism*. Universal ini kepada semua agama, bangsa dan seluruh insan. Jadi semasa saya dalam universiti saya juga baca akidah, syariah dan juga banyak kursus-

kursus tentang Islam. Apa masalahnya kalau kita sama-sama belajar dan sama-sama kita cari satu *common ground* di mana kita sama-sama praktik kan unsur-unsur Islam yang *universalize*. Saya rasa pokoknya adalah tentang macam mana kita menjadikan kerajaan lebih kompetitif dan juga anti korupsi dan menjadikan ianya lebih transparensi itu adalah nahi mungkar juga pada pendapat saya, terima kasih.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Y.B. Tuan Speaker, sepatutnya laluan kena minta pada saya, dah jadi dua hala, tetapi tidak mengapa, saya mendengar dengan sabar, Innal-Allah hamahasobireen.

Saya sebab itu di awal tadi saya mengatakan kita menerima pandangan Yang Berhormat Permatang Berangan dan saya telah mengulas sekiranya tadi ditanyakan oleh Y.B. Sungai Dua, apakah itu dasar atau tidak, sebab itu saya jawab tadi kalau ianya hendak dijadikan satu dasar saya akan membawa ke perbincangan yang lebih *detail* dan saya faham Maudau' yang dimaksudkan tadi Y.B. Permatang Berangan tadi kerana ada implikasi falsafahnya dan pelaksanaannya dari segi syarak.

Kenyataan Y.B. Pantai Jerjak dengan suatu harapan bahawa pelaksanaan itu dilaksanakannya itu di bawa oleh semua pihak atas semangat bersama itu kita boleh memahami tetapi saya hendak menyatakan di sini, tentang apa yang dikatakan tadi sebenarnya saya tidak sempat menghabiskan ulasan saya. Saya telah mengungkapkan bahawa setiap dasar yang hendak dilaksanakan yang melibatkan kepentingan Islam ianya tidak boleh dibuat secara semberono, ianya harus diteliti implikasi kesan dari konteks Islam, falsafahnya, di hazari dan rohhi. Saya memahaminya kenyataan penjelasan, sebab itu saya katakan kita akan meneliti perkara ini dengan lebih halus tentang soal apakah dasar ataupun tidak dan saya kira penjelasan telah cukup dilaksanakan oleh kedua-dua pihak dan saya mengungkapkan kenyataan

tadi kita mengambil dahulu di peringkat ini atas semangat(bahasa arab) dan jawapan yang diberikan Dato' Mufti bahawa perkataan yang digunakan itu tidak mengungkap ayat Al-Quran tetapi hanya satu perkataan.

Namun sekiranya ianya hendak bertujuan ke arah yang lebih tinggi maka pandangan Y.B. Pematang Berangan itu tentunya dari prinsip syarak kita meneliti dan saya memahaminya. Saya hendak pergi kepada perkara seterusnya. Berkenaan dengan portfolio keusahawanan kita

telah sedia maklum bahawa kita mendepani cabaran ekonomi semasa yang mana kelembapan ekonomi dunia yang tentunya punya kesan langsung kepada rakyat Pulau Pinang secara khusus. Justeru, kita telah merancang program bimbingan usahawan rakyat yang telah pun diungkapkan, program bimbingan usahawan rakyat yang telah pun diungkapkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri dalam ucapan bajet dan program bimbingan usahawan rakyat ini dilaksanakan bermula pada Disember ini dan akan dipantau selama setahun sehingga Disember 2009. Antara objektif utama program usahawan rakyat ini adalah untuk menghasilkan peningkatan pada ...(dengan izin), profit 30% pada 300 *business owner* yang hendak kenal pasti dahulu dan kita tidak mahu terlalu *ambitious* dalam pelaksanaan. Kita tahu ianya bukannya mudah bila kita hendak melaksanakan sebuah program keusahawanan yang berjaya.

Objektif kedua ...(dengan izin), kita ingin melihat *increase of cash saving by fifty percent, for three hundred business owner*, yang ini akan akan dipantau dan khidmat percuma melalui rundingan melalui telefon telah pun dimulakan sejak dua minggu sudah oleh pihak *trainer* yang melaksanakan program ini secara percuma. Rakyat Pulau Pinang boleh menghubungi pihak *trainer* ini melalui siaran radio untuk mendapat bimbingan dan program yang akan dilaksanakan pada 13 dan 14 Disember, 2008 program ...(dengan izin), *key course* untuk seminar bimbingan usahawan yang kita akan buka ruang dan peluang kepada semua rakyat untuk meneliti apakah peluang-peluang yang bagaimana hendak melaksanakan keusahawanan secara betul dan program ini menumpukan terlebih dahulu kepada penjaja dan peniaga kecil yang kita tidak tahu golongan ini yang akan terkesan dengan kelembapan ekonomi.

Sebagai suatu program sampingan, pelaksanaan program besar di dalam usahawan rakyat ini kita juga telah menubuhkan Tabung Modal Pusingan Peniaga dan Penjaja Kecil Negeri Pulau Pinang yang telah juga disebutkan Y.A.B. Ketua Menteri di dalam ucapan bajet beliau yang mana tabung ini diletakkan di bawah PDC sebagai agensi pelaksanaan dengan

suntikan awalan sebanyak RM500,000.00. Jumlah ini tidak sebesar mana, kita maklum untuk tujuan keusahawanan tetapi sebagai permulaan dalam tempoh terdekat ini ianya sebagai suntikan awalan yang akan kita usahakan untuk tambahan suntikan ini pada tahun hadapan, insya-Allah. Tabung modal pusingan ini ditumpukan untuk manfaat penjaja dan peniaga kecil dan jumlah bantuan maksima tidak melebihi RM10,000.00 bagi setiap permohonan yang ditetapkan dan ini sebagai usaha awalan kita bagi membantu penjaja dan peniaga kecil mendepani cabaran ekonomi semasa.

Seterusnya saya ingin pergi pada persoalan yang ditanyakan berkenaan kepedulian sosial. Saya ingin menyatakan bahawa program masyarakat madani yang telah juga diungkap oleh Y.A.B. Ketua Menteri dalam ucapan beliau telah mula kita melaksanakan dengan memulakan seminar masyarakat madani di mana pemikiran awalan telah dibentangkan pada tahun sekitar 1997.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Penjelasan, sebelum ke masyarakat madani, mengikut anggaran kos projek yang disemak 2006, 2010, sejumlah RM774,640,060 dianjurkan sebagai anggaran projek bagi jabatan-jabatan di peringkat negeri, tetapi setakat ini kontraktor-kontraktor kelas F, masih lagi mengeluh kurangnya projek untuk mereka. Jadi saya berharap bagaimanakah caranya untuk kita memastikan bahawa kontraktor-kontraktor kelas F yang berjumlah lebih kurang seribu lebih yang ada ini. Mereka yang 1,396 orang di Pulau Pinang ini boleh mendapat sekurang-kurangnya lima atau enam kali dalam setahun supaya mereka boleh hidup dalam *company* itu.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri:

Terima kasih Y.B. Seberang Jaya, saya maklum tentang perkara demikian dan kita sedang meneliti dan kita tahu bahawa pendekatan kita untuk memastikan kontraktor-kontraktor mendapat tiga atau empat projek setiap tahun sebagaimana diutarakan untuk menjadi satu keperluan dan desakan pada golongan kontraktor kelas F secara khusus dan kita sedang berbincang dengan banyak pihak untuk memastikan pelaksanaan ini dilakukan dengan betul. Pihak kontraktor dan persatuan kontraktor kita telah bertemu dan saya akan adakan perbincangan dengan mereka dalam sekitar tiga minggu lagi ini jadinya untuk mendapat *feed back* dengan lebih terperinci setelah beberapa bulan kerajaan baru mengambil alih kepimpinan.

Saya pergi kepada perkara yang telah saya nyatakan tentang program masyarakat madani. Program madani merupakan satu program yang dilaksanakan dalam erti kata mengangkat kepedulian sosial yang telah pun kita gerakkan dan kita akan melaksanakan program-program di semua daerah yang mana asas pembentukan masyarakat madani ialah bagi mengujudkan masyarakat yang berpegang kuat pada asas agama dan nilai moral serta mengangkat ketuanan rakyat dalam soal penglibatan bersama dalam membina kekuatan negeri dan negara, yang mana kita tahu dengan yakin bahawa apabila satu masalah didepani oleh sebuah kerajaan sama ada peringkat negeri atau Negara. Ianya tidak harus hanya merupakan satu pemerksaan kepimpinan di peringkat pemerintah tetapi juga adalah kerjasama yang padu daripada seluruh masyarakat. Justeru program masyarakat madani digerakkan bagi memberikan input ilmu serta juga *civil and pavement* supaya rakyat terlibat secara langsung dalam usaha untuk memastikan keamanan dan prinsip moral dipertahankan dalam setiap pelaksanaan di kalangan masyarakat. Kita tahu apabila ditanyakan tentang soal jenayah-jenayah yang timbul kadang-kadang kita melihat soal ...(dengan izin), *a alertness of the people* di dalam melaporkan satu kejadian jenayah ataupun mengerakkan dan memastikan sekitaran dan rumah kediaman masing-masing itu dari segi keselamatan terutama dari soal kebakaran *fayed hazed*. Ini kadang-kadang masih lagi rendah di kalangan masyarakat kita maka kita laksanakan program masyarakat madani ini antara komponen ialah memberikan pendedahan ilmu dan melibatkan jabatan-jabatan Bomba dan sebagainya untuk memberikan pengetahuan asas yang penting untuk mengerakkan dan memperdaya masyarakat dalam membentuk suatu mobilisasi secara menyeluruh semua komponen yang ada. Justeru saya kira program masyarakat madani adalah merupakan satu gerakan yang penting untuk dimanfaatkan oleh semua pihak dan kita berharap agar perlaksanaan ini mendapat dukungan yang baik semua pihak yang terlibat.

Oleh yang demikian, saya ingin menyatakan bahawa kita harus bersama berganding bahu dalam mendepani masalah yang lebih besar yang kita hadapi iaitu kelembapan ekonomi yang mana rakyat sentiasa harus diutamakan dalam keadaan yang menekan. Saya kira ke tiga-tiga program yang saya nyatakan tadi terutama yang melibatkan program keusahawanan merupakan satu mobilisasi penting bagi mengangkat keperluan dan mendengar dan membuka ruang kepada penglibatan rakyat dalam ekonomi *participation* ...(dengan izin). Oleh yang demikian saya tidak ingin berucap panjang kerana kita tahu hambatan masa sekarang dan sekarang sudah dekat 12.30 tengah hari. Saya ingin mengakhiri ucapan penggulungan ini dengan menyatakan bahawa sama ada pemerintah atau pembangkang kedua-dua pihak merupakan pihak yang penting dan komponen penting dalam satu pemerintahan demokrasi. Saya melihat perkembangan di dalam persidangan ke tiga ini

kita punya satu perbincangan yang sihat, dan kita melihat perkembangan yang positif. Saya kira Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang boleh menjadi contoh dalam perbincangan yang profesional. Penglibatan rakan-rakan pembangkang yang cukup baik dan juga *foment* dari pihak Kerajaan Negeri juga telah memberikan satu aktif yang cukup baik dan saya yakin dengan adanya Kerajaan Negeri yang ingin mengutamakan demokrasi dan juga rakan-rakan pembangkang yang melibatkan diri secara aktif dalam soal memberikan *check and balances* kita berupaya memerintah negeri ini dengan baik, berkesan untuk meletakkan ketentuan rakyat mendahului segala perkara dalam kita menyempurnakan tugas kepimpinan. Oleh yang demikian, saya memohon menyokong. Terima kasih.

Y.B. Tuan Speaker:

Seterusnya daripada Y.A.B. Ketua Menteri.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Y.B. Tuan Speaker, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas ucapan bajet 2009 Negeri Pulau Pinang yang saya bantah di dalam Dewan Yang Mulia ini dan 14 November, 2008. Seperti yang semua Ahli Yang Berhormat sedia maklum, bajet 2009 telah menggariskan tiga teras utama iaitu, *pro-growth* merencanakan pertumbuhan ekonomi, *pro-jobs* mewujudkan peluang pekerjaan dan *pro-poor* menjamin keadilan sosial ekonomi.

Berdasarkan tiga teras ini, saya akan menjawab hujah-hujah yang telah diutarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Pulau Tikus dan Telok Bahang telah menyentuh garis panduan pelaburan di Pulau Pinang. Pada masa sekarang garis panduan yang diguna pakai oleh Kerajaan Negeri adalah juga berdasarkan yang ditetapkan oleh MAIDA. Garis panduan ini adalah bertujuan untuk memudahkan pelabur dan bersifat mesra perniagaan. Kerajaan Negeri terus meneliti prosedur sedia ada dari masa ke semasa supaya prosedur ini mengikut arus perkembangan berdasarkan kepada semua usaha di atas. Pihak Kerajaan Negeri berharap agar Pulau Pinang akan terus menjadi lokasi utama bagi para pelabur.

Menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Telok Bahang, Kerajaan Negeri bercadang untuk menubuhkan sebuah Pejabat Pelaburan dan Pelancongan Negeri Pulau Pinang di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur dan juga di Bandaraya Kuala Lumpur. Penubuhan ini adalah perlu dan bukan merupakan satu pembaziran kerana kita mesti proaktif untuk menarik pelaburan baik di luar mahu pun

di dalam negeri khususnya apabila banyak pelabur-pelabur bertempat dan bertapak di Ibu Negara.

Pejabat ini merupakan Pejabat Perwakilan yang melibatkan kos operasi yang munasabah. Pejabat ini akan menyediakan maklumat-maklumat mengenai pelaburan dan peluang pelancongan di Negeri Pulau Pinang. Penubuhan pasukan petugas khas berfungsi sebagai pemudah cara dalam aspek pelaburan khusus bagi pelaburan bernilai satu bilion ringgit ke atas. Pasukan petugas ini berperanan membantu para pelabur mempermudah dan mempercepatkan semua proses berkaitan dengan kelulusan dan pelesenan di antara agensi Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan. Pasukan petugas khas ini terdiri daripada EXCO Kerajaan Negeri, InvestPenang, PDC dan MAIDA. Saya ingin menyentuh persoalan yang dibangkitkan ADUN Pulau Betong. Mengenai langkah yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri telah menghadapi kesan kemelesetan ekonomi dunia dan juga Y.B. daripada Jawi dan Yang Berhormat yang lain.

Masalah kewangan antarabangsa bermula daripada Amerika Syarikat dan menular ke Eropah serta Asia Pasifik. Di jangka akan menyebabkan kemelesetan ekonomi sedunia. Langkah jangka pendek yang sedang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengurangkan impak kemelesetan ekonomi adalah seperti yang saya gariskan sebelum ini dan dalam aspek ini kita mengambil langkah selain daripada sepuluh angka yang telah saya gariskan dalam belanjawan. Kita akan mengambil dua langkah utama lagi iaitu:-

1. Memperluas dan memperbagaikan kegiatan ekonomi termasuk melaporkan perubahan atau transformasi ke sektor pertanian ke arah berorientasikan teknologi tinggi dan peningkatan kualiti dan keluaran.
2. Menggalakkan pertubuhan sektor baru dan inovasi berasaskan e-pengetahuan. Seperti yang sedia dimaklumkan oleh semua Ahli Yang Berhormat bahawa sekarang adalah amat penting bahawa *e-workers* ini boleh terus memberi dan menjadikan Pulau Pinang sebagai tumpuan mereka. Kalau kita dapat memastikan pekerja-pekerja pada tahun ini terus bertapak di Pulau Pinang. Saya yakin pelaburan tidak akan lari dan sekiranya mereka yang kurangkan pelaburan di sini dia akan digantikan dengan pelaburan yang baru.

Oleh itu Kerajaan Negeri memberikan tumpuan kepada pelaburan tempatan dan ada pelbagai usaha telah dijalankan dengan Persatuan-persatuan IKS untuk membolehkan mereka menubuhkan satu tapak perindustrian di Bukit Minyak. Syarikat-syarikat tempatan yang

berjaya dan berdaya saing dalam pasaran antarabangsa, bukan sahaja melambangkan keupayaan dan kemampuan pengusaha tempatan malah mereka juga merupakan sebahagian daripada rangkaian nilai-nilai syarikat antarabangsa dan merupakan salah satu daripada daya tarikan utama Pulau Pinang. Dengan kata lain syarikat-syarikat tempatan menjadi pemangkin sektor perindustrian.

Y.B. Komtar dan juga Paya Terubong bersama dengan Telok Bahang telah membangkitkan isu berkaitan industri khususnya IKS. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, sektor yang termasuk dalam IKS ialah perkilangan, perkhidmatan berkaitan perkilangan dan industri asas tani serta teknologi maklumat dan komunikasi atau ICT. Definisi IKS mengikut sektor adalah seperti berikut:-

- (i) Untuk perkilangan perkhidmatan berkaitan perkilangan dan industri asas tani iaitu *enterprise* kecil dan sederhana dalam sektor perkilangan perkhidmatan bekalan perkilangan dan industri asas tani dengan pekerja sepenuh masa tidak melebihi 150 orang atau nilai jualan tahunan tidak melebihi RM25 juta. Dengan kata lain pekerja tidak melebihi 150 orang dan nilai jualan atau *annual sale revenue less than* RM25 million.

- (iii) Untuk ICT pula, adalah ditakrif sebagai pekerja sepenuh masa tidak melebihi 50 kerana *knowledge workers*, kita jangan letakkan jumlah yang terlalu besar dan nilai jualan tahunan tidak melebihi RM5 juta. Ini adalah satu usaha untuk menggalakkan pertumbuhan sektor ICT. Kerajaan Negeri menyambut baik cadangan untuk menubuhkan sebuah pusat bagi mempamerkan produk IKS di Negeri Pulau Pinang.

Tentang WiFi yang dibangkitkan oleh Y.B. Tanjung Bunga dan juga oleh beberapa Yang Berhormat yang lain, di sini saya ingin mengucapkan terima kasih atas sokongan yang diberikan oleh Ahli-ahli Dewan Undangan daripada Pakatan Rakyat yang memberikan sokongan padu ke atas usaha ini. Nampaknya hanya daripada pembangkang khususnya daripada UMNO dan MCA menentang keras usaha inisiatif Penang *Wireless* dan saya harap untuk memujuk pihak pembangkang untuk mengubah pemikiran mereka, kerana ia akan membawa kepulangan ataupun manfaat yang besar kepada Negeri Pulau Pinang sekiranya kita berjaya melaksanakan dan tentu sekali kita amat prihatin tentang isu-isu kesihatan.

Saya pun ada anak juga, anak saya pun kecil 23 bulan, saya pun sama-sama kluatir dan bimbang dan saya faham anak saya kalau ada kesan-kesan merbahaya mungkin kesannya lebih besar daripada anak-anak yang sudah besar daripada anak-anak Yang Berhormat parti-parti pembangkang. Oleh itu kita amat prihatin tentang isu keselamatan dan semua maklumat kepakaran yang diberikan baik oleh MC-MC baik oleh ahli-ahli akademik daripada universiti-universiti, semua menyatakan bahawa kemungkinan ia mendatang bahaya kepada kesihatan adalah tidak wujud sama sekali, kerana kalau pancaran daripada *wireless* pun merbahaya, malah kita menggunakan *microwave oven* pun bahaya. Mungkin kita kena haramkan sebelum *microwave oven*, *hand phone* tidak perlu cakap lah, memang ada pihak yang katakan ia jauh lebih tinggi daripada *wireless*, tapi kalau ini pun merbahaya, saya rasa kalau tengok televisyen pun tidak boleh kerana peti televisyen mempunyai pancaran yang lebih tinggi daripada *wireless*. Oleh itu saya harap parti-parti pembangkang bolehlah menyokong dalam isu ini yang boleh memberi faedah kepada semua rakyat Pulau Pinang. Marikan kita dirikan sama-sama, tidak kira kita mempunyai perbezaan politik, tetapi untuk melaksanakan usaha ini....(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Penjelasan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Bagi saya habis ungkapan ini. Untuk melaksanakan hasrat ini yang telah dinyatakan sebelum ini oleh kerajaan lama, tapi tidak pernah dilaksanakan. Semua ini pekerjaan lama ada dinyatakan mereka mahu buat macam ini, tetapi hanya omong-omong kosong sahaja. Kita lain, kita bukan sahaja cakap, kita laksanakan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Penjelasan, apa yang dibangkitkan ialah tolong ambil berat, kalau ada bantahan, ada juga memorandum berkenaan dengan perkara-perkara yang sedemikian, tetapi akhirnya menggambarkan bahawa kepentingan untuk kemajuan Negeri Pulau Pinang untuk rakyat adalah lebih diutamakan dan kesannya tidaklah begitu seperti yang dinyatakan. Keputusan buat sendiri tidak ada masalah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih Y.B. Seberang Jaya, nampaknya berlainan sedikit dengan kawan-kawannya dalam Barisan yang telah menentang, menentang inisiatif *wireless* dan inilah saya rasa pandangan yang kita mahu, tentu sekali kita akan mengambil berat tentang hujah-hujah dan kesan kesihatan. Itulah sebabnya kita adakan satu forum, satu forum di DOME KOMTAR kerana ia terbuka untuk orang ramai dan kita pun memberi jemputan kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat daripada pihak pembangkang, tetapi mungkin sibuklah, tidak ada seorang pun yang muncul. Betul tidak Y.B. Sungai Dua. Kita ada jemput tetapi tidak dapat saya tidak salahkan, tetapi jangan cakap kita tidak undang, kita jemput, kita buat kenyataan secara umum di surat khabar, kita harap semua boleh hadir, dan di sini kita pun jemput NGO hadir bersama untuk membincangkan perkara ini. Kita sedia menerima apa-apa memorandum, Y.B. daripada Padang Kota pun telah menerima memorandum daripada pihak kerajaan, kita tidak ada masalah, bukan seperti dahulu hendak terima memorandum melatah juga. Ini sikap berlainan. Dalam aspek ini....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Penjelasan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Silakan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Walau apa pun, saya ingat lebih baik kerajaan boleh meneliti memorandum-memorandum yang telah dikemukakan dan melihat secara lebih lanjut sebelum kita membuat sesuatu keputusan supaya keputusan yang kita buat tidak silap dan boleh mengakibatkan masalah di kemudian hari. Kita tidak bantah tetapi kita kaji sedalam-dalamnya untuk melihat betul atau tidak betul apa yang terkandung dalam memorandum ini dan juga kita sendiri membuat kajian dengan lebih lanjut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Baiklah, Y.B. Sungai Dua pun macam Y.B. Seberang Jaya, tidak bantah.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Tidak sama, saya kata kaji dahulu, tengok untuk kebaikan rakyat.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Tadi cakap tidak bantah, sekarang...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Kita kaji untuk kebaikan rakyat. Bukan kita kata buat lah, tidak, tidak kata buat lah. Kita kata kaji dahulu.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Kita akan kaji untuk kebaikan rakyat. Itu sebab kita dipilih untuk jadi kerajaan. Saya amat gembira bahawa Y.B. Sungai Dua pun sekurang-kurangnya sedia untuk kurang bantahannya dengan menyatakan kami tidak membantah, harap kaji. Kita akan kaji, saya memberikan jaminan kita akan kaji kerana seperti yang saya katakan tadi. Kita sama-sama risau, saya pun sama-sama resah, saya sama-sama bimbang, sekiranya ada kesannya nanti, anak saya pun akan kena. Anak-anak kita semua akan kena, tetapi kalau kita lihat sebelum ini dalam ucapan yang saya dengar macam menentang, sekarang sedia mengikut.....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Saya kata....(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Sekian, terima kasih

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Saya kata kaji, saya tidak mahu jadi macam mana jadi di Padang Esplaned itu. Tak kaji, tapi dia korek saja. Ini kita kaji sebelum buat, sebelum merugikan rakyat, tengok sekarang sudah merugikan rakyat.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Itu pun kita ada kaji, itu sebab kita luluskan, tetapi apa boleh buat, kalau itu syarikat swasta sudah gagal. Dalam aspek ini syarikat swasta dalam projek *wireless* ini mereka memberikan secara percuma, tidak memberi apa-apa kos kepada Kerajaan Negeri. Dalam aspek itu MC-MC pun telah memberi garis panduan. Kita ikut apa yang telah ditetapkan oleh MC-MC. MC-MC naungan di bawah Kementerian Tenaga Air dan Komunikasi (KTAK), yang sekarang dipimpin oleh rakan Yang Berhormat sendiri. Kalau Yang Berhormat menentang, itu sebab Yang Berhormat pandai, bila saya sebut, cepat-cepat tarik bantahan, kerana tahu saya... (gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Saya tidak pernah menentang. Ada tidak dalam teks ucapan saya membangkang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya terima. Sekarang *you* tidak pernah menentang, *you* sedia menyokong. Bagus, sedia menyokong.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Tidak kata sedia menyokong, saya kata kaji dulu, sama ada dia sebelum dia merugikan rakyat.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya tahu, kerana saya hendak, sebelum saya ucap ini saya hendak tanya siapa yang akan menentang? Kerana kalau menentang, menentang pula, menentang KTAK, menentang pula parti sendiri. Kerana ini garis panduan yang ditetapkan oleh KTAK yang sekarang di bawah rakan Y.B. Sungai Dua dan Y.B. Parti Pembangkang. Itulah saya cakap Y.B. Sungai Dua dan Y.B. Seberang Jaya pandai, cakap lepas tu duduk tidak mahu sebut lagi. Y.B. Sungai Dua, janganlah apa-apa duduk lah. Kalau cakap tidak bantah, tidak bantah, kita mengalu-alukan sokongan. Itulah yang saya hendak jaminkan pada rakyat Negeri Pulau Pinang, bahawa kita amat ambil prihatin tentang semua hujah yang diberikan. Kita adakan forum. Ini yang tidak pernah dibuat sebelum ini. So kita bagi *free*, ada orang yang dipertikaikan pun, kita buat forum, tidak apa. Jadi kita menerima kritikan, dengan hati terbuka kerana ini adalah memenuhi

prinsip CAT yang akan diamalkan oleh Kerajaan Negeri. Saya rasa sudah cukup dalam aspek ini. Sekian.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya)

Penjelasan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Nak menentang atau menyokong. Tidak apa lah mesti ada pendirian. Tak boleh *neither here or there, always we all to placed*

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya)

Saya memang perhatikan sudah lama Y.A.B. Ketua Menteri ini. Memang *style* dia macam itu dia buat *stiffing statement* saya tidak dengar belah UMNO ini menentang *wireless* ini tidak ada. Tidak ada, kita tahu itu bagus, kita pembangkang bukan bangkang semua, tidak, yang baik kita sokong untuk rakyat, kalau bagus *go ahead no problem*.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Okey, saya dengar ucapan daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat berlainan, tetapi, okeylah saya lupakan yang dahulu. Sekarang saya terima yang disebutkan oleh Yang Berhormat pembangkang menyokong inisiatif Kerajaan Pakatan Rakyat untuk melancarkan *free wireless* atau *WiMAX* dengan harga munasabah untuk Negeri Pulau Pinang supaya kita menjadi negeri *WiFi* pertama di Malaysia. Di sini saya juga hendak merujuk....(gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Y.B. Tuan Speaker, saya dengar tadi Yang Amat Berhormat mengatakan ahli-ahli pembangkang setuju. Saya ingat, sentuh satu perkara, saya tidak sentuh pun dalam ucapan saya mengenai WiFi. Saya ingat yang lain-lain cuma sorang saja. Kemudian *trap* kami mengatakan Ahli-ahli Yang Berhormat pembangkang sokong. Siapa yang cakap?

Y.A.B. Ketua Menteri:

Permatang Berangan.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Biar saya habiskan dahulu. Kalau mengatakan bahawa semua Yang Berhormat sokong. Yang saya dengar tadi ialah menimbang, kalau kiranya WiFi ini semua bagus, kita sokong kalau tidak ada masalah, tetapi kalau ada masalah kita tidak setuju. Tapi tidak boleh katakan semua Yang Berhormat pun sokong, kami tidak berucap pun mengenai itu.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya kira boleh *check* balik *hansard*, kerana saya tahu Y.B. daripada Permatang Berangan, kalau saya tidak silap ada sebut tentang perkara ini, tetapi takkan satu orang tidak boleh wakil pandangan daripada UMNO.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid):

Penjelasan, Yang Amat Berhormat, terima kasih Y.B. Tuan Speaker, saya ada dalam Dewan semasa Ahli Permatang Berangan berucap menyatakan tentang projek *WiFi* ini, yang ia kata ialah sila kaji, dia dapat maklumat ada masalah di tempat-tempat lain. Jadi kita di sini pun kalau benda baik takkan kita tidak sokong. Jadi silalah buat kajian untuk mendalami masalah sekiranya ada.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Baiklah saya terima sokongan dengan hati terbuka dan juga dengan kajian yang terperinci akan dilaksanakan. Y.B. Sungai Dua ada membangkitkan isu tentang tanah bersama dengan Yang Berhormat Ketua Pembangkang di mana tanah-tanah yang diambil balik untuk tujuan kebajikan dan keagamaan dan sebagainya. Saya rasa ini adalah sesuatu yang akan terus dijalankan oleh Kerajaan Negeri. Dalam aspek ini ia hendak dinyatakan di sini dan saya amat kesal bahawa perkara ini ditimbulkan mungkin berdasarkan maklumat yang tidak begitu tetap. Saya hendak beritahu Y.B. Sungai Dua bahawa pengambilan oleh Pegawai Daerah SPU Lot. 942 mukim 8, seluas 0.187 ekar untuk tujuan awam iaitu membina sekolah agama rakyat di bawah seksyen 3 (i) (a) APT1960 diluluskan pada 17 Oktober dan disahkan pada 24 Oktober. Pengambilan oleh Pegawai Daerah SPU seluas 0.178 ekar untuk tujuan awam iaitu pembesaran masjid dan tapak perkuburan Islam Masjid Bagan Berat di bawah seksyen 3 (i) (a) diluluskan pada 17 Oktober 2008 dan disahkan pada 24 Oktober.

Untuk Daerah SPS Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Sebahagian Lot. 982 mukim 4 seluas 2.27 ekar untuk tujuan awam iaitu pelebaran surau Sungai Baung di bawah seksyen 3 (i) (a) diluluskan pada 17 Oktober dan disahkan pada 24 Oktober 2008.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Penjelasan. Saya ingat Yang Amat Berhormat sendiri yang memberi jawapan ini kepada saya. Macam mana Yang Amat Berhormat kata tidak betul. Dalam jawapan yang saya tanya daripada Mac 2008 hingga kini berapa banyakk tanah-tanah yang telah dibuat pengambilan oleh Kerajaan Negeri.

Yang Amat Berhormat menjawab tiga tanah sahaja. Tiga tanah sahaja, ketiga-tiga tanah ini di Alma satu, Juru dua dan di daerah-daerah lain tiada. Ini jawapan Yang Amat Berhormat beri. Macam mana Yang Amat Berhormat menafikan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Apa masalahnya?

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Masalahnya sekarang. Pengambilan Yang Amat Berhormat jawab ada di SPU, ada pembesaran itu dan ini, tetapi jawapan yang diberikan kepada saya tidak ada. Bermakna jawapan yang diberi tidak sama dengan apa yang pada Yang Amat Berhormat.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Ini adalah yang terkini. Ini semua pada bulan Oktober. Tidak apa, soalan yang diberikan oleh Sungai Dua dan yang dibekalkan kepada saya, kerana ada banyak yang kita luluskan. Saya mungkin ada soalan yang mungkin jawapan yang bertindih atau pun tidak lengkap. Saya akan *check* dengan pegawai dan berikan secara bertulis kepada Yang Berhormat.

Mengenai siasatan ke atas pemberian milik tanah kepada Tang Hak Ju dan kes pengambilan balik tanah Mengkuang sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Adalah dimaklumkan siasatan ke atas kedua-dua kes tersebut masih dijalankan oleh Jawatankuasa yang di pengerusi oleh Yang Berhormat T/KM I. Dengan hal ini kerana ia pun sedang dibicarakan di mahkamah, maka kita akan tunggu siasatan yang terperinci yang dijalankan sebelum laporan yang menyeluruh diberikan.

Y.B. Pinang Tunggal membangkitkan mengenai pembayaran premium tanah di Kawasan Kampung Selamat di mana tempuh pajakan

telah dipendekkan kepada 42 tahun dan tidaknya 60 tahun seperti kelulusan terdahulu. Y.B. Pinang Tunggal menimbulkan keraguan mengapa perkara ini boleh terjadi kerana dalam masa yang sama kerajaan telah menerima pakai satu polisi yang sama untuk memberikan status *free hold* kepada pemilik-pemilik tanah. Dalam hal ini saya rasa ada agak keliru sedikit pada masa menentang *free hold* sekarang pula tuntutan untuk *free hold*. So macam ada berbelit-belitlah. Dalam hubungan ini saya ingin jelaskan bahawa polisi memberi status *free hold* kepada pemilik-pemilik tanah hanya terpakai untuk tanah-tanah dalam kategori kediaman sahaja. Sedangkan lot-lot Kampung Selamat yang rata-ratanya keluasannya di dalam 1.5 hingga 2 ekar adalah tanah pertanian. Tetapi sekiranya ia adalah untuk tujuan kediaman, tentu akan dipertimbangkan.

Mengenai tempoh pajakan yang telah diluluskan selama... (gangguan), biar saya habiskan dahulu. Mengenai tempoh pajakan yang telah diluluskan selama 42 tahun berbanding dengan tempoh 60 tahun yang telah diluluskan bagi kes-kes terdahulu, saya menjelaskan bahawa langkah ini dibuat adalah untuk menyeragamkan tarikh tamat pajakan iaitu pada 31hb. Disember 2050. Oleh yang demikian permohonan yang lewat akan memperoleh tempoh pajakan kurang daripada 60 tahun supaya ia dapat diseragamkan. Dalam aspek ini Kerajaan Negeri pun bersedia untuk melanjutkan sehingga 99 tahun. Tawaran yang sama iaitu diskaun 88% tetap akan diberikan. Iaitu lebih baik yang diberikan sebelum ini oleh kerajaan lama.

Y.B. Telok Ayer Tawar membangkitkan mengenai penemuan yang di sebutkan dalam laporan Ketua Audit Negara khasnya dalam kes-kes penyimpanan tanah. Berkaitan dengan perkara ini suka saya ingin menjelaskan bahawa sebelum laporan audit di keluarkan, PTG telah pun menjalankan siasatan tak beralamat. PTG telah berjaya mengumpulkan beberapa kes penipuan urus niaga tanah. Penipuan ini bukan berpunca dari kakitangan pentadbiran tanah, tetapi berpunca dari pihak-pihak luar yang merupakan individu tertentu yang cuba mengambil kesempatan untuk faedah sendiri. Ini ialah siasatan awal, habis sekiranya ada apa-apa aduan, apa-apa bukti oleh Yang Berhormat pembangkang bahawa ada pegawai-pegawai yang terbabit kita sedia mengambil tindakan yang keras. Dalam aspek ini, teras kedua *flow job*.

Bagi menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Y.B. Tanjung Bunga dan Telok Bahang juga daripada Y.B. Padang Lalang, Kerajaan

Negeri jangan lupa Pantai Jerejak selalu berminat tentang isu ekonomi. Kerajaan Negeri akan menubuhkan Tabung Pembangunan Latihan Semula Industri Negeri Pulau Pinang untuk membantu pekerja yang dijangka hilang pekerjaan ekoran daripada krisis ekonomi dunia, supaya mereka boleh menjalani latihan semula. Dijangkakan di Singapura telah memberhentikan 500,000 pekerja yang berasal dari Singapura. Ini merupakan satu jumlah yang agak besar, kerana ini adalah pengumuman yang dibuat oleh Menteri Sumber Manusia Singapura. Oleh itu kita harus bersiap sedia sungguhpun saya mengadakan satu pertemuan dengan semua para-para pelabur dan industri pada hari Selasa. Mereka menyatakan untuk tahun ini tidak ada perancangan untuk memberhentikan pekerja, sebaliknya memberikan VSS yang agak lumayan, sehingga ada setengah selepas dapat VSS boleh pergi bercuti di Australia. Tetapi untuk tahun ini tidak ada perancangan untuk menjalankan pemberhentian pekerja. Tetapi untuk tahun hadapan kita masih belum pasti lagi. Tapi pada masa yang sama kita hendak bersikap proaktif kerana sekarang kalau kita lihat Singapura sekarang masuk *recession* atau masuk kelembapan ekonomi, Hong Kong pun sama kali pertama dalam tempoh 50 tahun, kita harus bersiap sedia untuk menghadapi segala-galanya. Apabila Singapura mengatakan 500,000 pekerja Malaysia akan kehilangan pekerjaan dan mereka akan pulang ke tanah air. Saya rasa itu adalah satu cabaran yang kuat tetapi pada masa yang sama kita mungkin dapat menarik balik semua orang-orang berbakat ini, orang-orang cerdik pandai ini untuk berkhidmat dan bekerja di Pulau Pinang.

Oleh itu kita akan menubuhkan satu Tabung Pembangunan Latihan Semula Industri Negeri Pulau Pinang kerana ia masih belum menentu lagi, kalau perlu kita akan buat pada masa tahun hadapan sebagai satu *inventory* dan jumlah awal yang kita hendak peruntukan ialah RM10 juta untuk kita membuat latihan semula, khususnya dalam kemahiran yang penting dan juga yang diperlukan pada masa hadapan, seperti LED *Biotechnology* dan kejuruteraan mahir, supaya mereka masih *end forever* untuk memastikan tenaga mereka tidak akan disia-siakan. Kerajaan Negeri juga akan memohon peruntukan sejumlah RM500 juta daripada Kerajaan Persekutuan kerana Negeri Pulau Pinang komposisi *trade volume* ataupun nilai *export* dari Malaysia 30% datangnya dari Pulau Pinang. Jadi kesannya amat besar dan oleh sebab itu saya percaya dan yakin Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa pun faham tentang perkara ini dan oleh itu kita akan terus bekerjasama seperti yang kita buat sebelum ini untuk memastikan bahawa kerajaan atau pun Negeri Pulau Pinang masih terus mampan dan terus teguh supaya apabila keadaan ekonomi pulih kita dapat terus menjadi lebih kuat dan lebih menjadi menarik untuk pelabur-pelabur asing. Kita perlu tegaskan di sini bahawa Pulau Pinang tidak harus di benarkan gagal. Kerana dengan *volume* yang begitu besar untuk Negara Malaysia 30%

ini. Sekiranya Pulau Pinang gagal, Malaysia pun sama-sama gagal. Sila...

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Memandangkan Kerajaan Pusat juga telah memperuntukkan di dalam *stimulate package* sebanyak RM300 juta bagi program latihan ini. Adalah baik juga Kerajaan Negeri cuba menyelaraskan bersama supaya tidak berlaku pertindihan di dalam memberikan latihan-latihan ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya tidak faham dari segi bentuk aspek apa, yang saya sebut LED *Biotechnology*.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Sebelum itu tadi pasal Latihan Industri, tadi perbincangan RM500 juta untuk latihan semula, jadi Kerajaan Pusat telah memperuntukkan RM300 juga untuk perkara yang sama. Jadi saya harap Kerajaan Negeri mengadakan satu penyelarasan supaya tidak berlaku pertindihan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Tetapi ini yang kita hendak tumpukan LED *Biotechnology* dan Kejuruteraan Mahir. Kita harap mungkin selaras dengan apa hasrat pihak MIDA yang mungkin akan menjadi agen pelaksana. Tetapi kita rasa lebih tahu tentang keadaan tempatan dan juga pekerja-pekerja tempatan yang seramai, saya ingat Yang Berhormat sendiri pun tahu, seramai 200,000 pekerja di industri pembuatan. Ini adalah satu jumlah yang besar dan kita harap kalau mereka atau MIDA hendak salurkan wang ini menerusi kementerian, kita tidak ada bantahan, tetapi haraplah secara kerja sama.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Sebab itu saya kata tadi, saya suruh selaraskan, kerana hala tuju ke arah yang disebutkan. Mungkin diarah pusat ke arah yang lain. Mungkin tidak tercapai hasrat negeri. Jadi selaraskan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Kita bukan sahaja satu hasrat, satu hati juga. Terima kasih. Berkaitan dengan mutu perkhidmatan pelanggan. Untuk makluman Y.B. Pantai Jerejak, Kerajaan Negeri sememangnya komited dan meningkatkan mutu perkhidmatan pelanggan kepada rakyat. Walaupun terdapat pertambahan jumlah kakitangan di bawah perjalanan penyusunan semua struktur organisasi Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri yang saya hendak sebut di sini yang tambahan ini adalah ekoran arahan daripada Kerajaan Pusat yang dilaksanakan pada 1hb. Oktober 2007 iaitu pada tahun lepas. Saya rasa semua Yang Berhormat faham mengapa ini perlu dijalankan, ini dilaksanakan oleh kerajaan yang lama. Untuk mencapai hasrat bahawa kita boleh memberikan perkhidmatan yang baik, adalah perlu bahawa bukan sahaja pengisian jawatan baru dibuat secara berperingkat, tetapi saya rasa sikap dan juga pendekatan oleh pegawai Kerajaan Negeri pun mesti mesra pelanggan. Dalam aspek ini kita akan terus menjalankan pendekatan mesra dan juga latihan yang sewajarnya. Yang penting ialah bagi pegawai-pegawai kanan dan tertinggi. Kita boleh lihat sekiranya pegawai kanan dan tertinggi sentiasa mesra dan tersenyum dan *approachable*, saya percaya semua kakitangan yang bawahnya pun akan sama-sama mesra, *approachable* dan senang didampingi ramai, macam YB. Dato' Setiausaha Kerajaan, YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri dan Yang Berhormat Ahli, tengok semua mesra dan senang didampingi ramai.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Penjelasan. Kita harap Y.A.B. Ketua Menteri dan semua barisan-barisan EXCO juga selalu senyum dan baik dengan pegawai-pegawai.

Y.A.B Ketua Menteri:

Hanya Y.B. Sungai Dua kurang senyum sahaja. Izinkan saya untuk jawab soalan berkaitan dengan isu kemiskinan yang telah dibangkitkan oleh Y.B. Kebun Bunga, Y.B. Tanjung Bunga dan Yang Berhormat-Berhormat lain termasuk Yang Berhormat daripada Sungai Bakap dan juga Y.B. Bagan Dalam.

Sebagai makluman kepada Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri sememangnya sentiasa mengemas kini senarai kemiskinan melalui pejabat daerah dan seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat

daripada Sungai Puyu tadi kita akan teruskan usaha ini. Kerajaan Negeri mahukan bahawa garis kemiskinan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat bahawa kita jangan hanya tetapkan pada tahap RM400.00. Saya memang bersetuju tetapi garis panduan ini atau PGK ini ditetapkan oleh Kerajaan Pusat. So, kita hanya ikut pada garis panduan yang ditetapkan tetapi pada masa yang sama saya telah pun cadangkan sekiranya kita hendak lepaskan daripada garisan kemiskinan tegar untuk tujuan Kerajaan Negeri sendiri kita telah naikkannya daripada RM400.00 kepada RM500.00. So, apa-apa bantuan yang diberikan kita cuba mencapai tahap yang bukan lebih RM400.00 tetapi mendekati RM500.00 supaya tidak ada sebarang pertikaian bahawa kita di Negeri Pulau Pinang masih ada miskin tegar kerana mereka di antara garisan mungkin RM410.00, RM420.00. Ada Yang Berhormat yang cakap sebenarnya kurang daripada RM440.00. Kita hendak selesaikan semua pertikaian ini, kita naikkan kepada RM500.00.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Y.B. Tuan Speaker, terima kasih Y.A.B. Ketua Menteri. Saya tidak tahu setakat ini adakah Kerajaan Negeri menggunakan garis panduan atau pun yang USM buat banciaan atau pun digunakan perangkaan mana. Saya rasa yang saya bantangkan hari itu ialah perangkaan yang diberikan oleh Jabatan Statistik dan Perangkaan Negara. Garis panduan yang diguna pakai untuk miskin tegar ialah RM440.00. Ini sampai Julai 2008, kalau Y.A.B. Ketua Menteri ingin menaikkan RM500.00 apakah banciaan itu mesti dilaksanakan sekali lagi. Kalau bila kita naikkan garis miskin tegar itu sudah pasti jumlahnya akan meningkat. Sudah pasti, jadi satu panduan yang kita harapkan sekarang.

Y.A.B Ketua Menteri:

Panduan ini kita ikut dan ia ditetapkan oleh EPU oleh pihak Kerajaan Pusat tetapi bila kita hendak berikan bantuan kita takut nanti Kerajaan Pusat akan naikkan PGK. So, untuk mengelakkan masalah ini, kita buat keputusan kalau kita hendak berikan bantuan kita hendak mereka mendapat pendapatan setiap bulan hampir RM500.00 supaya tidak ada sebarang pertikaian. Maklumat yang diberikan oleh Unit Perancangan Ekonomi ialah RM400.00. Mungkin berlainan dengan Kerajaan Pusat RM440.00. Oleh sebab itu, kerana ada pertelingkahan apa yang sebenarnya PGK, saya rasa lebih baik kita letakkan satu jumlah yang lebih tinggi supaya tidak ada sebarang pertikaian. So itulah hasrat ikhlas daripada Kerajaan Negeri untuk betul-betul masalah miskin tegar.

Yang Berhormat daripada ADUN Kebun Bunga telah mencadangkan supaya golongan miskin dibantu melalui pemberian rebat

cukai tanah. Kerajaan Negeri mempunyai beberapa cara untuk membantu golongan ini tetapi bukanlah pemberian melalui rebat cukai tanah. Cukai tanah pun bukan pada tahap yang tinggi dan saya rasa rebat dari segi bil air yang kita telah berikan pun adalah satu usaha untuk membantu mereka yang miskin. Untuk mereka yang miskin tegar mereka tidak mampu pun untuk memiliki apa-apa rumah. Ini adalah kerana rekod mengenai pemilikan tanah tidak dapat membezakan sama ada seseorang itu pemilik adalah miskin atau tidak. Kerajaan Negeri telah menjalankan pelbagai usaha dalam membantu meningkat pendapatan dan menjana ekonomi penduduk termasuk anggota perkhidmatan awam yang akan berpencen agar tidak termasuk dalam golongan miskin.

Dalam aspek saya ini rasa kalau ada mana-mana anggota awam yang termasuk dalam takrifan miskin mungkin merekalah, mereka yang berkhidmat dengan Kerajaan Persekutuan kerana saya difahamkan oleh Y.B. Dato' Pegawai Kewangan Negeri bahawa semua kakitangan kerajaan mempunyai gaji tambah elaun dan imbuhan melebihi RM1,000.00. Oleh sebab itu saya rasa ini tidak merupakan satu masalah tentang takrifan kemiskinan untuk anggota-anggota Kerajaan negeri.

Yang Berhormat Pulau Tikus, Y.B. Seberang Jaya yang selalu senyum, Y.B. Sungai Dua yang kurang senyum dan Y.B. Pinang Tunggal telah bertanyakan sebab-sebab berlakunya kenaikan anggaran hasil bagi tahun 2009 berbanding 2008 dan dijangkakan peningkatan kutipan hasil bagi sewaan adalah disebabkan faktor-faktor berikut:-

- (1) kelulusan bagi mendirikan papan iklan dan mendirikan menara komunikasi;
- (2) memperkemaskan kaedah kutipan sewaan tapak, bangunan dan hal-hal lain kerajaan;
- (3) menaikkan kadar sewaan; dan
- (4) penggunaan premis kerajaan untuk program rasmi Kerajaan Negeri kerana kita telah kurangkan program di hotel-hotel murah.

Itu sebab kalau ada bangunan yang sedia ada oleh Kerajaan Negeri kita gunakannya dengan sepenuhnya dan saya rasa itu pun memberikan peluang kepada *caterer-caterer* kecil, pengusaha-pengusaha makanan yang kecil supaya mereka dapat *business* sedikit. Kalau kita semua pergi hotel mewah saya rasa susah untuk memberikan

peluang kepada pengusaha-pengusaha kecil. So inilah langkah baru yang kita buat berlainan dengan yang dahulu. Senyumlah sedikit ... (gangguan), bagus.

Mengenai kutipan tunggakan cukai tanah, suka saya menjelaskan bahawa pentadbiran tanah negeri telah melaksanakan beberapa langkah untuk meningkatkan kutipan tunggakan cukai tanah seperti:-

- (i) Mengeluarkan notis peringatan kepada hak milik yang memiliki tunggakan yang tinggi;
- (ii) Meningkatkan aktiviti penguatkuasaan dengan mengeluarkan notis 6A hingga kepada tindakan perampasan;
- (iii) Membuka kaunter bayaran kepada program-program seperti anjuran Kerajaan Negeri seperti pada pameran E- Kerajaan dan Hari Bertemu Pelanggan; dan.
- (iv) Pengecualian denda lewat diberikan kepada hak milik yang mempunyai tunggakan dengan alasan yang kukuh.

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah kutipan cukai tanah pada tahun 2008 yang direkodkan sehingga 18 November 2008 adalah sebanyak RM98.62 juta. Jumlah ini adalah lebih baik daripada jumlah kutipan tahun 2007 keseluruhannya kerana kita masih ada satu bulan lebih lagi sudah pun melebihi jumlah kutipan RM92 juta. Seperti Kerajaan Negeri Kelantan apabila PAS mengambil alih teraju kerajaan, bayaran zakat meningkat kerana ada keyakinan kepada Kerajaan PAS kerana ada tugas yang baik. So sama-sama berlaku di Pulau Pinang juga. Senyumlah sedikit(gangguan). Anggaran tahun 2009 bagi lesen panggung wayang sebanyak RM1 juta adalah disebabkan kutipan yang selama ini dikutip oleh MPPP dan MPSP termasuk anggaran telah mula dibayar kepada Kerajaan Negeri.

Y.B. Tuan Speaker, hendak sambung lagi atau hendak (gangguan) sambung ya dan sekali gus habis. Okey, baik. Ini tengok, sekiranya demokrasi kita terima pandangan daripada pihak pembangkang. Anggaran hasil(gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Kalau Yang Berhormat tidak mahu sambung kita *break*.

Y.A.B Ketua Menteri:

Tidak mengapa saya terima, saya terima. Saya ingat parti pembangkang pada hari pertama saya pun terima. Minta tangguh awal saya pun setuju. Kita boleh bincang punya tiada masalah. Anggaran hasil 2009 yang lebih rendah dari tahun 2008 bagi bayaran permohonan mengenai tanah dijangka akan berkurangan kepada RM4 juta pada tahun 2009. Ini disebabkan kegawatan ekonomi yang dihadapi oleh dunia sekarang. Anggaran kutipan hasil daripada sewaan rumah kerajaan dan perabot berkurangan sebanyak RM250,000 kerana:-

- (1) ketiadaan kuarters baru yang dicadangkan untuk dibina; dan
- (2) pemberian sebahagian sahaja Imbuan Sara Hidup ada Cola kepada penghuni kuarters menyebabkan ramai kakitangan yang bertugas berpindah keluar kerana lebih menguntungkan tinggal di luar daripada di kuarters kerana potongan yang dibuat lebih besar itu melibatkan separuh Cola dan sepenuhnya Imbuan Tetap Perumahan.

Tuntutan insurans dan pampasan bagi perbelanjaan tanggungan bagi tahun 2009 berkurangan iaitu RM1 juta daripada RM3 juta untuk tahun 2008. Data 2009 dan 2008 menunjukkan tambahan perjawatan di UPEN sebanyak 23 jawatan menyebabkan tambahan kos dianggarkan kos sebanyak RM162,680.00 manakala tambahan 5 perjawatan Unit DUN melibatkan tambahan kos sebanyak RM635,330.

Kadar pertambahan pertumbuhan bagi objek sebagai 11000 iaitu Gaji dan Upahan UPEN bagi tahun 2008 dan 2009 adalah kecil disebabkan anggaran gaji dan upah dibuat berasaskan kepada jumlah perisian sebenar. Bagi jawatan yang tidak diisi adalah peruntukan yang disediakan adalah pada tahap yang minima.

Melalui dasar penjimatan yang diamalkan sekarang, penempatan ke jawatan kosong akan disemak semula dan penempatan akan dibuat bagi perjawatan yang kritikal. Oleh itu peruntukan gaji dan upahan tidak disediakan sepenuhnya di UPEN bagi 24 jawatan kosong yang belum diisi manakala bagi Unit DUN sebanyak 56 perjawatan telah pun diisi bagi tahun 2008. Oleh itu peruntukan bagi tahun 2009 telah mengambil kira kedudukan perjawatan sebenar.

Telah menjadi amalan penyediaan bajet Negeri Pulau Pinang sejak dahulu lagi menyediakan bajet berdefisit kerana berasaskan kepada kedudukan ekonomi dan kewangan negeri. Penelitian ke atas penyediaan bajet di Negeri Pulau Pinang sejak tahun 1980 mendapati bahawa tidak pernah bajet surplus disediakan di negeri ini walau pun dalam keadaan ekonomi yang amat memberangsangkan di mana negeri ini pernah mencapai tahap pertumbuhan ekonomi tujuh tahun berturut-

turut melebihi 7% setahun. So sejak 1990 setiap kali berdefisit, yang paling tinggi ialah RM80 juta pada tahun 1996 dan yang paling rendah ialah RM5 juta pada tahun 1991 sejak tahun 2000 adalah bajet defisit.

2000	-	RM41 juta
2001	-	RM66 juta
2002	-	RM54 juta
2003	-	RM24 juta
2004	-	RM34 juta
2005	-	RM23 juta
2006	-	RM48 juta
2007	-	RM39 juta
2008	-	RM36 juta

dan untuk tahun hadapan RM39 juta.

So kalau kita lihat dari bajet berdefisit ini untuk tahun hadapan adalah di bawah purata iaitu *below average* di bawah tahap purata bajet defisit yang dibentangkan sebelum ini. Sebab itu, saya harap (gangguan).

Ahli Kawasan Teluk Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahya):

Beri penjelasan sedikit sahaja. Mungkin Y.A.B. Ketua Menteri tidak beritahu semua sekalilah. Saya difahamkan yang saya ingat walau pun bajet yang defisit kita *prepair* tetapi sebenarnya ada *surplus*. Kadang-kadang ada *surplus*, mungkin itu tidak diberitahu.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya akan semak. Kalau ada *surplus* saya akan semak tetapi ini adalah anggaran defisit yang telah dibentangkan semasa Y.B. Teluk Bahang menjadi Timbalan Ketua Menteri I. Saya rasa ini tidak boleh di nafilah.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahya):

Walau pun bajet itu disediakan tetapi(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Itu, saya akan semak. Kalau ada *surplus* sebenarnya, saya akan semak tetapi yang saya hendak cakap ialah apa yang dibentangkan sebab apa yang saya sebut tidak salah juga, betul juga. Setiap kali defisit yang dibentangkan bajet yang dibentangkan oleh kerajaan sebelum ini

adalah defisit juga. Apa yang sebut ialah defisit yang kita bentangkan untuk tahun hadapan mungkin seperti Y.B. Teluk Bahang kalau sembahyang kuat sedikit mungkin kita boleh *surplus*. Mana tahu tetapi apa yang dilakukan sebelum ini bahawa defisit dan kalau kita lihat daripada tahap purata ia adalah *below average* ...(dengan izin), Y.B. Tuan Speaker. Kalau kita halusi ini adalah jelas bahawa kita tidak lebih sangat kerana yang lebih tinggi RM80 juta untuk tahun 2000. Selepasnya yang paling tinggi RM66 juta oleh sebab itu kalau kita lihat dari segi *average* saya rasa amat munasabah. Tentu dalam aspek ini kita bercadang untuk tahun-tahun berikutnya untuk mengurangkan defisit dan kalau boleh mencapai bajet surplus iaitu kali pertama akan dilakukan tapi kita mesti menjaga kebajikan rakyat terlebih dahulu.

Beberapa pandangan tentang perbezaan RM40 juta ini saya ingin jelaskan bahawa sebahagian daripada perbelanjaan pembangunan adalah dibiayai daripada bajet mengurus iaitu secara caruman kepada kumpulan wang pembangunan RM40 juta yang diambil daripada kod B16 40000 Jabatan Kewangan Negeri pemberian dan dikenakan bayaran tetap. Oleh itu dalam kegawatan ekonomi global sekarang ini yang dijangka akan memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi negeri tidak lama lagi so ini hanya *transfer* saja kalau kita ambil kita akan buat *double counting*. Berkaitan dengan isu yang dibangkit tentang peruntukan untuk melaksanakan projek-projek kecil di semua kawasan DUN yang telah dibangkitkan oleh Y.B. Bukit Tengah, Y.B. Datok Keramat sama dengan Y.B. Sungai Pinang memang Kerajaan Negeri ada menyediakan peruntukan untuk melaksanakan projek-projek kecil bagi KADUN yang diwakili oleh pihak pembangkang telah diwujudkan jawatankuasa yang dipengerusikan oleh saya termasuk Ahli-ahli EXCO untuk menyelaras dan meluluskan cadangan projek-projek kecil di sebelas KADUN terlibat dan ahli-ahli jawatankuasa ini adalah yang menjadi penyelaras Y.B. Batu Maung, Y.B. KOMTAR, Y.B. Air Itam, Y.B. Sungai Puyu, Y.B. Bagan Jermal dan satu lagi Y.B. Bukit Tambun, lupa minta maaf, ini adalah jawatankuasa yang ditubuhkan untuk merangka pelaksanaan projek-projek kecil ini.

Sementara maksud tanggungan T.03 Jabatan Kewangan Negeri, Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan sejumlah RM3.32 juta bagi tahun 2008 bagi pembayaran balik pinjaman perumahan kos rendah. Jumlah ini adalah berdasarkan bayaran anuiti mengikut jadual. Berkaitan dengan pembayaran balik pinjaman projek bekalan air pula, peruntukan tidak disediakan dalam tahun 2009. Ini adalah kerana formula penyelesaian bagi pinjaman Projek Bekalan Air Negeri-negeri masih dalam pertimbangan Kerajaan Persekutuan berikutan syor untuk mengambil alih pelarasan ini oleh SPAN dan ini masih dibincangkan oleh kedua-dua pihak.

Untuk makluman Yang Berhormat-Yang Berhormat, Kerajaan Negeri menjangkakan anggaran hasil akan bertambah bagi perolehan dari saham kerana telah membuat pelaburan dalam saham-saham *blue chip* yang memberi pulangan dividen yang tinggi walaupun menghadapi ketidaktentuan pasaran saham. Sehingga 15 November 2008, terimaan dividen bersih daripada pelaburan dalam 5 saham *blue chip* terlibat ialah sebanyak RM7.7 juta tanpa mengambil kira cukai yang boleh dituntut sebanyak RM2.6 juta. Selain daripada itu dengan pengurusan strategik yang diamalkan, faedah terkumpul atas simpanan tetap pada masa kini ialah sebanyak RM27.9 juta dan telah pun melebihi sasaran tahunan 2008 yang sebanyak RM22 juta. Oleh yang demikian, sasaran faedah dan perolehan dari pelaburan yang dijangkakan dalam tahun 2009 adalah berasas dan relevan.

Y.B. ADUN Permatang Berangan dan Y.B. Telok Bahang telah membangkitkan isu berkaitan penggunaan ayat “Amar Makruf Nahi Mungkar” oleh saya. Kerajaan Negeri telah mendapatkan pandangan daripada Jabatan Mufti Pulau Pinang berhubung dengan penggunaan kalimah Amar Makruf nahi Mungkar. Jabatan Mufti beranggapan bahawa kenyataan saya untuk menjadikan pemerintahan Khalifah Umar bin Abdul Aziz sebagai contoh dan panduan pemerintahan beliau amat digalakkan. Khalifah Umar bin Abdul Aziz terkenal sebagai seorang pemimpin yang adil, bijaksana dan mengutamakan kepentingan serta kebajikan rakyat bawahannya. Dengan mengambil contoh yang baik adalah diharapkan pemimpin-pemimpin di negeri ini akan sentiasa berlaku adil kepada semua pihak. Apa yang menjadi keutamaan ialah agama Islam terpelihara, keadilan terlaksana dan rakyat diutamakan. Begitu juga isu penggunaan kalimah amar makruf nahi mungkar. Ia merupakan salah satu maksud dari kalam Allah, Tuan Allah saya minta maaf kerana tidak boleh sebut kalam ini tetapi adalah dari Jabatan Mufti kalau bahasa tidak berapa elok yang terkandung di dalam al-Quran yang menjelaskan ciri-ciri yang sepatutnya dimiliki oleh orang Islam.

Jabatan Mufti berkata ia bermaksud menyuruh melakukan kebaikan dan mencegah daripada melakukan kemungkaran. Jabatan Mufti bersetuju telah berlaku kesilapan dalam penulisan ejaan yang terdapat di *banner* atau poster sempena sambutan hari raya Aidilfitri baru-baru ini. Tiada istilah bagi “Amal Makruf Nahi Mungkar.” Bagi persoalan sama ada istilah ini boleh digunakan oleh orang bukan Islam atau digunakan oleh sesebuah negeri sebagai satu slogan atau pendekatan, Jabatan Mufti ini berpandangan bahawa pendekatan atau slogan amar makruf nahi mungkar yang ingin dibawa oleh Y.A.B. Ketua Menteri adalah satu pendekatan yang baik. Secara umumnya pendekatan yang ingin diambil ialah menyuruh atau menggalakkan rakyat Pulau Pinang sentiasa melakukan kebaikan sama ada tolong menolong,

bantu membantu, bekerjasama dan dalam masa yang sama mencegah kemungkaran yang ditimbulkan.

Secara tidak langsung, pendekatan yang diambil menggambarkan kehebatan ayat-ayat al-Quran yang merupakan kalam Allah. Menjadikan panduan hidup dari ajaran al-Quran sebagai panduan dalam kehidupan harian adalah satu kewajipan bagi umat Islam dan tidak menjadi kesalahan bagi bukan Islam untuk turut mengambil peringatan dan pengajaran. Apa yang ditegah ialah mempersendakan, memperelok, menghina dan mengingkari sesuatu ayat al-Quran walau pun satu ayat, ini adalah pandangan dari Jabatan Mufti.

Dalam perbahasan Y.B. Sungai Bakap telah menyatakan dengan jelas tentang perkara ini bahawa dalam konteks amal ia pandangan tidak salah kerana saya tidak merujuk apa-apa ayat-ayat al-Quran. Walau bagaimanapun sekiranya ejaan dianggap tidak sesuai atau kesilapan dalam penulisan ejaan yang terdapat di *banner* sempena sambutan hari raya Aidil Fitri baru-baru ini ada menyinggung perasaan Y.B. UMNO atau mana-mana pemimpin UMNO, saya ingin memohon maaf, beri saya habis dulu

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Jangan sebut Y.B. UMNO, sebaiknya isu orang Islam bukan orang UMNO.

Y.B. Ketua Menteri:

Saya tidak beri laluan, ikutlah peraturan biarlah saya habis dahulu, so kalau ada menyinggung perasaan mana-mana daripada Y.B. UMNO dan saya ingin memohon maaf tapi di sini saya rasa itu bukan masalah untuk saya kerana kita hendak belajar perkara yang baik bukan sahaja daripada Sayidina Omar Abdul Aziz tapi juga pemimpin pemerintahan yang agung di Empayar Roman Micelle Ogles di tamadun china "ni su min" ...(bahasa Cina) ini ialah pemerintahan baik, model yang kita boleh belajar apa salahnya kalau kita ambil daripada yang baik buang yang jahat saya tidak mempunyai niat, nanti saya habiskan dulu ini saya akan bagi, saya tidak mempunyai niat selain daripada mengiktiraf agama Islam yang syumul boleh membantu memupuk persefahaman dan harmoni kaum. Bagi pihak Kerajaan Negeri, saya akan memastikan kesilapan yang dibuat oleh Pejabat Ketua Menteri tidak berulang dan mesti merujuk dahulu kepada Jabatan Mufti dan ingin mengucapkan terima kasih atas fahaman mereka dan juga harap bahawa Yang Berhormat–Yang Berhormat UMNO boleh memahami hasrat murni Kerajaan Pakatan Rakyat untuk melakukan yang baik amar makruf nahi

mungkar. Secara umumnya pendekatan yang ingin diambil ialah menyuruh atau menggalakkan rakyat Pulau Pinang sentiasa melakukan kebaikan, so dalam aspek ini Kerajaan Negeri telah memutuskan akan memberikan sumbangan ikhlas kepada para Huffaz. Anak kelahiran Pulau Pinang yang telah belajar serta juga yang mengajar di seluruh Negeri Pulau Pinang dalam satu majlis yang dijadualkan pada 3 Disember 2008 untuk mereka yang dapat hafal Al-Quran. Sumbangan ini merupakan pengiktirafan dan penghargaan Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang dibuat kali pertamanya. Kepada para Huffaz yang telah berjaya mencapai tahap yang disegani dan tinggi di dalam mendalami Al-Quran, sila.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Muhamed):

Adakah Y.A.B. Ketua Menteri berhasrat, apabila seorang Ketua Negeri atau Ketua Negara dia sebut sesuatu benda, benda itu sebalik menjadi dasar kepada Kerajaan Negeri itu. Y.A.B. menyebut amal makruf nahi mungkar adakah ini hendak dijadikan dasar bagi Negeri Pulau Pinang kalau kita sebut, kita kena amal kalau tidak kita jangan cakap jangan sebut ayat ini, kerana kalau ayat ini bila disebut kita kena amal kesan dia banyak menyuruh orang buat kebaikan, memang kita semua suruh orang membuat kebaikan tetapi mencegah kemungkaran itu memang luas pengertiannya. Kita kena hapuskan semua perjudian, kena hapuskan pusat-pusat hiburan yang berunsur-unsur menimbulkan kegiatan maksiat dan sebagainya yang mana rumah urut, hendak buat pertandingan ratu yang mendedahkan tubuh badan itu semua perkara-perkara mungkar, sebab itu kita kena hati-hati dalam menggunakannya. Kita setuju mengikut contoh pemerintah-pemerintah yang baik bagi penggunaan ayat Quran, tentang "Amal Makruf Nahi Mungkar" ini, harus berhati-hati kerana ianya perlu diamalkan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya rasa di sini yang penting ialah maksud hasrat Kerajaan Negeri, hasrat dan maksud Kerajaan Negeri ialah kita cuba buat baik tentu ada masa-masa tertentu kerana kita hanya insan yang biasa kerana kita boleh buat kesilapan dan selalu Y.B. daripada UMNO pula mengatakan saya hendak bandingkan diri dengan Omar Abdul Aziz, Saya tidak boleh berdiri dengan Omar Abdul Aziz. Dia seperti seorang malaikat, saya hanya insan biasa.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Muhamed):

Tidak boleh, tidak boleh. Kita jangan samakan dengan Omar Abdul Aziz.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Tanggapan sayalah, ini tanggapan saya kerana dia betul-betul *perfect* dia boleh maafkan orang yang bunuh dia, saya tidak dapat berbuat begitu yang racun kepada dia boleh maaf sama sekali. Di sini kita hanya contoh yang baik sahaja dan kalau kita hendak buat yang baik apa salahnya. Tadi Y.B. Sungai Dua cakap kalau kita hendak haramkan itu, haramkan ini, kita bukan sebuah kerajaan yang hendak haramkan itu, haramkan ini kita adalah sebuah kerajaan yang terbuka, yang *open minded* nanti biarkan saya habis dulu. Dalam aspek seperti ini Yang Berhormat cakap tentang perjudian, saya rasa itu pun perlu diberikan kebebasan, tapi dalam aspek ini apabila kita cakap dengan kebebasan perjudian, bagi saya ia mesti dikurangkan. Saya telah meminta kepada Kerajaan Pusat kerana setiap satu minggu adalah 10 *draw*, tau tak Yang Berhormat Sungai Dua. Setiap minggu satu Malaysia ada 10 *draw*, saya telah membuat kenyataan secara terbuka minta juga di Dewan bahawa ia dikurangkan kepada 6 *draw* satu minggu, tetapi mengapa tidak dilaksanakan. Di sini saya berharap Yang Berhormat-Yang Berhormat boleh sokong, kurangkan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Kita minta Y.A.B. saya minta jangan gunakan ayat-ayat ini kerana ayat-ayat ini bila digunakan, kita kena amal, dia menjadi ayat Al-Quran yang perlu diamalkan. "Amar Makruf Nahi Mungkar," kalau Y.A.B. tahu begitu jelas kefahaman secara meluas, saya minta rujuk kepada Jabatan Mufti, Jabatan Mufti bagi nasihat yang betul, tapi bagi nasihat yang tidak betul. Jadi menyebabkan masalah kemudian nanti.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya minta, saya rasa Yang Berhormat cuba hendak politikkan hasrat Kerajaan Negeri, ini terpulang kepada pandangan Yang Berhormat Sungai Dua.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Y.B. Tuan Speaker, hasrat yang dikemukakan oleh Y.A.B. Ketua Menteri untuk menyeru kebaikan atau pun membawa kebaikan, isu yang kita timbulkan ialah tentang "Amar Makruf Nahi Mungkar" ini. Kita kena faham sedalam-dalamnya, dia bukan satu ayat biasa, dia ayat yang menuntut kepada satu pelaksanaan untuk menyeru manusia kepada kebaikan dan kebaikan itu sampai membawa manusia itu beriman kepada Allah, itu satu. Jadi sekarang Y.A.B. Ketua Menteri hendak gunakan ayat ini boleh, tapi Y.A.B. hendaklah menjuruskan supaya orang

beriman kepada Allah Subhanahuwataala, itu yang saya katakan tadi, *term of reference* ini. Tapi kalau Y.A.B. tidak mampu membawa orang untuk beriman kepada Allah Subhanahuwataala kerana Y.A.B. sendiri pun bukan beragama Islam jadi bermakna di sini tidak ada kesesuaian menggunakan ayat itu tetapi bolehlah memilih ayat-ayat atau perkataan lain ataupun ayat-ayat lain yang membawa makna dan maksud yang sama. Tetapi tidak sampai membawa orang beriman kepada Allah Subhanahuwataala, bila kita sebut tentang nahi mungkar mencegah kemungkaran dalam ayat ini. Mencegah kemungkaran bukan boleh pilih-pilih, bukan kita boleh bagi opsyen daripada 10 *draw* kepada 6 *draw*, dia mesti kalau kita hendak cegah kemungkaran, kalau kita kata judi itu haram, makna pencegahan dia mesti jadi *zero*, tidak ada, dia bukan boleh kurang-kurang, ini yang saya katakan penggunaan kepada ayat tersebut. Sedangkan kami orang Islam menggunakan ayat ini untuk menjalankan niat, perbuatan meninggalkan semua keburukan-keburukan, bukan kita kata tidak boleh curi RM10.00 tidak apa curi RM5.00 saja, tidak, tidak boleh macam itu. Sebab itu kalau saya hendak petik apa yang dijawab oleh Jabatan Mufti, Jabatan Mufti menyebutkan apa yang ditegah ialah mempersendakan, memperolokkan, menghina, mengingkari sesuatu ayat-ayat Al-Quran walaupun satu ayat itu tidak boleh. Jadi sekarang dalam hal ini kita kata kalau hendak kurangkan daripada 10 *draw* jadikan 6 *draw* pada saya itu sudah menghina ayat ini, ini telah mempersendakan ayat ini. Ini yang saya tidak faham, Jabatan Mufti pun buat ulasan macam mana saya pun tidak erti, ada rujukan ke, tidak ada rujukan ke, atau buat jawapan ikut suka hati.

Jadi sebaiknya Kerajaan Negeri lebih perlu berhati-hati, kita tidak pun membantah Kerajaan Negeri hendak mencegah kemungkaran ke apa tetapi menggunakan ayat ini secara sewenang-wenang, ini yang kita minta Kerajaan Negeri pertimbangkan balik, terima kasih.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya ingin sebutkan di sini bahawa Jabatan Mufti tidak menyebut tentang apa yang di cakap 10 *draw*, 6 *draw* ini adalah pandangan saya. Jawapan kepada Yang Berhormat Sungai Dua, saya harap jangan salah sangka.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Tapi itu adalah andaian yang ...(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Jangan salahkan Jabatan Mufti, dia tidak sebutkan tentang 10 *draw 6 draw*, ini pandangan saya. So di sini sungguhpun Yang Berhormat boleh cakap tentang perkara hal ini, tentu pandangan Yang Berhormat sendiri. Tapi kalau Yang Berhormat sebagai seorang Islam, saya hendak tanya kalau betul-betul nahi mungkar, adakah ISA halal?, kenapa hendak hina, kenapa tidak hapuskan sama sekali ISA, tindakan seperti ini yang *double standard*.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haj Shabudin bin Yahaya):

ISA tidak guna ayat itu.

Y.A.B. Ketua Menteri:

ISA tidak guna ayat itu, ISA berlawanan dengan semua nilai agama termasuk Islam, apa hendak cakap lagi. Jangan *double standard* di sini, jangan gunakan topi tapi tidak berani melaksanakannya.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Minta laluan, minta laluan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Tapi kawan-kawan PAS yang bagi tahu saya inilah sikap munafik.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Minta laluan, minta laluan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Jangan main-main dengan saya dalam perkara ini, kalau betul-betul, duduk dahulu saya belum habis, kalau betul-betul hendak nahi mungkar sampai habis, ISA kenapa tidak dihapuskan sama sekali, hapuskanlah kerana ..(gangguan) , duduk

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Saya minta laluan, sebab itu dalam Kerajaan Barisan Nasional

Y.A.B. Ketua Menteri:

Duduk, duduk ikut peraturan. Janganlah cuba main politik dalam perkara ini. Saya tidak bangkit isu ini, sekarang Yang Berhormat sendiri yang bangkitkan isu ini. Ini tidak betul, saya harap Yang Berhormat sekarang, kalau betul-betul menghayati istilah Yang Berhormat sebagai seorang yang beragama Islam menyatakan mesti nahi mungkar, buktikan kepada saya, sebagai seorang bukan Islam, buktikan kepada saya, hapuskan sama ISA, berani kah?

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Saya minta laluan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Jawap saja berani tak.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

ISA, saya tidak mahu jawab.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Jawab tentang perkara ini, jangan pula pesong ke lain, lari sana lari sini tidak mahu, sokong atau tidak, hapus ISA.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Okey, saya hendak jawab begini. ISA adalah satu peraturan, satu undang-undang yang dibuat adalah untuk mendatangkan kebaikan, untuk yang ini pandangan saya, ini tidak nafi, ini hak saya, saya hendak berpandangan bahawa ISA adalah digunakan tujuan untuk membendung perkara-perkara yang tidak patut berlaku demi menjaga keselamatan. Itu adalah makruf, hendak bercakap minta kebenaran...(gangguan).

Y.B. Tuan Speaker:

Seri Delima sila duduk, tidak mengganggu, minta laluan.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

ISA ini adalah satu perkara yang subjektif, semua orang boleh beri pandangan. Saya memberi pandangan menyatakan ISA perlu untuk

pengawasan keselamatan, itu masalah, itu satu perkara yang menjadi masalah dalam pentadbiran untuk sesebuah negara dan ada justifikasinya juga. Jadi dalam hal ini Kerajaan Barisan Nasional tidak pernah mengambil ayat “Amar Makruf Nahi Mungkar” untuk dijadikan satu slogan yang begitu tetapi kita sentiasa menggunakan kaedah-kaedah tertentu untuk mencapai “amar makruf nahi mungkar,” jadi sekarang pihak yang Y.A.B. Ketua Menteri menggunakan terus ayat itu tetapi tidak sanggup melaksanakan sepenuhnya. Terima kasih.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Sekarang saya minta Yang Berhormat sebagai seorang yang beragama Islam, laksanakan dahulu sepenuh menghayati makna yang tersurat, tersirat dalam ayat ini sebelum memberikan pedoman dan ajaran kepada saya kerana sekiranya tidak dapat menjawab bahawa nahi mungkar mesti hapuskan ISA. Sekarang boleh cakap bahawa ISA boleh dibenarkan, saya tidak tahulah atas landasan agama apa ini yang boleh benarkan ISA, kerana bila saya tanya semua pakar agama mereka cakap ini bertentangan bukan sahaja agama tetapi hak asasi manusia.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato’ Haji Jasmin bin Mohamed):

Saya hendak penjelasan sedikit.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya tidak mahu pusing-pusing kerana jawapan telah jelas, ISA dibenarkan, di bawah agama Islam ini saya rasa tidak betul, tidak betul, tidak payah, saya hendak teruskan kerana balik-balik perkara ini tidak manfaat.

Y.B. Tuan Speaker:

Y.A.B. Ketua Menteri, tadi dalam penggulungan oleh Timbalan Ketua Menteri I dia telah membahaskan tentang isu ini dan *distribute* tentang tadi memberi kenyataan dibuat oleh Pejabat Mufti tentang “amal makruf nahi mungkar” dirujuk oleh Pejabat Ketua Menteri. Yang Berhormat Permatang Berangan telah menyatakan itu kenyataan Mufti itu yang bagi pendapat Yang Berhormat selaku Yang Di Pertua Agama Islam ada lagi pendapat lain. Saya mencadangkan perkara ini dirujuk, Yang Berhormat sebagai Yang Di Pertua Majlis Agama Islam Permatang Berangan boleh merujuk kepada JAKIM, Majlis Fatwa tentang

penggunaan ayat “Amar Makruf Nahi Mungkar”. Kita tidak usah panjangkan keduanya bertujuan baik, tujuan baik tidak usah dipanjangkan saya minta Y.A.B. Ketua Menteri teruskan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang Di Pertua. Di sini tentulah bertujuan baik, tetapi tujuan Pakatan Rakyat adalah lebih baik kerana hendak hapuskan ISA..(tepuk).

Tentang cuti umum pilihan raya yang mana diutarakan oleh Yang Berhormat Penaga, Kerajaan Negeri tidak mengalami apa-apa kerugian atau penambahan kos akibat daripada perisytiharan 26 Ogos 2008 sebagai hari cuti umum. Sebaliknya perisytiharan cuti ini memberi kelebihan kepada semua warga kerja kerajaan untuk keluar membuang undi dengan lebih bebas mengikut kesesuaian mereka. Tindakan Kerajaan Negeri telah memberi kesan positif kepada peratus pengundi yang keluar mengundi pada pilihan raya kecil Parlimen Permatang Pauh iaitu melebihi 80%.

Maklum balas daripada pihak FMM menunjukkan bahawa tidak banyak kilang yang ditutup pada 26 Ogos 2008 walaupun Kerajaan Negeri mengisytiharkan hari tersebut sebagai hari cuti umum. Sebaliknya, pelepasan diberi kepada pekerja untuk keluar membuang undi pada hari tersebut. Setakat ini Kerajaan Negeri tidak menerima apa-apa laporan kerugian yang dialami oleh FMM atau ahli-ahlinya, begitu juga dengan Persatuan Bank-bank. Yang Berhormat Tuan Speaker, kerajaan juga....(gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato’ Haji Azhar bin Ibrahim):

Minta laluan, ini soalan yang saya bangkitkan, hari ini baru saya dengar jawapan itu. Mengapa masa soalan lisan dikemukakan hari itu yang tidak sempat dijawab dan tidak diberi jawapan.

Yang keduanya tadi Y.A.B. menyatakan bahawa tidak ada sebarang kerugian atau pun penambahan perbelanjaan, maksudnya itu, jadi saya pun tidak dapat *check* ini dan berapa banyak kerugian pihak swasta, pengilang dan sebagainya. Tapi saya terima jawapannya itu tetapi akan diselidiki, benar atau tidak kerugian di kalangan pihak swasta dan sebagainya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Y.B. Tuan Speaker, untuk pengetahuan Yang Berhormat Ketua Pembangkang ini adalah maklum balas dari pihak swasta kerana sungguh pun Kerajaan Negeri mengisytiharkan hari cuti tetapi pihak swasta tidak mengisytiharkan hari cuti, kerja juga. Oleh sebab itu mereka tidak mengalami sebarang kerugian, kalau ada apa pun yang mereka buat persiapan untuk membantu perjalanan Pilihan Raya Kecil Parlimen Permatang Pauh yang licin mereka telah membenarkan pekerja-pekerja balik dengan lebih awal supaya mereka boleh membuaang undi. Itu sebab kita tidak terima sebarang aduan bahawa ada sebarang kerugian dari pihak swasta, itulah jawapan saya dan makluman yang saya terima.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Saya bangkitkan ini sebab saya juga merujuk kepada kenyataan yang telah dibuat oleh CUEPACS, MTUC dan sebagainya. Apa katanya, menjejaskan produktiviti kilang berkenaan, dia yang buat *statement*, jadi saya bertanya, soalnya apakah kerugiannya. Mungkin saya rujuk kepada mengapa buat *statement* kalau sekiranya tidak ada kerugian, saya terima jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat, saya hendak tanya balik mengapakah membuat *statement* begini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

Yang Berhormat Ketua Pembangkang, saya hanya bertanggungjawab untuk kenyataan yang dikeluarkan oleh saya. Saya tidak boleh bertanggungjawab kenyataan yang dikeluarkan orang-orang lain. Lebih baik Yang Berhormat Ketua Pembangkang tanya kepada mereka, terima kasih, harap boleh tanya kepada mereka.

Kerajaan Negeri mengambil maklum masalah yang dihadapi oleh penjawat awam yang bertugas di KOMTAR, sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Keramat. Pada masa ini Kerajaan Negeri dalam proses perbincangan dengan empat syarikat pengendali tempat letak kereta di sekitar KOMTAR untuk mendapatkan tawaran terbaik pada harga yang amat berpatutan bagi menyediakan kawasan letak kereta bagi semua kakitangan awam.

Yang Berhormat Tuan Speaker, prestasi MPPP telah menurun dengan baki kumpulan wang pada RM297.4 juta kepada RM164.3 juta pada akhir 2007. Sebelum yang itu RM297.4 juta ialah pada tahun 2000. Sebelum menambahbaikkan kepada RM198.7 juta pada akhir 31 Oktober 2008, berikutan tumpuan kerajaan baru kepada urus tadbir CAT untuk menjalankan perbelanjaan berjimat cermat dan berhemah, tanpa mengurangkan program pembangunan. Prestasi kewangan bertambah baik pada tahun 2009 berikutan kelulusan Bajet RM221.8 juta yang merupakan Bajet berimbang 2009. Di samping itu, untuk MPSP salah

pengurusan untuk Kerajaan Negeri yang lepas dan sikap acuh tak acuh ahli EXCO dulu yang bertanggungjawab yang menyebabkan keadaan defisit MPSP bertambah sehingga baki kumpulan wang susut daripada RM225 juta pada tahun 2000 kepada RM6.4 juta pada akhir tahun ini. Faktor utama kemerosotan kewangan ialah bangunan Dewan Bandaran dan pejabat sebanyak RM85 juta. Perbelanjaan peruntukan sebanyak RM59 juta pembangunan kecil sebanyak untuk ADUN daripada RM59 juta untuk ADUN RM50.3 juta dan Ahli Majlis Kerajaan Tempatan MPSP RM8.6 juta yang tidak lain adalah politik wang untuk wakil rakyat dan Ahli-ahli Barisan Nasional ...(gangguan). Lain-lain kos pengurusan untuk kemudahan rakyat adalah pengurusan sisa bersepadu yang diperkenalkan pada 2002 sebanyak RM68.8 juta dan pengambilan tanah sebanyak RM33.2 juta.

Di samping itu, kos pembayaran hawa dingin, ini yang kita memang tak puas hati, mengapa kita kena bayar untuk syarikat yang bekalkan hawa dingin untuk MPSP, ibu pejabat MPSP, di samping itu kos pembayaran hawa dingin hampir, bukan hampir lebih RM800 ribu setahun iaitu kira-kira secara purata hampir RM70 ribu sebulan. Bekalan hawa dingin ini telah diberikan kepada sebuah syarikat iaitu *Aseania Liner District Kulim Sdn. Bhd.*, mengikuti satu perjanjian *chilwater supply agreement* di mana ia adalah satu anak syarikat *Aseania Development Sdn. Bhd.* Siapa itu syarikat *Aseania* saya rasa semua orang tahu. So sehingga kini bayaran bulanan untuk hawa dingin bagi ibu pejabat MPSP di Bandar PERDA bagi tahun 2008 untuk 5 bulan pertama, saya nak baca untuk memberitahu kos yang dialami Januari, RM68 ribu, Februari RM57 ribu, Mac RM59 ribu, April RM65 ribu, Mei RM69 ribu, satu bulan untuk bayar *aircond* hampir RM70 ribu, siapa yang untung *Aseania* yang untung. Siapa yang rugi rakyat yang rugi, jelas sekali pihak tertentu dan kronisme dalam UMNO dan Barisan Nasional merupakan sebab utama pemberian kontrak yang begitu lumayan diberikan. Kerajaan Negeri akan terus berusaha merawat dan memulihkan prestasi kewangan MPSP dan adalah diharapkan semua pihak termasuk parti pembangkang harus memberikan kerjasama, sekurang-kurangnya menebus balik kesilapan dan salah pengurusan mereka. Silakan.

Ahli kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Saya rasa Yang Amat Berhormat Ketua Menteri kena semak balik sejarah, bagaimana MPSP bina bangunan baru siapa yang mengarahkan bangunan baru itu dibina di situ dan sapa yang mengarahkan EXCO Kerajaan Negeri suruh bagi syarikat-syarikat ini. Lebih baik Yang Amat Berhormat *check*, nasihat saya tak mahu sebutlah, cuma *check* siapa yang suruh pada ketika itu. (gangguan) Siapa yang kroni ketika itu?

Y.A.B. Ketua Menteri :

Siapa yang buat keputusan.

Ahli kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Diarahkan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Diarahkan oleh siapa.

Ahli kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Oleh bekas Timbalan Perdana Menteri.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Ada bukti tak.... Berikanlah bukti semua senang, lemparkan kepada Datuk Seri Anwar semua senang, kerana masa itu, *you* cakap bekas Timbalan Perdana Menteri siapa lagi ini senang, so kalau ada bukti tunjukkan bukti janganlah semua salahkan beliau, saya rasa itu amat tidak tanggungjawab, kalau tengah cakap ini Aseania sahaja, bukan saya Aseania jangan tentang itu peruntukan kepada ADUN dan itu Ahli Majlis Kerajaan Tempatan sampai RM59 juta, mana wang itu pergi... (gangguan) Ini semua jelas sekali politik wang.. (gangguan), sila.

Ahli kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Saya ingat tak betul kata ini politik wang, kerana peruntukan disediakan kepada ADUN dan juga kepada Ahli-ahli Majlis adalah untuk pembinaan infrastruktur bagi parit, longkang di kampung-kampung , *check* balik rekod. Tanyalah MPSP (gangguan) ini bukan politik wang.... (gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Politik wang kerana longkang-longkang itu masih tersumbat (gangguan) jalan-jalan itu masih berlubang....(gangguan). Ini apa ini.... (gangguan).

Ahli kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Longkang sumbat kerana tak ada penyelenggaraan MPSP.... (gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Dahlah, dahlah, sudahlah, saya faham Yang Berhormat daripada Sungai Dua terpaksa menjalankan tugas untuk pertahankan parti. Ini saya faham, jalan tugas, saya tahu, tapi hakikatnya dan kebenarannya semua rakyat tahu (gangguan) tumbuh itu, apa ini bunga-bunga, bagi projek padang, dulu satu padang tenis, ada satu gelanggang tenis, semua sudah pergi, pergi mana. Buat untuk projek apa, itu yang kita

sudah tahu angkara yang menyebabkan (gangguan) saya habis ini, saya tengah ucap ini, so angkara parti pemerintah sebelum ini, di mana *surplus* RM225 juta boleh hilang, kita tengok berapa, tengok sini, RM248 juta kalau kita ambil kira Bajet 2008. So saya harap di sini janganlah nafikan kebenaran, kalau terus *deny more* saya rasa itulah sebabnya Kerajaan Negeri menghadapi kesulitan kewangan. Yang Berhormat Permatang Berangan.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Terima kasih, Y.B. Tuan Speaker. Saya rasa apa yang disebutkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri berkenaan dengan peruntukan-peruntukan yang dibagikan kepada DUN sebagai politik wang dan sebagainya itu sebagai satu perkara yang bersifat tuduhan. Jadi sebaik mungkin semaklah, macam mana duit itu telah dibelanjakan untuk tujuan-tujuan infrastruktur, tidak ada pembaziran di situ, longkang tersumbat dan sebagainya, itu penyelenggaraan yang penting, duit itu diberi untuk buat longkang-longkang adalah. Tapi tersumbat, itu masalah lain, masalah penyelenggaraan dan sebagainya...(gangguan) Duit dibagi, kalau duit dibagi RM50 ribu untuk buat longkang-longkang ada RM50 ribu, sumbat itu cerita lain. Sumbat kerana tak ada penyelenggaraan, duit RM50 ribu belanja untuk buat longkang ...(gangguan).

Yang kedua Y.B. Tuan Speaker, yang kedua, saya dengar tadi sepanjang penjelasan Y.A.B. Ketua Menteri bahawa Kerajaan Negeri begitu beria-ria buat penjimatan dari aspek itu dan ini. Saya nak mohon pengesahan ada atau tidak kakitangan Kerajaan Negeri tak kira sama ada Ahli Yang Berhormat biasa yang bekerja sampai 4 pagi saban hari, menggunakan elektrik di KOMTAR, paksa pula penjaga lif membuat OT, tak boleh balik hanya kerana menunggu orang-orang tertentu, balik pada pukul 4 pagi dan kerap pula tu, jadi kita nak tau lah perkara ini, minta Y.A.B. Ketua Menteri siasatlah, dan kalau berlaku saya rasa, perlukah

tiap-tiap hari kita kerja sampai 4 pagi pada ketika itu staf-staf lain kerja kita *make use time* secara begitu berhemah tak perlu bekerja sampai 4 pagi. Jadi di sini banyak berlaku pembaziran juga. Terima Kasih.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya rasa Yang Berhormat cakaplah terang teranglah buat itu tohmahan sedemikian, saya ingat ini tak bagus itu kawan-kawan PAS saya pun cakap tak boleh itu tohmahan dan fitnah itu tak baik. ... (gangguan), kalau ada bukti YDP MAIPP mesti tunjukkan contoh yang baik tak boleh buat tohmahan-tohmahan fitnah, tak ada bukti buat sahaja sembarangan. Sekarang Yang Berhormat bukanlah Yang Berhormat biasa, sekarang...(gangguan), kalau ada tuduhan siapa itu, Yang Berhormat yang duduk sampai pukul 4 pagi mungkin dia ada urusan saya tak tahu, tapi saya nak tahu sapa duduk sampai 4 pagi. Sila.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Ini yang saya minta Y.A.B. Ketua Menteri buat siasatan, rakyat memberitahu saya, saya tak *confirm* saya tak tahu, sebab tu dalam ucapan saya tadi saya kata, dengar baik-baik Kerajaan Negeri nak membuat prinsip jimat cermat, tapi saya dengar ada segi *miss used* yang macam tadi, betul tak betul, nafikan, kalau betul buktikan saja, saya nak minta penjelasan, saya bangun tadi pun nak minta penjelasan bukan saya kena buktikan, saya dengar dan saya nak tahu dalam Dewan yang mulia ini, Y.A.B. Ketua Menteri sebagai Ketua Pentadbiran Negeri saya minta benda ni dijelaskan kalau tak ada, tak apalah. Terima kasih.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Tempat Dewan yang mulia ini ialah tempat untuk memberikan hujah-hujah yang lunsas, hujah-hujah yang berisi, hujah-hujah yang berfakta, bukan datang sini untuk buat khabar angin. Ini bukan tempat untuk buat surat layang, selalu cakap ...(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Kalau surat layang saya tak cakap depan-depan, ...(gangguan), ini saya tanya depan-depan...(gangguan), saya dengar umum, orang pun tak bagi tahu saya nama siapa(gangguan), sebab itu saya nak kalau tak ada, cakap tak ada saja(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Dengar umum tanpa siasatan, boleh percaya kah? adakah ini standard pembangkang yang kita lihat, tanpa siasatan anggap ini benar? ada bukti tak, bukti sekarang kalau berani, kalau Yang Berhormat berani sebutkan nama siapa yang bekerja sampai pukul 4 pagi. Kalau tidak janganlah buat tohmahan, jangan buat fitnah sedemikian. Saya rasa ini tak layak untuk seorang yang bergelar Y.D.P. MAIPP. Betul tak. Baru tahu.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Okey, minta laluan, tadi apa yang diperkatakan cakap jangan buat tohmahan mesti ada bukti, saya pernah lalui dalam Dewan ini yang saya dituduh menggunakan bilik VIP, tidak ada bukti, itu adalah tuduhan semata-mata, sampai bila pun saya akan ingat ini. Siapa yang tuduh, semua orang tau lah, siapa yang tuduh ...(bising)...(gangguan). Pada tanggal itu, pada *flight* mana semua ...(gangguan), itu kah *standard* macam tu yang Yang Berhormat (gangguan)

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya faham duduk, duduk, saya faham maksud Yang Berhormat ...(gangguan) saya faham maksud Yang Berhormat, okey.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Okey, saya sebagai orang yang..., saya minta laluan sikit sahaja, okey ...(gangguan), sikit ja, sikit ja, saya.... (gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya dengar itu Y.B. Ketua Pembangkang, saya rasa ini saya tak pernah bangkit, so kalau nak saya uruskan, saya ingat ini bukan tempatnya lah, kerana ini tidak ada kaitan dengan....sila, sila.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Saya nak cakap sikit ja, macam inilah. Saya pun tak tahu macam mana nak membantu Yang Amat Berhormat Ketua Menteri tapi saya bagi pandangan macam ni, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri boleh periksa *claim ot*, pegawai yang menjaga lif, dan boleh dapat hari-hari yang dia bertugas sehingga lewat-lewat pagi dan boleh mendapatkan

maklumat daripada beliau siapa yang berkenaan. Jadi setakat itu lah yang boleh saya bantu, lebih daripada tu, di bawah tanggungjawab eksklusif Yang Amat Berhormat Ketua Menteri. Terima kasih.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya rasa Yang Berhormat tahu tentu ada nama yang tersurat dan tersirat. Tapi tak mahu pula sebutkan, sebutkan namalah, saya rasa itu satu sikap yang tidak bertanggungjawab kalau hanya dengar pada khabar. Kalau macam ni kita mesti siasat semua orang o.t, pegawai kerajaan tak payah buat kerja lagi, yang jaga lif saja, saya rasa itu, tengoklah sampai jaga lif, ini orang cakap jaga tepi kain orang, ni jaga lif. ...(ketawa),...(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Ini penjimatan, kalau sampai lif jalan sampai 4 pagi dok buat apa ...(gangguan)... (bising).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Kerajaan Negeri sedang kaji.....(gangguan)...(bising).

Y.B. Tuan Speaker:

Yang Amat Berhormat Ketua Menteri,

Y.A.B. Ketua Menteri:

Ya.

Y.B. Tuan Speaker:

Y.A.B. Ketua Menteri biar saya buat pengumuman. Daripada 4, 5 hari kita bersidang ada banyak tohmahan yang dibuat dan tanpa bukti. Ahli-ahli Yang Berhormat yang membuat apa-apa pernyataan sila bukti ataupun sila kemukakan fakta-fakta. Kalau kita hendak membuat sebarang pernyataan tanpa bukti, kita tak akan habis. Sidang ini tidak akan habis bersidang. Saya minta Y.A.B. Ketua Menteri teruskan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Kerajaan Negeri sedang mengkaji kesesuaian penggunaan NGV untuk kenderaan rasmi Kerajaan Negeri memandangkan ianya melibatkan implikasi kewangan terhadap Kerajaan Negeri kerana pada masa ini, hanya satu stasion minyak beralamat di PETRONAS Servis Stesen, Perai iaitu di Lot 93, Kawasan Perusahaan Perai, 13600 Perai yang menyediakan perkhidmatan ini. Sebagai penutup seperti yang saya tegaskan sebelum ini.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Y.B. Tuan Speaker, saya dengar yang berbunyi sebagai penutup itu, saya terpaksa bangunlah. Ada 2 perkara yang saya bangkitkan, ada 4, 5 tetapi 2 perkara yang ingin saya bangkitkan yang tak dijawab oleh Y.A.B. Ketua Menteri.

Pertama sekali mengenai tanah. Saya tunggu-tunggu, dia kata tadi tanah pasal Sungai Dua. Saya juga membangkitkan tanah PERDA yang tak diproses selama 5 atau 6 bulan. Saya dah bagi nama, nama dia saya boleh ulang balik, ya, lot PT. 105 Mukim 2, Telok Bahang. *Submit* kepada PTG pada 13.6.2008. Dan satu lagi ialah lot PT. 1050 Mukim 11 Sungai Batu pada 24.6.2008. Mungkin yang ini Y.A.B. akan dapat semak semula.

Satu lagi mengenai dengan apakah rancangan Y.A.B. nak meneruskan juga nak bagi bantuan air dalam skim bantuan rakyat termiskin seramai 170 ribu buah keluarga. Kerana saya tengok ini, kalau kita teruskan juga kita tanya *consent* kita yang 170 ribu keluarga. Saya tahu semua Y.B. ini mesti kata *yes*, pasal *Big Boss*, Ketua Menteri, Y.A.B. Ketua Menteri telah menyatakan itu. Tetapi balik dulu sengap-sengap fikir, apakah wajar, (apa yang dok hu, hu tu..). Adakah wajar 170 ribu rumah yang boleh diberikan itu. Ini saya bangkitkan. Kerana cara ini bukan nak membantu nak hapuskan miskin tegar, ini seolah-olah macam nak bagi duit pada semua. Ya, politik wang lah tu. Nanti sat saya nak habiskan. Jadi kesimpulannya, saya dapat lihat ialah di sini satu, kalau nak bagi 100, 100 rumah keluarga miskin tegar ini, baru ada 400 rumah lebih.

Akhir nya pada hujung esok ini, akan *claim* duit ini kita dapat jimat cermat, defisit RM90 juta kita dapat kurangkan, satu. Yang kedua mungkin Y.A.B. nak main politik kah, menggunakan skim bantuan rakyat termiskin untuk bagi air kepada 170 ribu buah rumah. Lebih daripada separuh rakyat Pulau Pinang. Itu Y.A.B. tak sentuh.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Tentang itu saya akan beri jawapan bertulis. Tentang air itu, saya rasa itu adalah berasingan. Berasingan kerana yang diberikan kepada rakyat termiskin, itu tak ada kaitan langsung dengan jumlah bantuan ihsan kepada 170 ribu keluarga. Yang termiskin masih akan dibantu kerana golongan ini kita yang paling ambil berat sekali. Tetapi untuk 170 ribu, ini adalah peruntukkan berasingan tak ada kaitan dengan mereka yang termiskin. So, yang RM17 juta untuk 170 buah keluarga yang termiskin masih akan dibantu untuk membolehkan mereka melepaskan diri daripada kepompong kemiskinan. Untuk 170 ribu keluarga, kita bagi RM100 kerana kita tahu dalam kegawatan ekonomi sekarang, mereka perlukan sedikit sumbangan. Saya rasa apabila kita bagi RM17 juta, ini jauh berkurangan daripada RM59 juta yang telah dibazirkan oleh kerajaan yang lepas dalam MPSP. Itulah sebab kita nak buktikan, kita prihatin kepada mereka yang susah. Apa salahnya, kalau kita memberitahu mereka bahawa mereka bahawa kerajaan tahu dan keadaan harga barangan naik. Sungguhpun, harga minyak turun tapi tak turun cukup cepat. Rakyat susah, kita berikan sedikit bantuan. Saya tahu untuk parti pembangkang tak biasa, tak biasa kerajaan bagi wang kepada rakyat. Tak apalah, biasakan dirilah. Kerajaan baik boleh bagi wang kepada rakyat.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Itu 170 ribu adakah rakyat miskin yang sebanyak itu? Rumah 170, nak bagi duit, apakah mereka tidak mampu untuk bayar bil air RM29 sebulan, ataupun itu adalah satu permainan politik nak menarik hati rakyat kata, kami parti Pakatan Rakyat ini yang bagi duit. Ini sudah politik wang. Kalau dari segi RM17 juta yang diperuntukkan untuk rakyat termiskin, sebab itu saya kata siang itu, bagi seorang seribu kepada rakyat termiskin tak perlu tunggu Mac 29. Besok, lusa pun selesai masalah itu. Kerana tak perlu rakyat yang ramai begitu yang memerlukan bantuan air, dah tak perlu. Ini mainan politik lah Yang Amat Berhormat.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Yang Berhormat Ketua Pembangkang, bila kita bagi wang pula, capak kita main politik. Bila bagi kontrak kepada kroni-kroni UMNO

bukan main politik. Saya rasa rakyat lebih suka kerajaan yang berikan bantuan apabila mereka susah. Dalam aspek ini kita memberikan kepada mereka yang berpendapatan sederhana dan rendah. Macam

yang saya sebut sebelum ini, kalau PETRONAS mampu memberikan wang kepada rakyat Malaysia, mengapa mereka tak buat demikian. So itu yang saya rasa tak adil kerana kita semua...(dengan izin), *stakeholders in Malaysians Economy*. Kita semua ada bahagian dan kalau kita cakap dari aspek saksama keadilan dan kesaksamaan haruslah setiap orang dapat atau setiap keluarga berpendapatan rendah dapat menikmati bantuan ihsan ini.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Kalaulah peruntukkan yang ada RM17 juta itu nak benar-benar membantu rakyat miskin tegar dan miskin, tak perlulah digunakan wang RM17 juta itu untuk 170 ribu keluarga. Mereka yang golongan miskin dan kurang miskin tegar dan miskin itu hanya lebih kurang 2,000 orang sahaja di Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Itu kita akan tetap membantu, Y.B. Ketua Pembangkang jangan bimbang, kita akan bantu yang tak dibantu sebelum ini. Kita akan bantu, jangan bimbang seperti yang saya cakap yang tak dibantu sebelum ini. Tetapi kita pun nak pastikan perhatian diberikan kepada mereka yang berpendapatan rendah. Itulah sebabnya saya harap bahawa seperti yang saya selalu tegaskan Negeri Pulau Pinang, kaya dan bangga dengan sumber manusia, etika kerja yang tinggi, warisan berbudaya, keharmonian sosial dan pemandangan yang indah. Kerajaan Negeri akan bina kejayaan Negeri Pulau Pinang atas asas daya tenaga, daya pakar dan daya usahawan rakyatnya.

Saya tak mahu jawab tentang isu papan tanda bahasa kerana saya rasa Y.B. daripada Padang Kota telah jawab. Saya tak mahu jawab tetapi saya hanya harapkan bahawa Yang Berhormat daripada parti pembangkang janganlah kita hidup ibarat seperti katak di bawah tempurung. Tak boleh memenuhi aspirasi antarabangsa. Kalau Yang Berhormat dari parti pembangkang terus nak hidup sebagai katak di bawah tempurung biarkanlah terus ditempurungkan. Tetapi Kerajaan Pakatan Rakyat Pulau Pinang enggan, tidak mahu bertempurung. Dulu mungkin tapi kini tidak dan selama-lamanya.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Yang Amat Berhormat, kalau nak terjun dengan labu-labu, terjunlah dengan labu-labu.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Ini macam Pak Lebai lah. Ketua Pembangkang macam Pa' Lebai. Bagi mengakhiri ucapan ini, saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah turut serta dalam perbahasan ke atas ucapan Bajet 2009. Saya berharap agar kita semua bersama-sama mengekalkan perpaduan, mewujudkan keamanan dan keharmonian dalam Negeri Pulau Pinang. Kita akan juga bersedia menerima idea-idea sungguhpun daripada parti pembangkang, kalau ia bernas, kalau ia waras, sekiranya ia lunas, tapi kalau ia tak waras, kalau dia tak lunas, kalau dia tak bernas saya rasa kita semua hanya akan makan beras sahaja. So dengan itu saya ingin menyokong. Sekian.

Y.B. Tuan Speaker:

Ahli Yang Berhormat masalah yang kita hadapi sekarang ialah Rang Undang-undang Perbekalan 2009 dibacakan bagi kali yang kedua. Ahli yang bersetuju katakan "Ya." Ahli yang tidak bersetuju katakan "Tidak."

Ahli Kerajaan:

"Ya."

Y.B. Tuan Speaker:

"Ya," lebih banyak.

Setiausaha:

Rang Undang-undang bernama Satu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada kumpulan wang disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2009 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

Y.B. Tuan Speaker:

Rang Undang-undang telah dibacakan bagi kali yang kedua. Rang Undang-undang ini sekarang akan ditimbangkan di dalam Jawatankuasa Perbekalan.

Setiausaha:

Jadual.

Y.B. Tuan Speaker:

Kepala B.01 – Pejabat Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan RM 84,354,290.00.

“Bahawa jumlah wang sebanyak RM84,354,290.00 untuk Kepala B.01 adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?”

Ahli Kerajaan:

“Ya.”

Y.B. Tuan Speaker:

Kepala B.02 – Pejabat Tanah dan Galian – RM 6,061,040.00.

“Bahawa jumlah wang sebanyak RM 6,061,040.00 untuk Kepala B.02 adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?”

Ahli Kerajaan:

“Ya.”

Y.B. Tuan Speaker:

Kepala B.03 – Pejabat Daerah dan Tanah, Daerah Timur Laut – RM 5,236,030.00.

“Bahawa jumlah wang sebanyak RM5,236,030.00 untuk Kepala B.03 adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?”

Ahli Kerajaan:

“Ya.”

Y.B. Tuan Speaker:

Kepala B.04 – Pejabat Daerah dan Tanah, Daerah Barat Daya – RM 4,606,800.00.

“Bahawa jumlah wang sebanyak RM 4,606,800.00 untuk Kepala B.04 adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?”

Ahli Kerajaan:

“Ya.”

Y.B. Tuan Speaker:

Kepala B.05 – Pejabat Daerah dan Tanah, Seberang Perai Utara – RM5,475,710.00.

“Bahawa jumlah wang sebanyak RM5,475,710.00 untuk Kepala B.05 adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?”

Ahli Kerajaan:

“Ya.”

Y.B. Tuan Speaker:

Kepala B.06 – Pejabat Daerah dan Tanah, Seberang Perai Tengah – RM4,849,880.00.

“Bahawa jumlah wang sebanyak RM 4,849,880.00 untuk Kepala B.06 adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?”

Ahli Kerajaan:

“Ya.”

Y.B. Tuan Speaker:

Kepala B.07 – Pejabat Daerah dan Tanah, Seberang Perai Selatan – RM 4,306,500.00.

“Bahawa jumlah wang sebanyak RM 4,306,500.00 untuk Kepala B.07 adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?”

Ahli Kerajaan:

“Ya.”

Y.B. Tuan Speaker:

Kepala B.08 – Jabatan Pengairan dan Saliran RM25,644,300.00.

“Bahawa jumlah wang sebanyak RM25,644,300.00 untuk Kepala B.08 adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?”

Ahli Kerajaan:

“Ya.”

Y.B. Tuan Speaker:

Kepala B.09 – Jabatan Perhutanan – RM 2,093, 710.00.

“Bahawa jumlah wang sebanyak RM 2,093, 710.00 untuk Kepala B.09 adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?”

Ahli Kerajaan:

“Ya.”

Y.B. Tuan Speaker:

Kepala B.10 – Jabatan Taman Botani – RM2,776.270.00.

“Bahawa jumlah wang sebanyak RM 2,776,270.00 untuk Kepala B.10 adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?”

Ahli Kerajaan:

“Ya.”

Y.B. Tuan Speaker:

Kepala B.12 – Jabatan Kerja Raya – RM 29,362,640.00.

“Bahawa jumlah wang sebanyak RM 29,362,640.00 untuk Kepala B.12 adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?”

Ahli Kerajaan:

“Ya.”

Y.B. Tuan Speaker:

Kepala B.13 – Jabatan Hal Ehwal Agama – RM 9,932,660.00.

“Bahawa jumlah wang sebanyak RM 9,932,660.00 untuk Kepala B.13 adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?”

Ahli Kerajaan:

“Ya.”

Y.B. Tuan Speaker:

Kepala B.14 – Jabatan Kebajikan Masyarakat – RM4,914,430.00.

“Bahawa jumlah wang Kepala B.14 adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?”

Ahli Kerajaan:

“Ya.”

Y.B. Tuan Speaker:

Kepala B.15 – Jabatan Perancangan Bandar dan Desa –
RM 2,967,510.00.

“Bahawa jumlah wang sebanyak RM 2,967,510.00 untuk Kepala B.15 adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?”

Ahli Kerajaan:

“Ya.”

Y.B. Tuan Speaker:

Kepala B.16 – Jabatan Kewangan Negeri – RM108,935,700.00.

“Bahawa jumlah wang sebanyak RM 108,935,700.00 untuk Kepala B.16 adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?”

Ahli Kerajaan:

“Ya.”

Y.B. Tuan Speaker:

Kepala B.17 – Jabatan Perkhidmatan Veterinar – RM3,976,800.00.

“Bahawa jumlah wang sebanyak RM3,976,800.00 untuk Kepala B.17 adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?”

Ahli Kerajaan:

“Ya.”

Y.B. Tuan Speaker:

Kepala B.18 – Jabatan Pertanian – RM 6,956,540.00.

“Bahawa jumlah wang sebanyak RM 6,956,540.00 untuk Kepala B.18 adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?”

Ahli Kerajaan:

“Ya.”

Y.B. Tuan Speaker:

Kepala B.19 – Jabatan Mufti – RM 1,959,050.00.

“Bahawa jumlah wang sebanyak RM 1,959,050.00 untuk Kepala B.19 adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?”

Ahli Kerajaan:

“Ya.”

Y.B. Tuan Speaker:

Kepala B.20 – Jabatan Kehakiman Syariah – RM 4,357,590.00.

Bahawa jumlah wang sebanyak RM 4,357,590.00 untuk Kepala B.20 adakah menjadi sebahagian daripada Jadual?”

Ahli Kerajaan:

“Ya.”

Setiausah Dewan:

Fasal 1.

Y.B. Tuan Speaker:

Fasal 1 adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?

Ahli Kerajaan:

“Ya.”

Setiausaha:

Fasal 2.

Y.B. Tuan Speaker:

Fasal 2 adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?

Ahli Kerajaan:

“Ya.”

Setiausaha:

Rang Undang-undang bernama “Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2009 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.”

Y.B. Tuan Speaker:

Tajuk penuh dan fasal yang mengundangkan adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?

Ahli Kerajaan:

“Ya.”

Y.B. Tuan Speaker:

Dewan bersidang semula.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Tuan Speaker saya mohon melaporkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2009 telah pun dipertimbangkan sefasal demi sefasal dalam Jawatankuasa dan dipersetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini sekarang dibacakan bagi kali yang ketiga serta diluluskan.

Y.B. Tuan Speaker:

Masalah yang kita hadapi sekarang ialah Rang Undang-undang dibacakan bagi kali yang ketiga serta diluluskan. Ahli yang bersetuju katakan "Ya," yang tidak bersetuju katakan "Tidak."

Ahli Kerajaan:

"Ya."

Y.B. Tuan Speaker:

'Ya' lebih banyak.

Setiausaha:

Enakmen Perbekalan 2009. Maka dengan ini adalah di perundangkan oleh Kuasa Undangan Negeri Pulau Pinang.

Y.B. Tuan Speaker:

Rang Undang-undang telah dibacakan bagi kali yang ketiga dan diluluskan. Masalah yang kita hadapi sekarang ialah usul yang telah dikemukakan oleh Y.A.B. Ketua Menteri yang berbunyi:

"Bahawa Dewan ini meluluskan Perbelanjaan sebanyak RM 186,039,050.00 (Ringgit Malaysia : Seratus Lapan Puluh Enam Juta Tiga Puluh Sembilan Ribu Lima Puluh Sahaja) yang dibentangkan sebagai Risalah Dewan Undangan Negeri Bil. 8 Tahun 2008 dan menetapkan bahawa jumlah yang tersebut hendaklah digunakan bagi tujuan yang ditetapkan dalam Anggaran Pembangunan 2009, dipersetujui."

Ahli yang bersetuju katakana "Ya," yang tidak bersetuju katakan "Tidak."

Ahli Kerajaan:

“Ya.”

Y.B. Tuan Speaker:

“Ya”, lebih banyak. Usul dipersetujui.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Y.B. Tuan Speaker saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan sekarang.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Y.B. Tuan Speaker saya mohon menyokong.

Y.B. Tuan Speaker:

Dewan ditangguhkan ke suatu tarikh yang akan diberitahu kemudian.

Dewan tamat pada jam 3.00 petang.